

PNB

Teguh Memperkasa, Kukuh Bertahan

Laporan Bersepadu 2024



Kami dengan hormatnya membentangkan Laporan Bersepadu 2024 Permodalan Nasional Berhad (PNB), laporan bersepadu ketiga kami, yang memberikan naratif seimbang dan tepat mengenai prestasi kewangan dan bukan kewangan kami bagi tahun tersebut. Dalam laporan ini, kami telah memberi penekanan mengenai risiko dan peluang yang kami harungi demi mewujudkan nilai pihak berkepentingan dengan menggunakan keenam-enam modal kami. Laporan ini adalah relevan kepada semua pihak berkepentingan yang ingin memahami cara kami berusaha memenuhi Matlamat kami untuk mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi.

Asas Laporan ini

Kematanan

Kandungan laporan ini mencerminkan perkara yang kami telah kenal pasti sebagai relevan atau mempunyai kepentingan matan kepada pihak berkepentingan kami. Perkara-perkara matan ini telah dikenal pasti melalui keterlibatan ekstensif pihak berkepentingan dan penilaian dalaman yang berterusan. Secara keseluruhannya, ia menggambarkan risiko dan peluang sedia ada dan bakal muncul yang boleh memberi kesan kepada keupayaan kami untuk mencipta nilai.

Rangka kerja Pelaporan

Semasa menyediakan laporan ini, kami telah dipandu oleh prinsip dan keperluan yang berikut:

- Rangka Kerja Pelaporan Bersepadu (IRF) yang dikeluarkan oleh Yayasan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS)
- Panduan Tadbir Urus Korporat (Edisi Ke-3) yang dikeluarkan oleh Bursa Malaysia
- Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) 2021 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC)
- Akta Syarikat 2016
- Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia
- Keperluan kawal selia lain yang berkenaan

Pernyataan Kelestarian kami dipandu oleh:

- Piawaian Pelaporan Kelestarian Inisiatif Pelaporan Global (GRI)
- Matlamat Pembangunan Lestari Bangsa-bangsa Bersatu (UNSDGs)
- Lembaga Piawaian Perakaunan Kelestarian (SASB)
- Cadangan Pasukan Petugas mengenai Pendedahan Kewangan berkaitan Iklim (TCFD)
- Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab (PRI)



Skop dan Sempadan

Pendedahan dalam laporan ini berkaitan terutamanya dengan aktiviti dan acara utama yang melibatkan PNB dan dana amanah kami meliputi tahun tersebut dari 1 Januari 2024 – 31 Disember, melainkan dinyatakan sebaliknya.

Pernyataan Berkaitan Masa Depan

Laporan ini mengandungi pernyataan berkaitan masa depan tertentu yang berkaitan dengan prestasi masa hadapan. Pernyataan sedemikian adalah berdasarkan andaian dan situasi semasa yang boleh berubah, dan yang pastinya boleh melibatkan ketidakpastian. Pelbagai faktor boleh menyebabkan keputusan sebenar berbeza secara nyata daripada keputusan yang dinyatakan atau tersirat oleh pernyataan berkaitan masa depan ini.



Maklum Balas

Kami mengalu-alukan semua pertanyaan, komen dan maklum balas mengenai Laporan Bersepadu kami demi memperjelaskan isu dan seterusnya menambah baik laporan kami. Silalah berhubung dengan kami menerusi info@pnb.com.my

Ikon Menu

Enam Modal Tersebut:

- | | |
|-----------------------------|--|
| FC Modal Kewangan | MC Modal Pembuatan |
| HC Modal Insan | SC Modal Perhubungan dan Sosial |
| IC Modal Intelektual | NC Modal Alam Semula Jadi |

Pihak Berkepentingan

- | | |
|---|---|
| S1 Kakitangan | S7 Pengurus Pelaburan |
| S2 Pemegang Unit atau Pelanggan | S8 Persatuan Industri dan Rakan Setara |
| S3 Ejen | S9 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) |
| S4 Perantara (termasuk Penganalisis) | S10 Syarikat Pelaburan |
| S5 Pembekal | S11 Komuniti |
| S6 Kerajaan dan Badan Kawal Selia | S12 Media |

Risiko Utama

- | | |
|--------------------------------------|----------------------------|
| MR Risiko Pasaran | CR Risiko Kredit |
| LR Risiko Kecairan | TR Risiko Teknologi |
| IR Risiko Penumpuan Pelaburan | |

Perkara-Perkara Matan

- | | |
|---|---|
| M1 Prestasi Ekonomi | M9 Hak Buruh |
| M2 Privasi dan Keselamatan Data | M10 Alam Sekitar dan Biodiversiti |
| M3 Takbir Urus dan Etika | M11 Pengurusan Bakat |
| M4 Pengalaman dan Kepuasan Pelanggan | M12 Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab |
| M5 Perubahan Iklim | M13 Kepelbagaian, Ekuiti dan Keterangkuman |
| M6 Impak Sosial | M14 Rantaian Bekalan |
| M7 Maklumat Telus dan Amalan Adil | M15 Impak Alam Sekitar |
| M8 Inovasi dan Teknologi | |



Teguh Memperkasa, Kukuh Bertahan

PNB terus komited terhadap pertumbuhan mampan dan pembangunan negara meskipun berdepan dengan cabaran global. Diperkasakan oleh asas kukuh dan dipandu oleh keunggulan, kami terus mewujudkan nilai jangka panjang bagi pemegang unit sejajar dengan Matlamat kami untuk mengukuhkan kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi.

Penjenamaan kami yang lebih segar dan pelancaran Pelan Strategik LEAP 6 (2025-2027) mencerminkan arah transformasi yang berani, memperkukuh kemampuan kami untuk menyesuaikan diri, berinovasi dan berkembang maju dalam sebuah landskap ekonomi yang sentiasa berubah. Menerusi pandangan jauh dan ketangkasan yang strategik, PNB kekal sebagai institusi yang berpandangan ke hadapan, bersedia untuk merebut peluang baharu dan memacu kemajuan negara.

Perpindahan kami ke Menara Merdeka 118, yang menjadi simbol aspirasi, dan kekuatan Malaysia, bukan sekadar perubahan sebuah lokasi - ia melambangkan aspirasi kami terhadap pertumbuhan, daya tahan dan kelestarian. Seiring kami melangkah ke lembaran baharu ini, kami sekali lagi menegaskan peranan kami dalam membentuk negara Malaysia yang inklusif dan makmur, didasari oleh komitmen terhadap inovasi dan impak jangka panjang.

Teras kepada ketahanan kami adalah dedikasi terhadap kelestarian alam sekitar dan komitmen sifar bersih. Kami mengambil langkah berani dan berkesan untuk menangani cabaran alam sekitar demi memastikan pelaburan sentiasa terpelihara sambil menyumbang kepada masa depan yang lebih hijau untuk generasi akan datang.

Teguh memperkasa dan kukuh bertahan, kami akan terus bangun demi mengatasi cabaran dan membina sebuah masa hadapan yang berteraskan pertumbuhan mampan dan kemakmuran bersama.

Di Dalam Laporan Ini

01 Tinjauan Permodalan Nasional Berhad

Kami adalah PNB	04
· Mandat Kami Matlamat Kami Manifesto Kami	05
· Nilai Kami Jejak Pelaburan Kami	06
Apa Yang Kami Tawarkan: Produk dan Perkhidmatan Kami	07
Kalendar Kewangan	18
Proses Pelaburan Kami	19
Kelebihan Kompetitif Kami	21
Rantaian Nilai Mampan Kami	22
Asas Pelaburan Kami:	
· Sorotan Kewangan	24
· Sorotan Perniagaan	27
· Sorotan Kemampanan	27
Anugerah dan Pengiktirafan	28

02 Wawasan Kepimpinan

Perutusan Pengerusi Kumpulan	30
Perbualan Bersama Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan	36

Kepimpinan

03 Maklumat Korporat	44
Komposisi Lembaga	45
Lembaga Pemegang Amanah:	
Yayasan Pelaburan Bumiputra	46
Lembaga Pengarah	47
Pasukan Kepimpinan	52
Profil Pasukan Kepimpinan	54
Struktur Organisasi PNB	58

04 Penciptaan Nilai

Pendekatan Kami terhadap Penciptaan Nilai	60
Model Perniagaan Penciptaan Nilai Kami	62
Bagaimana Kami Mengagihkan Nilai yang Dicipta	64
Penglibatan Pihak Berkepentingan	65

Perbincangan dan Analisis Pengurusan

A. Kajian Strategik

Perkara Matan	72
Landskap Operasi	
· Sorotan Pasaran	81
· Megatrend Global: Risiko dan Peluang	83
Risiko Utama dan Mitigasi	88
Rangka Tindakan Strategik Kami	92
Kajian Prestasi Strategik	93
Memperkasa Masa Depan Melalui Inovasi Digital	96
Perutusan Ketua Pegawai Sumber Manusia	98



B. Prestasi Portfolio

Ulasan Ketua Pegawai Pelaburan Kumpulan	100
Perumpukan Aset Strategik	102
Pelaburan Strategik	103
Ekuiti Awam	110
Pasaran Persendirian	114
Hartanah	117
Unit Amanah ASNB	120

06 Penyata Kelestarian

Pernyataan Kelestarian oleh Timbalan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan	122
Bab 1: Kelestarian di PNB	
– Komitmen dan Visi Kami	124
Bab 2: Integrasi ESG ke dalam Pelaburan dan Operasi	
– Daripada Komitmen kepada Impak	128
Bab 3: Memperkasa Tenaga Kerja	151
Bab 4: Selain Pelaburan:	
Komitmen PNB terhadap Kesejahteraan Sosial dan Alam Sekitar	160
Bab 5: Kepimpinan Bertanggungjawab	170

07 Tadbir Urus

Penyata Sorotan Tadbir Urus Korporat	181
• Prinsip A: Kepimpinan dan Keberkesanan Lembaga Pengarah	184
• Prinsip B: Keberkesanan Audit dan Pengurusan Risiko ...	207
• Prinsip C: Integriti dalam Pelaporan Korporat dan Hubungan Baik dengan Pihak Berkepentingan	239
Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman	240

08 Melestarikan Nilai Kewangan

Penyata Kewangan Profoma Lima Tahun Kumpulan PNB yang Digabungkan Serentak	257
Laporan Juruaudit Bebas	258
Dana Unit Amanah	260

09 Maklumat Tambahan

Indeks Kandungan GRI	288
Indeks Kandungan TCFD	293
Indeks Kandungan 10 Prinsip UNGC	294
Indeks Kandungan SASB	
– Aktiviti Pengurusan Aset dan Penjagaan	295

Kami Adalah PNB

PNB ditubuhkan pada 17 Mac 1978 sebagai instrumen Dasar Ekonomi Baru (DEB) negara. PNB merupakan salah sebuah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik di dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, PNB kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputra dan semua rakyat Malaysia, dan berdedikasi memenuhi Matlamat kami untuk mengukuhkan kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. PNB komited terhadap kelestarian, amalan bertanggungjawab, dan penciptaan masa depan yang inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan dan komuniti yang disantuni.



Aset di Bawah
Pengurusan

RM 348.3 bilion



Pengagihan
Pendapatan

RM 263.7 bilion
sejak penubuhan



Jumlah
Pemegang Unit

13.0 juta



Jumlah Bilangan
Akaun

16.2 juta





Mandat Kami

Untuk meningkatkan kekayaan ekonomi masyarakat Bumiputra dan seluruh rakyat Malaysia, demi kemakmuran negara.

Matlamat Kami

Mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi.

Manifesto Kami

Di PNB, kami wujud untuk mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami menghubungkan harapan mereka pada hari ini, demi merealisasikan impian mereka pada hari esok.

Kamilah yang menyatukan setiap rakyat Malaysia, membimbing dalam perjalanan kita bersama menuju masa depan kewangan, kekayaan dan kebijaksanaan yang lebih sejahtera.

Kami Adalah PNB

Nilai Kami

B

Berani

(B – Bold)

Kami berusaha memberi yang terbaik melangkaui aras tertinggi.

R

Bertanggungjawab

(R – Responsible)

Kami mengambil akauntabiliti dan melakukan apa yang kami janjikan.

A

Tangkas

(A – Agile)

Dalam dunia yang berubah pantas, kami mara penuh cergas.

V

Berwawasan

(V – Visionary)

Pandangan jauh dan kepakaran kami, menginspirasi masa depan yang lebih gemilang.


E

Memperkasakan

(E – Empowering)

Kami bekerjasama dan menyokong satu sama lain bagi mencapai tujuan yang sama.

Jejak Pelaburan Kami



Apa Yang Kami Tawarkan: Produk dan Perkhidmatan Kami

Dana Unit Amanah Harga Tetap



ASB



ASB 2



ASB 3 Didik



ASM



ASM 2 Wawasan



ASM 3

Dana Unit Amanah Harga Berubah



ASN



ASN Equity 2



ASN Equity 3



ASN Equity 5



ASN Equity Global



ASN Equity Malaysia*



ASN Imbang 1



ASN Imbang 2



ASN Imbang 3 Global




ASN Sara 1



ASN Sara 2



ASN Sukuk



* Boleh diakses melalui tawaran Penasihat Pelaburan Robo (RIA) dalam aplikasi myASB

Apa Yang Kami Tawarkan: Produk dan Perkhidmatan Kami

Dana Unit Amanah Harga Tetap



ASB

Objektif Pelaburan

Untuk menjana pulangan jangka panjang yang konsisten dan kompetitif kepada pemegang unit dan pada masa yang sama memastikan penetapan modal berada pada tahap risiko toleransi yang minimum.

Tarikh Pelancaran:

2 Januari 1990

Jenis Dana:

Pendapatan

Kategori Dana:

Aset Campuran

Perumpukan Aset

- Sehingga 90 peratus daripada Nilai Dana (VOF) di dalam ekuiti
- Sehingga 50 peratus daripada VOF dalam kelas aset yang lain
- Minimum 5 peratus daripada VOF dalam bentuk tunai dan aset cair

Penanda Aras Prestasi

Simpanan Tetap 12-Bulan Maybank

Pelaburan Maksimum

300,000



ASB 2

Objektif Pelaburan

Untuk menyediakan aliran pendapatan tetap sambil memelihara modal pemegang unit menerusi portfolio aset bercampur.

Tarikh Pelancaran:

2 April 2014

Jenis Dana:

Pendapatan

Kategori Dana:

Aset Campuran

Perumpukan Aset

- Sehingga 90 peratus daripada VOF dalam bentuk ekuiti
- Sehingga 50 peratus daripada VOF dalam kelas aset yang lain
- Minimum 5 peratus daripada VOF dalam bentuk tunai dan aset cair

Penanda Aras Prestasi

Simpanan Tetap 12-Bulan Maybank

Pelaburan Maksimum

300,000, tertakluk kepada ketersediaan unit dana tersebut



ASB 3 Didik

Objektif Pelaburan

Untuk menyediakan peluang yang menjana pertumbuhan dan pulangan yang munasabah.

Tarikh Pelancaran:

20 April 2001

Jenis Dana:

Pertumbuhan

Kategori Dana:

Aset Campuran

Perumpukan Aset

- Sehingga 90 peratus daripada VOF dalam bentuk ekuiti
- Sehingga 50 peratus daripada VOF dalam kelas aset yang lain
- Minimum 5 peratus daripada VOF dalam bentuk tunai dan aset cair

Penanda Aras Prestasi

Simpanan Tetap 12-Bulan Maybank

Pelaburan Maksimum

Tiada had, tertakluk kepada ketersediaan unit dana tersebut



ASM

Objektif Pelaburan

Untuk menyediakan pemegang unit dengan peluang pelaburan jangka panjang yang menjana pulangan tetap dan kompetitif menerusi sebuah portfolio pelaburan yang pelbagai.

Tarikh Pelancaran:

20 April 2000

Jenis Dana:

Pendapatan

Kategori Dana:

Aset Campuran

Perumpukan Aset

- Sehingga 90 peratus daripada VOF dalam bentuk ekuiti
- Sehingga 50 peratus daripada VOF dalam kelas aset yang lain
- Minimum 5 peratus daripada VOF dalam bentuk tunai dan aset cair

Penanda Aras Prestasi

Simpanan Tetap 12-Bulan Maybank

Pelaburan Maksimum

Tiada had, tertakluk kepada ketersediaan unit dana tersebut



ASM 2 Wawasan

Objektif Pelaburan

Untuk menyediakan suatu tahap pengagihan pendapatan tetap kepada Pemegang unit daripada pelaburan dalam sesuatu portfolio pelaburan terpilih yang diberi kuasa.

Tarikh Pelancaran:

28 Ogos 1996

Jenis Dana:

Pendapatan

Kategori Dana:

Aset Campuran

Perumpukan Aset

- Sehingga 90 peratus daripada VOF dalam bentuk ekuiti
- Sehingga 50 peratus daripada VOF dalam kelas aset yang lain
- Minimum 5 peratus daripada VOF dalam tunai dan aset cair

Penanda Aras Prestasi

Simpanan Tetap 12-Bulan Maybank

Pelaburan Maksimum

Tiada had, tertakluk kepada ketersediaan unit dana tersebut



ASM 3

Objektif Pelaburan

Untuk menyediakan pemegang unit dengan peluang pelaburan jangka panjang yang menjana pulangan tetap dan kompetitif menerusi portfolio pelaburan yang pelbagai.

Tarikh Pelancaran:
5 Ogos 2009

Jenis Dana:
Pendapatan

Kategori Dana:
Aset Campuran

Perumpukan Aset

- Sehingga 90 peratus daripada VOF dalam bentuk ekuiti
- Sehingga 50 peratus daripada VOFnya dalam kelas aset yang lain
- Minimum 5 peratus daripada VOF dalam bentuk tunai

Penanda Aras Prestasi

Simpanan Tetap 12-Bulan Maybank

Pelaburan Maksimum

Tiada had, tertakluk kepada ketersediaan unit dana tersebut

Dana Unit Amanah Harga Berubah



ASN

Objektif Pelaburan

Untuk menjana suatu tahap pengagihan pendapatan dan peningkatan modal yang munasabah kepada pemegang unit menerusi portfolio pelaburan yang pelbagai.

Tarikh Pelancaran:
20 April 1981

Jenis Dana:
Pertumbuhan

Kategori Dana:
Ekuiti

Perumpukan Aset

- 70-90 peratus daripada ekuiti dalam dana Nilai Aset Bersih (NAV) dana
- Baki NAV dilaburkan dalam sekuriti berpendapatan tetap, instrumen pasaran wang dan instrumen pasaran modal lain sebagaimana yang dibenarkan oleh surat ikatan dana tersebut termasuk aset cair

Penanda Aras Prestasi

80 peratus FTSE Bursa Malaysia 100 (FBM100)
20 peratus Simpanan Tetap 12-Bulan Maybank

Pelaburan Maksimum

Tiada Had



ASN Ekuiti 2

Objektif Pelaburan

Untuk menyediakan pemegang unit hasil dividen yang munasabah dan kenaikan modal pada suatu tahap risiko yang boleh diterima menerusi instrumen yang dibuat sesuai dengan undang-undang sekuriti dan surat ikatan dalam portfolio sekuriti yang pelbagai, terutamanya dalam sekuriti ekuiti Malaysia.

Tarikh Pelancaran:
9 Jun 1999

Jenis Dana:
Pertumbuhan

Kategori Dana:
Ekuiti

Perumpukan Aset

- 70-90 peratus daripada Nilai Aset Bersih (NAV) dana adalah dalam bentuk ekuiti
- Baki NAV dilaburkan dalam sekuriti berpendapatan tetap, instrumen pasaran wang dan instrumen pasaran modal lain sebagaimana yang dibenarkan oleh surat ikatan dana tersebut termasuklah aset cair

Penanda Aras Prestasi

80 peratus FBM100
20 peratus Simpanan Tetap 12-Bulan Maybank

Pelaburan Maksimum

Tiada Had



ASN Ekuiti 3

Objektif Pelaburan

Untuk menyediakan peluang pelaburan yang menjana pertumbuhan dan pulangan jangka panjang yang munasabah untuk memenuhi sebahagian atau sepenuhnya keperluan kecairan segera untuk membolehkan pemegang unit dan/atau anak-anak mereka dan/atau tanggungan mereka terus memenuhi keperluan perubatan yang berterusan.

Tarikh Pelancaran:
17 Mac 2003

Jenis Dana:
Pertumbuhan & Pendapatan

Kategori Dana:
Ekuiti

Perumpukan Aset

- 70-90 peratus daripada Nilai Aset Bersih (NAV) dana adalah dalam bentuk ekuiti
- Baki NABnya dalam bentuk sekuriti berpendapatan tetap, instrumen pasaran wang dan instrumen pasaran modal lain sebagaimana yang dibenarkan oleh surat ikatan dana tersebut termasuk aset cair

Penanda Aras Prestasi

80 peratus FBM100
20 peratus Simpanan Tetap 12-Bulan Maybank

Pelaburan Maksimum

Tiada Had

Apa Yang Kami Tawarkan: Produk dan Perkhidmatan Kami



ASN Ekuiti 5

Objektif Pelaburan

Untuk menjana peningkatan tahap modal yang munasabah dan pengagihan pendapatan kepada pemegang unit menerusi portfolio pelaburan yang pelbagai.

Tarikh Pelancaran:	Jenis Dana:	Kategori Dana:
24 September 2018	Pertumbuhan	Ekuiti

Perumpukan Aset

- 70-90 peratus daripada ekuiti dalam NAV dana
- Baki NABnya dalam sekuriti berpendapatan tetap, instrumen pasaran wang dan instrumen pasaran modal lain sebagaimana yang dibenarkan oleh surat ikatan dana tersebut termasuklah aset cair

Penanda Aras Prestasi	Pelaburan Maksimum
80 peratus FBM100: 20 peratus Simpanan Tetap 12-Bulan Maybank	Tiada Had



ASN Ekuiti Global

Objektif Pelaburan

Dana menyediakan pelabur dengan peluang pertumbuhan modal menerusi pelaburan dalam sekuriti terutamanya dalam pasaran ekuiti global.

Tarikh Pelancaran:	Jenis Dana:	Kategori Dana:
1 September 2021	Pertumbuhan	Ekuiti

Perumpukan Aset

- 75 - 90 peratus daripada NAV dana dilaburkan dalam ekuiti global dan ekuiti berkaitan sekuriti
- Baki NAV dana dalam pasaran wang dan instrumen pendapatan tetap

Penanda Aras Prestasi	Pelaburan Maksimum
· 90 peratus MSCI ACWI Islamik · 10 peratus Simpanan Tetap 1-Bulan Maybank	Tiada Had



ASN Ekuiti Malaysia

Objektif Pelaburan

Untuk menyediakan pertumbuhan modal kepada pemegang unit menerusi pelaburan dalam sekuriti di dalam pasaran ekuiti Malaysia.

Tarikh Pelancaran:	Jenis Dana:	Kategori Dana:
26 Mei 2023	Pertumbuhan	Ekuiti

Perumpukan Aset

- Dana bertujuan untuk mencapai objektifnya dengan melaburkan 75 peratus hingga 99 peratus daripada NAV dana dalam ekuiti domestik dan sekuriti berkaitan ekuiti, sementara baki NAV boleh dilaburkan dalam pasaran wang dan instrumen pendapatan tetap

Penanda Aras Prestasi	Pelaburan Maksimum
· 90 peratus FBM100 · 10 peratus Simpanan Tetap 1- bulan Maybank	Tiada Had



ASN Imbang 1

Objektif Pelaburan

Untuk menjana pertumbuhan modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang dengan melabur dalam portfolio pelaburan berimbang dan menerusi pelaburan semula pengagihan, sekiranya ada.

Tarikh Pelancaran:	Jenis Dana:	Kategori Dana:
16 Oktober 2001	Seimbang	Aset Campuran

Perumpukan Aset

- 35 - 65 peratus daripada NAV dana dilaburkan dalam bentuk ekuiti
- Baki NAV dana dilaburkan dalam sekuriti berpendapatan tetap, instrumen pasaran wang dan instrumen pasaran modal lain sebagaimana yang dibenarkan oleh surat ikatan dana termasuk aset cair

Penanda Aras Prestasi	Pelaburan Maksimum
50 peratus FBM100 50 peratus Simpanan Tetap 12-bulan Maybank	Tiada Had



ASN Imbang 2

Objektif Pelaburan

Untuk menyediakan peluang pelaburan yang menjana pertumbuhan dan pulangan jangka panjang yang munasabah untuk memenuhi sebahagian atau semua keperluan kecairan bertempoh pemegang unit dan membolehkan mereka memenuhi keperluan perancangan kewangan untuk pendidikan pemegang unit dan/atau anak-anak mereka.

Tarikh Pelancaran:	Jenis Dana:	Kategori Dana:
17 Mac 2003	Pertumbuhan & Pendapatan	Aset Campuran Berimbang

Perumpukan Aset

- 35 - 65% NAV dana dilaburkan dalam bentuk ekuiti
- Baki NAV dalam sekuriti berpendapatan tetap, instrumen pasaran wang dan instrumen pasaran modal lain sebagaimana yang dibenarkan oleh surat ikatan dana termasuk aset cair

Penanda Aras Prestasi	Pelaburan Maksimum
50 peratus FBM100 50 peratus Simpanan Tetap 12-bulan Maybank	Tiada Had



ASN Imbang 3 Global

Objektif Pelaburan

Untuk menjana suatu tahap peningkatan modal dan pengagihan pendapatan yang munasabah kepada pemegang unit dengan melabur dalam portfolio pelaburan berimbang.

Tarikh Pelancaran:	Jenis Dana:	Kategori Dana:
16 September 2020	Pertumbuhan & Pendapatan	Aset Campuran Berimbang

Perumpukan Aset

- 35 - 65 peratus NAV dana dilaburkan dalam bentuk ekuiti
- Baki NAV dalam sekuriti berpendapatan tetap dan instrumen pasaran wang termasuk aset cair

Penanda Aras Prestasi

50 peratus MSCI ACWI Islamik
50 peratus Simpanan Tetap 12-bulan Maybank

Pelaburan Maksimum

Tiada Had



ASN Sara 1

Objektif Pelaburan

Untuk menyediakan peluang pelaburan yang menjana pertumbuhan dan pulangan jangka panjang yang munasabah, dan suatu aliran pendapatan yang boleh dipercayai untuk membolehkan pemegang unit dan/atau anak-anak dan/atau tanggungan mereka untuk memenuhi sebahagian atau semua keperluan persaraan mereka.

Tarikh Pelancaran:	Jenis Dana:	Kategori Dana:
17 Mac 2003	Pertumbuhan & Pendapatan	Aset Campuran Konservatif

Perumpukan Aset

- 20- 80 peratus NAV dana dilaburkan dalam sekuriti berpendapatan tetap dan instrumen pasaran wang, termasuk aset cair
- Baki NAV dilabur dalam bentuk ekuiti

Penanda Aras Prestasi

30 peratus FBM100
70 peratus Simpanan Tetap 12-bulan Maybank

Pelaburan Maksimum

Tiada Had



ASN Sara 2

Objektif Pelaburan

Untuk menyediakan pelabur dengan aliran pendapatan cair dan tetap dengan potensi pertumbuhan modal jangka panjang.

Tarikh Pelancaran:	Jenis Dana:	Kategori Dana:
24 September 2018	Konservatif	Aset Campuran

Perumpukan Aset

- 20-80 peratus NAV dana dilaburkan dalam ekuiti sekuriti berpendapatan tetap dan instrumen pasaran wang termasuk aset cair
- Baki NAV dilaburkan dalam bentuk ekuiti

Penanda Aras Prestasi

30 peratus FBM100
70 peratus Simpanan Tetap 12-bulan Maybank

Pelaburan Maksimum

Tiada Had



ASN Sukuk

Objektif Pelaburan

Menyediakan pemegang unit dengan pendapatan stabil dan peluang peningkatan modal terutamanya dalam portfolio sukuk dan aset cair Islamik yang lain.

Tarikh Pelancaran:	Jenis Dana:	Kategori Dana:
25 November 2022	Pendapatan	Sukuk

Perumpukan Aset

- Dana ini berusaha mencapai objektifnya melalui pelaburan seperti berikut:
- Minimum 80 peratus daripada NAV dana dilabur dalam sukuk termasuk isu pelaburan Kerajaan
 - Maksimum 20 peratus NAV dana dilabur dalam instrumen pasaran wang Islamik dan instrumen lain yang dibenarkan
 - Maksimum 20 peratus daripada NAV dana dalam sukuk tidak dinilai

Penanda Aras Prestasi

12-bulan Simpanan Tetap Maybank

Pelaburan Maksimum

Tiada Had

Apa Yang Kami Tawarkan: Produk dan Perkhidmatan Kami

Dana Unit Amanah – Harga Tetap

Dana unit amanah harga tetap (FP) menyediakan pilihan pelaburan yang stabil dengan harga tetap RM1 seunit, menawarkan pemegang unit satu saluran yang boleh dipercayai untuk menyokong pertumbuhan jangka panjang kewangan memandangkan dana itu mengutamakan pemeliharaan modal dan berusaha menjana aliran pendapatan yang tetap.

Pada masa ini, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) menguruskan enam dana FP di bawah siri berikut:

	Dana	Kelayakan	Tarikh Pelancaran	Tahun Kewangan Berakhir (TKB)	Unit dalam Edaran (Bil Unit) Sehingga 31 Disember 2024	Pengagihan Tahun Berakhir (Sen seunit)
Siri ASB	 ASB	Bumiputera	2 Januari 1990	31 Disember	174.7	5.75*
	 ASB 2		2 April 2014	31 Mac	13.7	5.25
	 ASB 3 Didik		20 April 2001	30 Jun	8.1	5.25
Siri ASM	 ASM	Semua Rakyat Malaysia	20 April 2000	31 Mac	29.4	4.75
	 ASM 2 Wawasan		28 Ogos 1996	31 Ogos	25.0	4.75
	 ASM 3		5 Ogos 2009	30 September	19.1	4.75












* Merangkumi pengagihan pendapatan 5.50 sen seunit dan bonus 0.25 sen seunit



Dana Unit Amanah – Harga Berubah

Dana unit amanah harga berubah (VP) menawarkan harga unit dengan penilaian terapung, ditetapkan menggunakan harga hadapan berdasarkan perkiraan NAV berikutnya. Dana ini berubah-ubah berdasarkan keadaan pasaran, memastikan penetapan harga yang adil dan telus sejajar dengan pergerakan masa pasaran sebenar, sesuai untuk pelabur yang menghindari risiko tetapi mencari pulangan lebih tinggi dengan mengekalkan profil risiko sederhana.

ASNБ kini menguruskan 12 dana VP, yang dikategorikan ke dalam empat siri berbeza.

	Dana	Kelayakan	Tarikh Pelancaran	Tahun Kewangan Berakhir (TKB)	Unit dalam Edaran (Bil Unit) Sehingga 31 Disember 2024	Pengagihan Tahun Berakhir (Sen seunit)	Pengagihan perolehan (peratus) Bagi Tahun Berakhir 2024
Ekuiti	ASN	Bumiputera	20 April 1981	31 Disember	1.5	25.73	2.92
	 ASN Ekuiti 2		9 Jun 1999	30 Jun	1.2	30.89	2.87
	 ASN Ekuiti 3		17 Mac 2003	31 Mac	1.5	20.93	2.78
	 ASN Ekuiti 5		24 September 2018	30 September	0.5	27.50	2.94
	 ASN Ekuiti Global	Semua Rakyat Malaysia	1 September 2021	31 Disember	0.5	11.11	N/A
	 ASN Ekuiti Malaysia* (@ Ria)		26 Mei 2023	30 Jun	0.03	34.17**	N/A
Aset Campuran Berimbang	 ASN Imbang 1		16 Oktober 2001	30 November	0.9	19.98	3.79
	 ASN Imbang 2	Semua Rakyat Malaysia	17 Mac 2003	31 Mac	0.9	18.45	3.83
	 ASN Imbang 3 Global		16 September 2020	31 Disember	0.7	6.67	2.03
Aset Campuran Konservatif	 ASN Sara 1	Semua Rakyat Malaysia	17 Mac 2003	31 Mac	2.1	9.35	3.68
	 ASN Sara 2		24 September 2018	30 September	1.0	9.76	3.66
Harga Tetap	 ASN Sukuk	Semua Rakyat Malaysia	25 November 2022	30 Jun	0.8	4.72	3.76


* Dilancarkan kepada umum pada 11 Mac 2024 dan boleh diperolehi melalui tawaran Ria melalui aplikasi myASNБ

** Jumlah Pulangan Tahunan bagi Tempoh Kewangan dari 26 Mei 2023 hingga 30 Jun 2024

Apa Yang Kami Tawarkan: Produk dan Perkhidmatan Kami


Saluran Pengagihan

Dana unit amanah kami boleh diakses menerusi rangkaian pengagihan yang luas yang dipermudahkan untuk semua rakyat Malaysia. Saluran ini merangkumi cawangan ASNB, ejen-ejen dan platform digital seperti portal dan aplikasi ASNB, TnG eWallet, dan saluran perbankan atas talian.



Auto Labur

Kemudahan perkhidmatan pelaburan automatik yang ditawarkan melalui myASNB membolehkan pemegang unit menetapkan pelaburan berulang secara mingguan atau bulanan dengan mudah untuk dana unit amanah mereka. Perkhidmatan ini menyediakan kaedah yang mudah dan selamat bagi pemegang unit untuk menambah pelaburan ASNB mereka.



Tersedia melalui:

Aplikasi myASNB:

Hanya untuk akaun sendiri dan anak bawah umur (Bijak/Remaja) sahaja

Portal myASNB:

Untuk akaun sendiri, anak bawah umur (Bijak/Remaja), dan pihak ketiga

Auto Labur Menawarkan

- ▶ Pelaburan Automatik
- ▶ Tetapan Amaun yang boleh disesuaikan
- ▶ Keselesaan
- ▶ Pelaburan yang Berdisiplin, Berjangka Panjang dan Konsisten

Ria

Ria adalah Penasihat Pelaburan Robo ASNB, yang dilesenkan di bawah rangka kerja Pengurusan Pelaburan Digital SC. Dengan menggunakan algoritma dan Teori Portfolio Moden, Ria membentuk portfolio yang disesuaikan berasaskan profil risiko dan matlamat pelabur. Ia menawarkan portfolio secara eksklusif dengan dana unit amanah ASNB, yang memberi tumpuan kepada sukuk dan ekuiti Malaysia dan global, yang boleh diakses melalui myASNB.

Apakah yang Ria tawarkan?

- ▶ Portfolio diperibadikan
- ▶ Pengimbangan semula secara automatik
- ▶ Dana ASNB yang dipelbagaikan
- ▶ Akses myASNB dengan lancar
- ▶ Fi Kompetitif
- ▶ Pelaburan Tempatan dan Global



Tarikh Pelancaran	11 Mac 2024
Jumlah Bilangan Pengguna	221,846
Jumlah AUM di bawah Ria (RM juta) setakat 31 Disember 2024	55.0

Pulangan Portfolio	Sangat Konservatif	Sederhana Konservatif	Sederhana	Agresif Sederhana	Agresif	Sangat Agresif
Sejak Ria dilancarkan*	3.14%	4.74%	6.39%	8.19%	9.22%	8.31%

* Dari 11 Mac 2024 hingga 31 Disember 2024

Bagaimana Ria Berfungsi

1

Penilaian Risiko

Jawab soal selidik ringkas ini untuk menentukan tahap risiko anda



2

Cadangan Portfolio

Ria mencadangkan portfolio ASNB yang dioptimumkan



3

Perumpukan pelaburan

Dana yang diperuntukan kepada anda merentasi ASN Equity Global, ASN Equity Malaysia dan ASN Sukuk



4

Pemantauan dan Pengimbangan semula berterusan

Ria melaraskan portfolio anda secara automatik untuk kekal sejajar dengan toleransi risiko anda

Apa Yang Kami Tawarkan: Produk dan Perkhidmatan Kami

Wakaf

Wakaf ASNB merupakan satu perkhidmatan unik yang direka khas bagi membolehkan pemegang unit ASNB mengintegrasikan perancangan pelaburan dan pewarisan mereka dengan lancar, di samping dapat memenuhi tanggungjawab kebajikan dan sosial. Menerusi konsep pelaburan dan wakaf, pemegang unit boleh mewakafkan pelaburan unit amanah ASNB mereka, sekali gus memastikan kemurahan hati mereka dapat memberi manfaat kepada orang lain secara berterusan.

Wakaf merujuk kepada apa-apa harta yang mana pewakaf mengekalkan hak milik kepada harta tersebut dan tidak membenarkan sebarang urusan niaga seperti jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat dan pada masa sama mengekalkan bentuk fizikal harta tersebut, serta berwakaf untuk kebajikan dengan niat mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Dana wakaf itu akan dijaga sebagai pelaburan prinsipal, manakala hanya pulangan yang dijana akan disalurkan secara berterusan kepada projek wakaf. Projek-projek tersebut didedikasikan untuk memupuk pembangunan komuniti dan ummah yang mampan, serta mewujudkan impak yang bermakna dan berkekalan.

Wakafkan sebahagian daripada pelaburan unit amanah anda

Pemegang unit boleh mewakafkan sebahagian daripada pelaburan unit amanah sedia ada mereka

Akad Wakaf

Unit wakaf yang dikekalkan sebagai wakaf prinsipal

Unit wakaf akan dikekalkan dalam akaun wakaf khas yang dipegang oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutian, sebagai Pemegang Amanah


Pulangan daripada dana wakaf

Pengagihan pendapatan unit diagihkan untuk tujuan kebajikan

Pengagihan pendapatan atau bonus daripada prinsipal wakaf akan diagihkan untuk pembangunan projek kebajikan dan pembangunan komuniti secara berterusan di seluruh Malaysia

	Data setakat 31 Disember 2024
Pewakaf	23,697
Unit Wakaf	76.9 juta unit
Pengagihan Dana Manfaat Wakaf sejak penubuhannya	RM2.31 juta
Jumlah Entiti dan Penerima agihan Dana Manfaat Wakaf	1,530

Pengagihan mengikut Sektor



Entiti atau Penerima yang Mendapat Manfaat daripada Wakaf ASNB

1,530
Jumlah Entiti

1,303
Isi Rumah

8
Hospital atau Klinik

19
Universiti

112
Sekolah atau Pra-sekolah atau Maahad Tahfiz

59
Masjid atau Surau

17

12
Rumah-rumah Amal lain

Rumah Anak-anak Yatim atau Fakir Miskin

ASNB Pewarisan

- ▶ **Hibah Amanah:** Perkhidmatan pengurusan pusaka patuh Syariah oleh ASNB yang menggabungkan konsep Hibah dan amanah dalam pengurusan harta bagi pemegang unit beragama Islam. Pelaburan unit amanah di ASNB akan diagihkan kepada penerima hibah selepas kematian pemegang unit.
- ▶ **Pengisytiharan Amanah:** Perkhidmatan pengurusan pusaka yang mengguna pakai konsep amanah, yang mana pemegang unit bukan Islam bersetuju melantik ASNB sebagai pemegang amanah melalui dokumen perjanjian amanah untuk menguruskan pelaburan unit amanah dan mengagihkan kepada benefisiari selepas kematian pemegang unit.

Kelayakan

Penderma

- ▶ Pemegang unit ASNB
- ▶ Berumur 18 tahun dan ke atas
- ▶ Mempunyai baki pelaburan minimum RM1000 unit (tidak termasuk unit di bawah pembiayaan/cagaran Skim Pelaburan Ahli)

Benefisiari (Penerima Derma)

- ▶ Individu
- ▶ Terhad sehingga 10 Benefisiari
- ▶ Seorang penjaga mesti dilantik sekiranya benefisiari berumur di bawah 18 tahun

Perjalanan Perwarisan ASNB

Persediaan

- ▶ Rancang harta pusaka anda bersama ASNB menerusi Pewarisan ASNB
- ▶ Surat ikatan amanah diwujudkan melalui Aqad atau perjanjian
- ▶ Benefisiari diklasifikasikan sebagai penerima mutlak
- ▶ ASNB dilantik sebagai Pengganti Pemegang Amanah

Semasa Hayat

Kelebihan ASNB Pewarisan

- ▶ **Proses tuntutan lebih pantas:** Tuntutan boleh diselesaikan dalam masa 21 hari dengan dokumentasi minimum diperlukan.
- ▶ **Mempunyai kawalan:** Walaupun peruntukan boleh ditetapkan awal, pemegang unit kekal mempunyai kawalan penuh terhadap pelaburan tersebut.
- ▶ **Hak Mutlak Tuntutan:** Pengagihan adalah mutlak dan terikat undang-undang, memastikan harta pusaka itu diagihkan kepada benefiari yang dinamakan secara langsung.
- ▶ **Fi perkhidmatan yang kompetitif:** Fi tuntutan yang rendah membolehkan benefisiari mendapat sepenuh manfaat daripada harta pusaka.

Tuntutan

- ▶ Benefisiari yang dinamakan dalam kontrak Perwarisan ASNB membuat tuntutan secara langsung di ASNB
- ▶ ASNB mengagihkan unit pelaburan kepada semua benefisiari

Selepas kematian pemegang unit

Kalendar Kewangan

Dana FP

Dana	Tarikh Pengumuman	Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit)
ASB 2	28 Mac 2024	5.25
ASM	28 Mac 2024	4.75
ASB 3 Didik	28 Jun 2024	5.25
ASM 2 Wawasan	30 Ogos 2024	4.75
ASM 3	30 September 2024	4.75
ASB	24 Disember 2024	5.75*

* Mengandungi kadar pengagihan pendapatan 5.50 sen seunit dan bonus 0.25 sen seunit


Dana VP

Dana	Tarikh Pengumuman	Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit)
ASN Ekuiti 3	1 April 2024	2.63
ASN Imbang 2	1 April 2024	3.78
ASN Sara 1	1 April 2024	4.03
ASN Ekuiti 2	1 Julai 2024	1.40
ASN Sukuk	1 Julai 2024	2.17
ASN Ekuiti 5	1 Oktober 2024	3.29
ASN Sara 2	1 Oktober 2024	3.59
ASN Imbang 1	1 Disember 2024	4.08
ASN	1 Januari 2025	2.16
ASN Imbang 3 Global	1 Januari 2025	2.15

Proses Pelaburan Kami

PNB kekal berdedikasi untuk terus mempertingkatkan nilai pemegang saham dan menjaga pelaburan PNB dan dana unit amanah di bawah pengurusan kami. Matlamat itu dicapai dengan berusaha mengekalkan pulangan yang optimum dan mampan untuk semua pemegang saham.

Rangka kerja Perumpukan Aset Strategik (SAA)



Proses Pelaburan Kami

Falsafah Pelaburan

Pada asasnya, PNB mengamalkan falsafah pelaburan berasaskan nilai yang mengimbangi pelbagai jenis strategi pelaburan dalam pelbagai: dari pegangan jangka panjang dalam syarikat yang berprestasi kelas aset yang dengan hasil berulang yang stabil, kepada pelaburan yang dipacu oleh momentum yang menjana keuntungan modal menerusi aktiviti perdagangan. Untuk mencapai matlamat kami, kami menggabungkan perspektif dari atas ke bawah (top-down), yang dipengaruhi oleh pandangan makro jangka panjang dan sasaran perumpukan aset optimum, bersama pendekatan asas dari bawah-ke-atas (bottom up) dalam pemilihan aset untuk mencipta nilai. Kepelbagaian merupakan aspek penting dalam strategi kami yang bertujuan untuk memperluaskan campuran aset dan geografi dalam portfolio kami. Secara keseluruhannya, ini membolehkan kami membentuk portfolio yang seimbang dan berdaya tahan dengan profil risiko yang berhati-hati dalam memastikan pulangan mampan kepada pemegang unit kami.

Perumpukan Aset Kumpulan PNB Mengikut Kelas Aset (2024)


Ekuiti Awam	67.3%
Hartanah	7.1%
Pelaburan Persendirian	5.1%
Tunai dan Pasaran Wang	10.4%
Pendapatan Tetap	9.8%
Unit Amanah dan lain-lain	0.3%

Tadbir Urus Pelaburan



Proses Untuk Pelaburan

Proses pelaburan yang kukuh merangkumi peringkat perancangan, pelaksanaan dan pemantauan.



Kelebihan Kompetitif Kami



Rantainya Nilai Mampan Kami

01 Pemegang unit melabur dalam produk PNB

02 PNB menguruskan pelaburan dana unit amanah tersebut

PNB Menjalankan Proses Menyeluruh Yang Kukuh untuk Pemilihan Pelaburan

Tetapan Objektif

Penjanaan Idea

Usaha Analisis, Ramalan dan Penilaian Yang Wajar

Pemilihan Aset Boleh Labur

ASNB

Dana FP



Dana VP



* Dilancarkan kepada umum pada 11 Mac 2024 dan hanya boleh diakses melalui penawaran Penasihat Pelaburan Robo (Ria) dalam aplikasi myASNB

Dengan sebuah Model Operasi Tadbir Urus yang berkesan

Unit Perniagaan

Pasukan Kepimpinan

Jawatankuasa Pelaburan

Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan

Pengurusan Dana

Dana Proprietari

Dana FP

Dana VP

Tadbir Urus

Pematuhan dan Integriti

Audit Dalaman

Pengurusan Risiko

Risiko Teknologi dan Siber

Pengurusan Syariah

Jawatankuasa Pelaburan Dana Unit Amanah

Jawatankuasa Pelaburan PNB

Jawatankuasa Pematuhan

Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Penasihat Syariah

Jawatankuasa Lembaga PNB yang lain

Juruaudit Luar



Dikawal selia oleh:



Membolehkan perkongsian kekayaan korporat kepada pemegang unit

06

05 Pengagihan pendapatan tahunan kepada pemegang unit diperoleh daripada prestasi portfolio

03

Pelaburan dilakukan menjangkau pelbagai portfolio kelas aset dan geografi bagi mengurus pendedahan risiko




04

Pulangan portfolio dijana daripada keuntungan modal yang direalisasikan dan pendapatan berulang daripada setiap kelas aset


Asas Pelaburan Kami

Sorotan Kewangan


Pendapatan Kasar Profoma Lima Tahun Kumpulan PNB yang Digabungkan Serentak (RM Juta)




Pendapatan Bersih Proforma Lima Tahun Kumpulan PNB yang Digabungkan Serentak (RM Juta)




Aset di Bawah Pengurusan (RM Bilion)




Unit Dalam Edaran (Bilion)




Bilangan Akaun (Juta)



Perumpukan Aset Kumpulan PNB Mengikut Kelas Aset (%)




Perumpukan Aset Kumpulan PNB Mengikut Geografi (%)




Pengagihan Pendapatan (RM Bilion)

Pengagihan Pendapatan Terkumpul














Bayaran Pengagihan Pendapatan Tahunan









Asas Pelaburan Kami

Sorotan Kewangan

Prestasi Dana Unit Amanah

	Ekuiti					Aset Campuran Berimbang					Pendapatan Tetap
	 ASN	 ASN Equity 2	 ASN Equity 3	 ASN Equity 5	 ASN Equity Global	 ASN Imbang 1	 ASN Imbang 2	 ASN Imbang 3 Global	 ASN Sara 1	 ASN Sara 2	 ASN Sukuk
Tahun Kewangan Berakhir (TKB)	31-Dis	30-Jun	31-Mac	30-Sep	31-Dis	30-Nov	31-Mac	31-Dis	31-Mac	30-Sep	30-Jun
Hasil Agihan (%)	2.92	2.87	2.78	2.94	-	3.79	3.83	2.03	3.68	3.66	3.76
Jumlah Pulangan (%)	25.7	30.89	20.93	27.5	11.1	19.98	18.45	6.67	9.35	9.76	4.72
Pendapatan Bersih* (RM juta)	26.6	8.5	31.5	9.8	106.6	25.2	33.5	31.8	88.7	37.7	35.7
Unit Dalam Edaran bagi Tahun Berakhir (bilion unit)	1.5	1.2	1.5	0.5	0.5	0.9	0.9	0.7	2.1	1.0	0.9

* Bahagian yang direalisasikan daripada jumlah pendapatan komprehensif

	 ASB	 ASB 2	 ASB 3 Didik	 ASM	 ASM 2 Wawasan	 ASM 3
Tahun Kewangan Berakhir (TKB)	31-Dis	31-Mac	30-Jun	31-Mac	31-Ogos	30-Sep
Hasil Agihan (%)	5.75	5.25	5.25	4.75	4.75	4.75
Pendapatan Bersih* (RM juta)	10,190.60	666.3	421.4	1,355.80	1,181.90	826.2
Unit Dalam Edaran bagi Tahun Berakhir (bilion unit)	174.7	12.7	7.7	28.0	23.7	17.6

Sorotan Perniagaan

Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2024 mencatatkan lebih 100,000 pengunjung di Setia Alam, Shah Alam, Selangor.

PNB Knowledge Forum yang diadakan pada bulan Julai memberi penekanan kepentingan kerumitan ekonomi.

PNB Public Markets Dialogue 2024 telah mengumpulkan lebih 500 peserta daripada kalangan perantara domestik dan antarabangsa, pengurus dana luar dan pemegang amanah.

Pelancaran Ria pada Mac 2024.

Kerjasama dengan Touch 'n Go Sdn Bhd (TNG) sebagai Ejen Digital Pertama

Sorotan Kemampanan



PNB telah menganugerahkan lebih RM400 juta dalam bentuk biasiswa kepada pelajar cemerlang sejak penubuhannya.



Pengurangan 98% dalam pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) Skop 1 & 2 di peringkat Perusahaan



Melabur sebanyak RM5.5 bilion dalam aset hijau dan peralihan.

Menerbitkan Dasar Alam Semula Jadi dan Biodiversiti PNB.



Mencatatkan jam latihan; 297,511 jam meliputi keseluruhan Kumpulan



Mencapai 38% perwakilan dan menyasarkan 40% Wanita dalam barisan Kepimpinan Kanan menjelang tahun 2025.

Anugerah dan Pengiktirafan



1 Employer of Choice by gradmalaysia (Government-Linked Investment Corporations) dalam Malaysia's 100 Leading Graduate Employers Awards 2024

2 Global Stewardship Disclosure Award by International Corporate Governance Network ("ICGN") untuk Pemilik Aset di bawah AUM £60 bilion

3 UNGCMYB Forward Faster Sustainability Awards 2024 by United Nations Global Compact Network Malaysia and Brunei untuk Climate Action (Large Company - Investment and Financial Institution) Award, Gender Equality (Large Company) Award dan Sustainability Awareness and Employee Engagement Recognition

4 Best Adoption of Cloud Native Award Cloud Native oleh Alibaba Cloud sempena Sambutan Ulang Tahun ke-10 dan Majlis Anugerah Alibaba Cloud 2024

5 The Edge Malaysia Outstanding Property CEO Award kepada Dato' Tengku Ab. Aziz Tengku Mahmud

6 Global Icon of Malaysia - The Edge Malaysia Property Development Excellence Award oleh The Edge untuk Merdeka 118



7 Silver Award by Australasian Reporting Award (“ARA”) untuk Pencapaian Cemerlang dalam Pelaporan

8 The Council on Tall Buildings and Urban Habitat (“CTBUH”) menamakan Menara Merdeka 118 sebagai penerima Anugerah Struktur Cemerlang 2024

9 Menara Merdeka 118 menerima Pensijilan Platinum bagi Kepimpinan dalam Reka Bentuk Tenaga & Alam Sekitar (“LEED”)

10 Anugerah Ketua Pegawai Eksekutif Hartanah FIABCI kepada Dato’ Tengku Ab. Aziz Tengku Mahmud

11 Dato’ Tengku Ab. Aziz Tengku Mahmud, penerima the 2024 Malaysia Real Estate Personality of the Year Award yang disampaikan oleh PropertyGuru Asia Awards Malaysia

12 PIKOM’s CIO of the Year Award oleh PIKOM untuk AI Adoption and Technology Ecosystem Enabler diberikan kepada Ketua Pegawai Teknologi PNB, Ts Izzat Aziz

Bangkit Bersama Mengharungi Cabaran

▶ **Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad
Raja Tun Uda**
Pengerusi Kumpulan





Penutusan Pengerusi Kumpulan

Para Pemegang Unit yang Dihormati,

Saya berbesar hati membentangkan laporan prestasi PNB bagi tahun 2024, tahun yang secara keseluruhannya membawa perkembangan positif kepada seluruh rakyat Malaysia. Buat pertama kali dalam tempoh yang agak lama, landskap makroekonomi negara kelihatan amat memberangsangkan. Didorong oleh asas ekonomi yang kukuh, kestabilan dasar serta pelaksanaan pelbagai pelan induk nasional yang bertujuan membentuk pembangunan yang mampan dan lebih saksama, negara telah mencatatkan pertumbuhan yang kukuh di bawah Ekonomi MADANI serta menarik lebih banyak aliran masuk pelaburan asing secara langsung. Walaupun kos sara hidup kekal menjadi isu yang membimbangkan, kami berasa optimis apabila kadar inflasi terus menunjukkan trend penstabilan untuk tahun kedua berturut-turut.

Perutusan Pengerusi Kumpulan

Seiring dengan persekitaran makro yang amat menggalakkan, PNB terus menunjukkan prestasi yang memberangsangkan. Malah, keuntungan syarikat bagi tahun 2024 telah mencatatkan nilai tertinggi dalam tempoh lima tahun yang lalu. Pada masa yang sama, syarikat pengurusan unit amanah milik penuh kami, ASNB juga telah mengisytiharkan agihan pendapatan keseluruhan sebanyak 5.75 sen seunit bagi dana utama, Amanah Saham Bumiputera (ASB). Ini merupakan peningkatan sebanyak 9.5% lebih tinggi berbanding keuntungan yang dicatatkan pada tahun 2023, dan 4.5% lebih tinggi berbanding tahun 2019. Jumlah agihan keseluruhan yang telah dikeluarkan adalah sebanyak RM10.1 bilion dan telah memberi manfaat kepada 11.1 juta pemegang unit ASB.

Sekali lagi, keuntungan yang dicatatkan ini telah mengatasi prestasi penanda aras masing-masing, sekali gus mengukuhkan legasi 46 tahun PNB sebagai sebuah syarikat pengurusan dana terbesar dan paling dipercayai di Malaysia. Dalam konteks yang lebih luas, prestasi kami mencerminkan keupayaan PNB untuk melaksanakan Mandat kami untuk meningkatkan kekayaan ekonomi masyarakat Bumiputera dan seluruh rakyat Malaysia, demi kemakmuran negara.

Manifesto demi Perubahan

Setelah tamatnya pelaksanaan Strategi Focus 4 pada tahun 2022, dan pada tahun 2023 pula kami telah menjalankan satu kajian semula yang menyeluruh dan jujur terhadap identiti kami, prinsip yang kami junjung, serta aspirasi yang ingin kami capai, seterusnya membawa kepada penyataan Matlamat yang diperbaharui. Inisiatif strategik ini juga dilaksanakan tepat pada masanya atas satu lagi sebab yang penting: Walaupun pada ketika ini pandemik telahpun reda, perkara ini telah mencetuskan perubahan paradigma yang ketara, mengubah cara kita bekerja, hidup dan berfikir. Pandemik yang berlaku ini juga telah menjadi suatu peringatan yang sangat jelas kepada kita semua tentang keperluan untuk bekerjasama dalam membentuk pendekatan yang lebih holistik bagi melindungi orang ramai dan alam sekitar, seiring dengan usaha kita untuk terus membangunkan ekonomi negara.

Perkara ini juga telah memberi inspirasi kepada PNB untuk memperkukuh agenda ESG yang sedia ada dalam strategi kami, LEAP 6, selain turut memperkenalkan Manifesto baharu sebagai panduan yang lebih jelas dan fokus buat kami semua sebagai #teamPNB dalam melaksanakan Mandat dan Matlamat kami. Saya ingin berkongsi Manifesto ini, yang berbunyi seperti berikut: “Di PNB, kami wujud untuk kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami menghubungkan harapan mereka pada hari ini, demi merealisasikan impian mereka pada hari esok. Kamilah yang menyatukan setiap rakyat Malaysia, membimbing dalam perjalanan kita bersama menuju masa depan kewangan, kekayaan dan kebijaksanaan yang lebih sejahtera.”

Hasil daripada Manifesto ini, kami kini menjadi lebih bersemangat untuk membawa perubahan yang inklusif dan bermakna kepada seluruh masyarakat, dengan memberi tumpuan khusus kepada golongan yang kurang mendapat sebarang bentuk perkhidmatan atau mereka yang kurang diwakili oleh mana-mana badan dan organisasi. Melalui Matlamat yang diperbaharui ini, kami berhasrat untuk mempertingkatkan kualiti hidup masyarakat secara kolektif, tanpa meninggalkan sesiapa pun di belakang.

Memperkasakan Literasi Kewangan

Disebabkan oleh kurangnya kesedaran, tahap pendapatan yang rendah serta pelbagai faktor yang lain, kebanyakan rakyat Malaysia – terutamanya golongan yang paling memerlukan – tidak mempunyai simpanan. Perkara ini merupakan sebuah cabaran yang berterusan bagi PNB, yang telah mendorong kami untuk terus memperjuangkan literasi kewangan melalui pelbagai program dan kempen, termasuk yang telah dilaksanakan sejak bertahun-tahun lamanya. Objektif utama inisiatif ini adalah untuk sentiasa menggalakkan tabiat menyimpan yang lebih tinggi dalam kalangan masyarakat serta menekankan kepada mereka tentang kepentingan pelaburan.



Di PNB, kami wujud untuk kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami menghubungkan harapan mereka pada hari ini, demi merealisasikan impian mereka pada hari esok. Kamilah yang menyatukan setiap rakyat Malaysia, membimbing dalam perjalanan kita bersama menuju masa depan kewangan, kekayaan dan kebijaksanaan yang lebih sejahtera.

Perkara ini merupakan sebuah cabaran yang berterusan bagi PNB, yang telah mendorong kami untuk terus memperjuangkan literasi kewangan melalui pelbagai program dan kempen, termasuk yang telah dilaksanakan sejak bertahun-tahun lamanya. Objektif utama inisiatif ini adalah untuk sentiasa menggalakkan tabiat menyimpan yang lebih tinggi dalam kalangan masyarakat serta menekankan kepada mereka tentang kepentingan pelaburan.

Pada tahun ini, kami telah melancarkan satu inisiatif baharu, Celik MADANI, untuk menggalakkan golongan belia memulakan tabiat menyimpan sebelum mereka melangkah ke alam pekerjaan. Bekerjasama dengan Kerajaan MADANI, kami telah menyediakan para pelajar di peringkat pengajian tinggi pelaburan awal sebanyak RM50, di samping memberikan mereka ilmu kewangan yang diperlukan untuk mereka terus melabur. Sasaran kami adalah untuk mendaftarkan sejuta orang pelajar dari institusi pengajian tinggi awam (IPTA), termasuk institusi latihan vokasional, dalam tempoh lima tahun ke dalam program ini yang turut dibiayai oleh pihak kerajaan. Inisiatif ini telah dilancarkan semasa acara perdana literasi kewangan anjuran PNB iaitu Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2024.

Sejak tahun 2000, kami juga telah menjalankan pelbagai aktiviti di bawah Kelab Pelaburan Bijak PNB (KPBPNB) bagi memperkenalkan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah tentang pengetahuan asas pengurusan kewangan dan pelaburan. Pada waktu ini, sebanyak 329 buah sekolah telah terlibat dalam program ini, dan kami berhasrat untuk meningkatkan jumlah penyertaan kepada 2,000 buah sekolah menjelang tahun 2028.

Inisiatif yang dijalankan ini adalah salah satu daripada pelbagai program celik kewangan yang telah dianjurkan, selain turut direka khas mengikut keperluan khusus bagi pelbagai lapisan masyarakat yang telah disasarkan.



Perutusan Pengerusi Kumpulan

Mencipta Nilai Sosial dan Alam Sekitar

Selaras dengan Mandat kami, PNB sentiasa bertekad untuk meningkatkan taraf hidup rakyat Malaysia, bukan sahaja melalui kaedah simpanan dan pelaburan, tetapi juga melalui sumbangan zakat serta pelbagai program kemasyarakatan yang telah dijalankan. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kami juga telah mempergiatkan usaha untuk mencipta nilai sosial yang lebih besar, di samping mengoptimalkan keupayaan kami untuk mempengaruhi kelestarian alam sekitar negara, khususnya bagi agenda karbon rendah.

Memandangkan ketegangan geopolitik dan kebimbangan terhadap perdagangan yang semakin meningkat, kami tetap teguh dengan keyakinan bahawa agenda ESG merupakan sebuah agenda yang sangat penting terhadap kewajipan fidusiari kami sebagai pengurus dana yang bertanggungjawab. Menyepadukan pertimbangan ESG dalam aktiviti perniagaan dan membuat keputusan pelaburan membolehkan kami mengurus risiko secara lebih holistik serta dapat memanfaatkan peluang penciptaan nilai, sekali gus memastikan operasi dan portfolio pelaburan kami lebih berdaya tahan. Sasaran dwi sifar bersih meliputi perusahaan dan portfolio pelaburan terus membentuk keutamaan kami dalam agenda menyahkarbon, dan saya amat gembira dengan perkembangan signifikan yang telah dicapai dalam kedua-duanya, seterusnya telah meletakkan PNB sebagai sebuah organisasi yang peka terhadap perubahan iklim dunia. Bagi mengukuhkan lagi komitmen kami terhadap kelestarian alam sekitar, kami telah melancarkan Dasar Alam Semula Jadi dan Biodiversiti, bagi mengurus risiko berkaitan alam semula jadi dengan lebih berkesan.

Seterusnya, sebagai tambahan kepada Matlamat kami untuk memperkasa jangka hayat kewangan rakyat Malaysia merentas generasi, kami telah membangunkan Rangka Kerja Pelaburan Sosial (SIF) sejajar

dengan pembangunan negara dan keperluan komuniti, berteraskan empat teras utama iaitu pendidikan, kesihatan, pembangunan komuniti dan alam sekitar. Saya berbesar hati untuk menyatakan bahawa, pada tahun 2024, Kumpulan ini telah menyumbang sebanyak RM77 juta kepada pelbagai inisiatif yang telah menzahirkan komitmen kami sebagai warga sosial yang prihatin, termasuk sebanyak RM64 juta yang telah disalurkan sebagai pembayaran zakat.

Bidang pendidikan sentiasa menjadi salah satu bidang tumpuan utama kami kerana pendidikan merupakan pemangkin yang sangat berkuasa bagi melengkapkan generasi muda di Malaysia dengan ilmu pengetahuan dan keupayaan untuk mempertingkatkan kehidupan mereka serta komuniti sebagai pemimpin pada masa hadapan. Sejak tahun 1996, kami telah menawarkan Program Biasiswa Global PNB dan Anugerah Kecemerlangan YTI kepada para pelajar yang cemerlang, bagi membolehkan mereka melanjutkan pengajian di universiti tempatan atau luar negara. Kami juga memberi sokongan kepada para pelajar yang kurang berkemampuan untuk mereka

menamatkan pendidikan menengah melalui program Bantuan Untuk Pendidikan PNB (BUDI PNB).

Pada peringkat dalaman PNB sendiri, kami telah melaksanakan Program Pelatih Graduan Eksekutif. Semenjak tahun 2011, seramai 5,539 peserta telah mengikuti program ini, yang bertujuan untuk merapatkan jurang kemahiran dalam kalangan graduan dengan menyepadukan pembelajaran dalam bidang akademik dan keperluan industri.

Menyepadukan pertimbangan ESG dalam aktiviti perniagaan dan membuat keputusan

“pelaburan membolehkan kami mengurus risiko secara lebih holistik serta dapat memanfaatkan peluang penciptaan nilai, sekali gus memastikan operasi dan portfolio pelaburan kami lebih berdaya tahan.



Penghargaan

PNB sedang melalui satu fasa perubahan yang pantas dan pesat bagi mengekalkan kedudukan kami sebagai sebuah organisasi pelaburan yang paling dipercayai di negara ini. Dalam proses ini, kami juga semakin cekap menguruskan pelaburan lebih daripada 13 juta pemegang unit, di samping mencipta hasil berimpak untuk membentuk sebuah negara yang progresif dan saksama.

Bagi setiap kejayaan yang telah dicapai, kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak berkepentingan, baik dari luar mahupun di dalam organisasi ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan penghargaan kepada pemegang unit atas kepercayaan yang diberikan terhadap keupayaan kami untuk terus berkhidmat; kepada syarikat syarikat pelaburan kami kerana telah berkongsi wawasan kami untuk menjadikan negara ini sebuah negara yang progresif dari segi sosial, ekonomi dan alam sekitar; kepada Kementerian Kewangan (MOF) kerana telah mewujudkan ekosistem yang kondusif untuk terus memperkasa syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC); serta kepada semua pengurus dana luar yang terus mengekalkan piawai tinggi yang telah ditetapkan oleh PNB.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan Lembaga Pengarah di PNB atas komitmen mereka yang tidak berbelah bahagi, serta kepada pihak pengurusan kanan yang telah memberikan sepenuh dedikasi mereka terhadap Kumpulan ini. Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Dato' Rick Ramli atas khidmat cemerlang beliau sebagai Pemangku Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan (PGCE) sepanjang tempoh kritikal iaitu di antara waktu peletakan jawatan Ahmad Zulqarnain Onn pada Februari 2024 sehingga diambil alih



Dato' Abdul Rahman Ahmad sebagai PGCE pada Julai 2024.

Bagi mengulangi kata-kata yang pernah saya sampaikan pada tahun lalu, kami amat menghargai jasa Ahmad Zulqarnain yang telah banyak membimbing Kumpulan ini melalui pelbagai pencapaian penting sepanjang tempoh tiga setengah tahun perkhidmatan beliau di sini. Pada masa yang sama, kami amat mengalu-alukan "kepulangan" Dato' Abdul Rahman ke PNB untuk kembali memegang jawatan yang pernah beliau sandang dari tahun 2016 hingga 2019, sebelum meninggalkan PNB untuk menerajui CIMB sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan. Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau sebagai PGCE, Dato' Abdul Rahman telah memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk transformasi strategik PNB. Kami menantikan kesinambungan kepimpinan beliau dalam memacu pelaksanaan LEAP 6, di samping merealisasikan Matlamat

kami untuk memperkasa jangka hayat kewangan rakyat Malaysia merentasi generasi.

Akhir sekali, terima kasih saya ucapkan kepada 2,117 kakitangan kami, yang kakitangan kami, yang tanpa mereka kami tidak dapat mencapai segala yang telah diraih sepanjang beberapa tahun ini. Usaha gigih dan komitmen anda semua akan terus menjadi sumber inspirasi, mengukuhkan lagi kekuatan dan daya tahan kita dalam merintis masa depan yang lebih cemerlang untuk semua.

PNB sedang melalui satu fasa perubahan yang pantas dan pesat bagi mengekalkan kedudukan kami sebagai sebuah organisasi pelaburan yang paling dipercayai di negara ini.

Perbualan bersama Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan

S 1 Lima tahun sejak Dato' meninggalkan PNB sebagai PGCE pada tahun 2019 telah menyaksikan persekitaran yang paling luar biasa dalam sejarah moden bagi syarikat-syarikat di negara ini akibat daripada pandemik yang melanda. Apakah perubahan utama yang dapat Dato' perhatikan dalam organisasi ini sejak kembali menerajui PNB?

Landskap kewangan global dan tempatan sememangnya telah berubah dengan amat signifikan semenjak awal saya bertugas di PNB. Walaupun pandemik telah menggagalkan ekonomi global, kesannya selepas itu tidak kurang mencabar. Kemajuan teknologi yang pesat, digabung dengan ketidaktentuan geopolitik dan ketegangan perdagangan yang semakin memuncak, telah menyumbang kepada persekitaran inflasi yang amat ketara dengan kadar faedah yang meningkat serta pasaran modal yang sangat tidak menentu.

PNB sendiri telah melalui satu tempoh transformasi yang amat ketara, yang sebenarnya telah bermula sebelum Covid-19, dan transformasi ini berlaku dengan lebih cepat sejak itu. Ketika saya pertama kali menyertai PNB pada tahun 2016, tumpuan kami adalah untuk mempelbagaikan portfolio pelaburan yang pada ketika itu adalah 98% di Malaysia, dan kebanyakannya dalam bentuk ekuiti. Kepelbagaian yang dilakukan ini amat kritikal bagi tujuan pengurusan risiko dan kelestarian pulangan. Saya amat berbesar hati kerana pada hari ini, PNB telah berjaya meningkatkan pelaburan global kepada 23.4% daripada jumlah keseluruhan portfolio.

Walaupun kita perlu meneruskan strategi untuk kepelbagaian aset, cabaran yang lebih mendesak pada masa ini adalah untuk menggalakkan rakyat Malaysia menyimpan dengan lebih banyak dan melabur bersama PNB.

Perubahan dalam tabiat perbelanjaan, ditambah pula dengan tekanan terhadap pendapatan bersih yang boleh digunakan, telah mengurangkan kecenderungan rakyat Malaysia untuk menyimpan secara sukarela berbanding lima atau sepuluh tahun yang lalu. Keadaan ini telah memberi tekanan kepada keupayaan PNB untuk meningkatkan AUM, yang merupakan aspek kritikal bagi mana-mana institusi pengurusan dana. Oleh itu, tumpuan utama kami pada hari ini adalah untuk mempertingkatkan tahap celik kewangan dalam kalangan masyarakat serta menambah baik perkhidmatan yang disampaikan bagi membantu masyarakat menguruskan kewangan dengan lebih baik dan memiliki tabiat menyimpan yang lebih bijak dan berinformasi.


S 2 Bagaimanakah organisasi ini terus melalui proses transformasi, dan apakah antara pencapaian utama organisasi sepanjang tempoh ini?

Terdapat tiga perubahan utama dalam trajektori PNB sejak beberapa tahun kebelakangan ini, dan setiap satu bertujuan untuk memperkukuh keupayaan organisasi pada masa hadapan di samping menjana pulangan jangka panjang yang mampan kepada para pemegang. Perubahan ini merangkumi kepelbagaian portfolio, seperti yang telah dinyatakan; memperkukuh agenda kemampanan dan pengawasan; serta pelancaran Pelan Strategik LEAP 6.

Dalam usaha kepelbagaian pula, kami bukan sahaja telah meluaskan portfolio merentas geografi, tetapi juga merangkumi pelbagai kelas aset untuk memastikan keseimbangan yang lebih baik serta keupayaan yang lebih kukuh dalam menghadapi ketidaktentuan pasaran.



Peningkatan ketara daripada **8.7%** (Ekuiti Awam Antarabangsa), **7.2%** (Pendapatan Tetap), dan **2.8%** (Pelaburan Persendirian) pada Disember 2020.





Pelan Strategik ini menekankan fokus kami untuk meningkatkan tahap simpanan rakyat Malaysia, di samping dapat mengukuhkan agenda kepelbagaian dan kemampuan, selain turut memanfaatkan inovasi dan budaya berprestasi tinggi bagi memacu kecekapan operasi, pengalaman pelanggan yang lebih baik serta dapat mempertingkatkan pulangan yang mampan secara berterusan.

▶ **Dato' Abdul Rahman Ahmad**

Presiden & Ketua
Eksekutif Kumpulan

Perbualan Bersama Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan

Bagi aspek kemampanan pula, PNB sentiasa berusaha untuk melabur secara bertanggungjawab dan usaha kami ini telah diperincikan dengan lebih rasmi pada April 2022 melalui pelancaran Rangka Kerja Kelestarian PNB serta 10 Komitmen ESG. Selaras dengan penekanan yang semakin meningkat terhadap kemampanan, kami kini telah mengintegrasikan prinsip kemampanan ke dalam falsafah pelaburan serta amalan organisasi di PNB.


LEAP 6 telah dilancarkan pada tahun 2023 bagi mempercepatkan transformasi menyeluruh PNB melalui enam teras utama, iaitu Jualan dan Pengedaran, Pelaburan, Transformasi PNB Co, Ilmu Pengetahuan, Inovasi, dan Kemampanan. Pelan Strategik ini menekankan fokus kami untuk meningkatkan tahap simpanan rakyat Malaysia, di samping dapat mengukuhkan agenda kepelbagaian dan kemampanan, selain turut memanfaatkan inovasi dan budaya berprestasi tinggi bagi memacu kecekapan operasi, pengalaman pelanggan yang lebih baik serta dapat mempertingkatkan pulangan organisasi yang mampan secara berterusan.

S 3 Tahun 2024 merupakan tahun yang cemerlang bagi PNB dari segi prestasi pelaburan. Boleh Dato' tunjukkan kepada kami perincian pencapaian tersebut dan bagaimana kejayaan ini dicapai?


Tahun ini sememangnya merupakan tahun yang amat positif bagi pelaburan kami. ASNB telah mengisytiharkan jumlah agihan pendapatan sebanyak 5.75 sen bagi satu unit ASB, bersamaan RM10.1 bilion, nilai yang jelas mencerminkan ketahanan yang telah kami bina dalam portfolio sepanjang beberapa tahun kebelakangan ini. Prestasi yang kukuh turut dicatatkan oleh semua dana FP PNB, dengan kesemuanya telah merekodkan pulangan tertinggi sepanjang tempoh lima tahun yang lalu.

Dividen ASB pada tahun ini turut memberikan pulangan sebanyak 5.7%, iaitu lebih 300 mata asas melebihi kadar deposit tetap (FD) bagi tempoh 12 bulan. Pencapaian ini benar-benar menjadikan PNB sebagai sebuah syarikat pelaburan terbaik dalam industri; tiada tempat lain di dunia ini di mana seorang pelabur boleh mendapatkan pulangan pelaburan yang lebih tinggi di samping dapat mengekalkan kecairan dan pemeliharaan modal.

Prestasi kukuh Dana Harga Tetap pada tahun 2024, dengan pulangan tertinggi dalam tempoh lima tahun yang lalu



Dana Harga Berubah kami juga turut mencatatkan pulangan yang mendahului pasaran, mengatasi penanda aras masing-masing.



Namun begitu, pada tahun ini kami berhasrat untuk mengetengahkan secara khusus bahawa prestasi Dana Harga Berubah (VP) PNB dilihat amat memberangsangkan, dengan banyak dana berada dalam kuartil teratas berbanding rakan-rakan dalam industri yang sama. Secara keseluruhan, 11 daripada 12 dana VP telah disenaraikan dalam Kuartil 1 atau 2 dalam kumpulan rakan seindustri. Beberapa dana ekuiti PNB juga telah mencatatkan pulangan melebihi 18% hingga 20%.

Persekitaran makroekonomi dan pasaran modal yang positif, serta didorong oleh sokongan dasar-dasar MADANI – seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP), Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Strategi Semikonduktor Negara (NSS) – telah memainkan peranan besar dalam membentuk prestasi kami. Pada masa yang sama, pencapaian ini telah diperkukuhkan lagi dengan pelaksanaan strategi yang berdisiplin untuk mengembangkan serta mempelbagaikan pelaburan secara mampan terhadap ekuiti global, pendapatan tetap dan pelaburan-pelaburan alternatif. Pertumbuhan selanjutnya telah dicapai melalui pendekatan perpektif jangka panjang dengan penekanan terhadap saham, bon dan pasaran persendirian yang berkualiti tinggi, terutamanya dalam meneroka sektor pertumbuhan tinggi di dalam dan luar negara.

ASNB telah mengisytiharkan agihan pendapatan keseluruhan sebanyak 5.75 sen seunit ASB, yang berjumlah RM10.1 bilion — pulangan tertinggi bagi dana FP kami dalam tempoh lima tahun yang lalu. Sementara itu, 11 daripada 12 dana VP telah berada dalam Kuartil 1 atau 2 dalam kalangan kumpulan setara masing-masing.

Perbualan Bersama Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan

S 4 **Daripada aspek strategi pula, adakah terdapat sebarang perubahan telah dilakukan terhadap Pelan Strategik LEAP 6 sejak Dato' mengambil alih jawatan PGCE pada Julai 2024?**

Semua pelan induk jangka panjang yang disediakan telah disemak secara berkala bagi memastikan Pelan yang digariskan kekal relevan. Bersama-sama pasukan kepimpinan, kami telah menilai semula LEAP 6 dan memperhalusi Pelan tersebut dengan memberi tumpuan yang lebih jelas terhadap hasil yang ingin kami capai dalam tempoh tiga tahun akan datang. Kami juga telah menetapkan matlamat akhir LEAP 6 yang jelas, iaitu untuk meningkatkan AUM kami kepada RM400 bilion menjelang tahun 2027. Ini mewakili pertumbuhan sebanyak 15.3% dalam tempoh tiga tahun — satu sasaran yang bercita-cita tinggi namun boleh dicapai sekiranya inisiatif strategik di bawah Pelan ini dilaksanakan dengan teliti. Kami ingin memberi fokus terhadap rancangan bagi membina AUM kerana perkara ini mencerminkan kejayaan objektif utama kami, iaitu untuk menggalakkan rakyat Malaysia menyimpan dan menambah nilai simpanan mereka. Bagaimanakah caranya? Caranya adalah dengan mempertingkatkan kesedaran terhadap keperluan kritikal untuk menyimpan dan melabur, serta meyakinkan rakyat bahawa PNB merupakan organisasi pelaburan yang paling dipercayai yang dapat membantu mengembangkan simpanan mereka. Kepercayaan ini hanya dapat dibina dengan memberikan kepada setiap pelabur pulangan yang mampan dan kompetitif secara konsisten, beroperasi dengan cekap untuk membina dana proprietari yang kukuh, serta memberikan pelanggan pengalaman yang lebih baik melalui tenaga kerja yang berkemampuan tinggi, pendekatan yang lebih inovatif dan mampan. Kesemua elemen ini telah digariskan dengan jelas melalui enam teras utama kami, seperti yang dinyatakan di bawah:

Jualan dan Penedaran

Berhubung Melalui Emosi, Berkhidmat dengan Kesempurnaan



Pelaburan

Memberikan Pulangan



Transformasi PNB Co

Memperkasa dan Mengimbangi Semula



Ilmu Pengetahuan

Belajar dan Berkembang



Inovasi

Gagal dengan Cepat, Belajar Lebih Pantas



Kemampanan

Memenuhi 10 Komitmen Kami



S 5 **Dato' juga ada menyebut mengenai usaha bagi mempertingkatkan kesedaran dan memperkukuh PNB sebagai sebuah organisasi yang dipercayai sebagai asas kepada teras Jualan dan Penedaran. Apakah pencapaian utama yang telah dicapai oleh PNB dalam aspek ini sepanjang tahun 2024?**

Seperti yang telah dinyatakan oleh Pengerusi Kumpulan kami, PNB mempunyai tradisi yang telah lama dilaksanakan dalam menganjurkan program literasi kewangan, dan program yang mungkin paling dikenali ialah Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM), yang diadakan setiap tahun di seluruh negara. Bagi menyokong inisiatif ini, kami turut melaksanakan program libat urus komuniti yang menyasarkan golongan pelajar sekolah melalui program berterusan seperti Kelab Pelaburan Bijak PNB (KBPBNB), Sembang-sembang ASNB serta Kuiz Pelaburan PNB yang diadakan setiap tahun.

Dengan sokongan yang diterima melalui inisiatif-inisiatif ini, AUM PNB telah kembali berkembang kepada RM348.3 bilion, mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.4% daripada RM337 bilion pada akhir tahun 2023 walaupun pernah mengalami penguncupan pada tahun 2023. Perkembangan ini turut disertai dengan peningkatan semula jumlah pemegang akaun kepada 16.2 juta, buat pertama kalinya jumlah pemegang akaun melepasi paras 16 juta apabila jumlah pemegang akaun unik meningkat kepada lebih daripada 13 juta.

Sementara itu, bagi memperkukuh kewujudan PNB dan ASNB dalam kalangan orang ramai, serta menunjukkan semangat dan dinamik yang lebih jelas dalam mencapai aspirasi dan matlamat ini, kami juga telah melaksanakan penjenamaan semula korporat. Logo baharu kami kini kelihatan lebih cerah dan optimistik. Warna biru pada logo PNB mencerminkan personaliti yang Yakin, Bijaksana, Perintis dan Menginspirasi. Begitu juga dengan logo baharu ASNB yang menggambarkan sebuah dana yang Dinamik, Empati, Bijak dan Bersemangat.

PNB ASNB

➤ Dorongan Besar untuk Pendidikan Kewangan

PNB telah melancarkan program Celik Madani untuk membuka 1 juta akaun pelajar dengan setiap satu akaun bernilai RM50.

➤ Pertumbuhan Akaun dan AUM

AUM telah berkembang kepada RM348.3 bilion, dengan sebanyak 16.2 juta pemegang akaun dan lebih daripada 13 juta pemegang unit.

S 6 Bagaimanakah PNB mengadaptasi inovasi? Boleh Dato' berikan contoh-contoh perubahan inovatif yang telah dilaksanakan pada tahun 2024?

Terdapat dua aspek inovasi yang telah dilaksanakan—satu adalah inovasi dalaman dan berkaitan dengan penambahbaikan cara kami melaksanakan tugas dalam organisasi; manakala aspek seterusnya berkaitan cara berhadapan dengan pelanggan, iaitu dengan menggunakan kecerdasan buatan (AI) dan analitik tingkah laku untuk memastikan setiap produk yang dihantar mengikut keinginan setiap pelanggan.

Bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih lancar dan cekap, kami telah memperkukuh infrastruktur digital kami. Dengan kerjasama Alibaba Cloud, kami telah menaik taraf pusat data kami bagi mengendalikan peningkatan trafik semasa tempoh puncak. Sementara itu, untuk menjadikan disiplin pelaburan lebih mudah, automatik dan mampu diakses oleh segmen rakyat Malaysia yang lebih luas, kami telah menambah baik superapp myASNB agar lebih mesra pengguna serta menawarkan lebih banyak ciri yang dapat menggalakkan tabungan dan pelaburan.

Salah satu pelancaran utama yang telah dilaksanakan pada tahun 2024 ialah Ria, satu kemudahan yang telah menyediakan nasihat peribadi untuk membantu pelabur baharu yang mula menceburi dunia pelaburan. Kemudahan ini merangkumi alat pemprofilan risiko yang intuitif untuk memilih dana yang paling sesuai daripada portfolio ASNB, serta menyeimbangkan semula portfolio apabila diperlukan dari semasa ke semasa. Sambutan terhadap Ria amat menggalakkan; dalam tempoh kurang dua bulan selepas pelancarannya pada bulan Mac 2024, Ria telah menarik lebih daripada 60,000 pengguna dengan jumlah pelaburan melebihi RM6 juta. Sepanjang tahun tersebut, kami turut mengintegrasikan ciri Auto Labur ke dalam aplikasi ini bagi membolehkan pengguna melakukan pelaburan berkala secara automatik serendah RM10 sebulan.

Penambahbaikan digital strategik ini telah memberikan impak yang amat ketara. Pada tahun 2024, kami telah memperoleh sejumlah 550,734 pemegang unit baharu yang telah melabur sebanyak RM3.36 bilion, manakala lebih 2.73 juta pemegang unit sedia ada telah menambah pelaburan mereka, menjana tambahan jualan sebanyak RM44.2 bilion untuk dana seperti ASB dan ASM. Daripada jumlah keseluruhan jualan tersebut, satu pertiga atau RM15.6 bilion telah dijana melalui saluran digital kami.

Di peringkat lapangan pula, kami terus menambah baik pengalaman perkhidmatan pada setiap cawangan dengan tiga cawangan digital telah dilancarkan pada tahun 2024, dan lebih banyak lagi akan diperkenalkan.

Kami juga melakukan pelaburan bagi memastikan setiap perkhidmatan kami dijalankan dengan cemerlang. Kami juga akan sentiasa memastikan agar warga kerja kami diberi kelengkapan yang sepatutnya agar mereka dapat berkhidmat pada tahap seperti yang diharapkan oleh rakyat Malaysia daripada sebuah institusi nasional seperti PNB.

➤ Lonjakan Besar dalam Inovasi Digital

PNB telah melancarkan Ria pada tahun 2024, menarik lebih daripada 60,000 pengguna dan pelaburan melebihi RM6 juta dalam tempoh dua bulan.

➤ Pertumbuhan Kukuh Menerusi Saluran Digital

Sebanyak RM15.6 bilion (iaitu satu pertiga daripada jumlah jualan) diperoleh melalui platform digital seperti aplikasi myASNB yang telah ditambah baik, termasuk ciri Auto Labur yang bermula serendah RM10 sebulan.



Perbualan Bersama Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan

S 7 **Bagaimanakah kelestarian disepadukan dalam strategi dan Matlamat utama PNB, iaitu untuk memperkasa jangka hayat kewangan rakyat Malaysia merentas generasi? Dan apakah kemajuan yang telah dicapai PNB dalam menjadi sebuah organisasi yang lebih mampan?**

Semakin jelas bahawa kelestarian sosial dan alam sekitar mempunyai perkaitan yang rapat dengan kesejahteraan kewangan masyarakat. Atas dasar inilah, kelestarian telah diadaptasi sebagai salah satu daripada enam teras utama dalam Pelan Strategik LEAP 6. Matlamat kami bukan sekadar untuk beroperasi secara mampan sebagai sebuah organisasi, tetapi juga sebagai salah satu dana pelaburan terbesar di Malaysia yang dapat memberikan contoh terbaik terhadap syarikat pelaburan kami agar turut mengamalkan pendekatan yang bertanggungjawab. Keputusan pelaburan kami kini dipandu secara signifikan oleh ESG kerana perkara ini dapat membantu kami untuk memahami dengan lebih mendalam risiko dan peluang yang berkaitan dengan syarikat pelaburan, dan seterusnya dapat bertindak dengan lebih bijak serta bertanggungjawab.

Kami juga turut memantau prestasi PNB berdasarkan sasaran yang telah ditetapkan di bawah 10 Komitmen ESG; dan saya sangat berbesar hati ingin berkongsi bahawa kami telah mencatatkan kemajuan yang sangat baik dalam setiap bidang. Antara komitmen utama kami termasuklah bagi mengurangkan pelepasan karbon serta menambahkan nilai pelaburan sebanyak RM10 bilion ke dalam aset hijau dan peralihan menjelang tahun 2030. Pada tahun 2024, kami telah berjaya mencapai pengurangan sebanyak 98% dalam pelepasan Skop 1 dan 2 (perusahaan), di samping berjaya memperkukuhkan proses pelaburan dalaman dan aktiviti pemantauan untuk menyokong proses penyahkarbonan portfolio pelaburan kami selaras dengan sasaran iklim sementara menjelang tahun 2030. Menjelang akhir tahun, kami juga telah melaburkan sejumlah RM5.5 bilion dalam aset hijau dan peralihan, menandakan kemajuan yang ketara ke arah sasaran jangka panjang kami.

Seperti yang telah diperincikan oleh Pengerusi Kumpulan, kami terus memperkukuh sumbangan kami kepada negara melalui pelbagai usaha untuk membantu membentuk ekonomi yang lebih saksama dan adil. Berikutan pelaksanaan Gaji Kehidupan Wajar oleh PNB pada tahun 2023, kini kami turut menggalakkan syarikat pelaburan kami untuk turut melakukan perkara yang sama dengan memasukkan prinsip ini ke dalam Garis Panduan Pengundian yang telah kami tetapkan. Kami juga telah menggabungkan Dasar Hak Buruh ke dalam laman sesawang perolehan dan dokumen tender kami, bagi mempertingkatkan kesedaran dalam kalangan para pembekal. Hasil daripada usaha advokasi ini, pada tahun 2024, laporan lagi syarikat pelaburan utama di bawah pemantauan kami telah menerbitkan Dasar Hak Buruh atau Hak Asasi Manusia bagi syarikat mereka sendiri, menjadikan jumlah keseluruhan syarikat yang terlibat kepada 11 syarikat.

Kesaksamaan gender juga merupakan satu lagi bidang yang menjadi tumpuan kami, bukan sahaja atas dasar etika, tetapi juga dari sudut kewangan kerana perkara ini akan menjamin kepelbagaian dalam kepimpinan, sekali gus mempertingkatkan proses membuat keputusan kepada perspektif dan kemahiran yang lebih luas. Saya juga sangat berbesar hati ingin berkongsi bahawa pada masa ini, kaum wanita telah membentuk 38% daripada barisan kepimpinan kami, menjadikan PNB semakin hampir kepada sasaran 40% pemimpin wanita menjelang tahun 2025.

S 8 **Boleh Dato' terangkan dengan lebih lanjut mengenai inisiatif Gaji Kehidupan Wajar (Living Wage) — bagaimana respons syarikat pelaburan setakat ini, apakah cara lain PNB dapat memperkukuhkan komitmennya untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang lebih saksama?**

Gaji Kehidupan Wajar merupakan gaji yang melangkaui gaji minima bagi memastikan setiap pekerja mampu mengekalkan tahap kehidupan yang diterima secara sosial, serta merangkumi lebih daripada perbelanjaan bagi keperluan asas mereka. Kami juga ingin menegaskan bahawa kini PNB telah melaksanakan sepenuhnya inisiatif Gaji Kehidupan Wajar di dalam organisasi, di mana semua kakitangan kini menerima pendapatan yang melebihi paras Gaji Kehidupan Wajar yang telah ditetapkan.

Fokus kami kini adalah untuk menggalakkan Syarikat Strategik PNB dan lebih meluas lagi syarikat-syarikat korporat di Malaysia untuk mengikut jejak langkah yang sama. Beberapa buah syarikat pelaburan kami seperti Sime Darby Property, SD Guthrie, dan Maybank, telahpun melaksanakan konsep Gaji Kehidupan Wajar ini ke dalam organisasi mereka. Kami juga turut menggalakkan konsep pembayaran gaji yang adil dan saksama secara lebih meluas ke seluruh syarikat korporat di Malaysia melalui Program Pengaktifan dan Pembaharuan Perusahaan Berkaitan Kerajaan (GEAR-uP) di bawah Kementerian Kewangan (MOF), dan merupakan sebahagian daripada inisiatif Ekonomi MADANI.

Misi kami adalah untuk memastikan agar semua organisasi korporat di negara ini komited untuk menawarkan pakej pampasan menyeluruh kepada para pekerja yang bersamaan dengan gaji hidup bulanan yang diterima iaitu sebanyak RM3,100, serta menyelaraskan penanda aras gaji berdasarkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menurut laporan kewangan tahunan Belanjawanku. Laporan ini juga turut menggariskan kos sara hidup mengikut bandar-bandar yang berbeza di seluruh Malaysia bagi membantu rakyat merancang kewangan mereka pada setiap peringkat kehidupan.

Sebagai usaha tambahan kepada inisiatif "Menaikkan Paras Minimum" ("Raising the Floor") melalui pemberian gaji yang wajar bersama GLIC lain di bawah program GEAR-uP, PNB bersama lima lagi GLIC telah berikrar untuk melabur sebanyak RM120 bilion dalam bentuk pelaburan domestik secara langsung dalam tempoh lima tahun akan datang. Pelaburan ini akan melengkapkan peruntukan sedia ada sebanyak RM440 bilion bagi pelaburan dalam pasaran awam, untuk merangsang ekosistem ekonomi baharu di bawah program Kementerian Kewangan (MOF).

S 9 **Bagaimanakah PNB memantau prestasi syarikat pelaburan, terutamanya dari segi ESG atau aspek yang lain? Dan apakah hasil yang diperolehi daripada usaha tadbir urus pelaburan yang dilakukan oleh PNB pada tahun 2024?**

Komitmen PNB terhadap tadbir urus pelaburan begitu terserlah melalui penubuhan salah satu pasukan tadbir urus pelaburan paling komprehensif di Asia (tidak termasuk Jepun). Sumber dan kepakaran yang dimiliki pasukan ini amat penting memandangkan skala pemantauan yang dilakukan terhadap tindakan dan prestasi syarikat pelaburan kami begitu luas dan menyeluruh. Pada peringkat awal, tumpuan utama hanya diberikan kepada aspek tadbir urus korporat semata-mata. Namun, pendekatan kami kini telah berkembang

sejajar dengan keperluan masa hadapan. Proses uji laku sebelum pelaburan kini telah diperluaskan merangkumi penilaian ESG yang lebih menyeluruh. Ini termasuk penilaian sejauh mana penajajaran syarikat terhadap sasaran sifar bersih, pendedahan terhadap risiko fizikal dan peralihan, risiko biodiversiti, risiko berkaitan isu buruh, isu-isu ESG khusus mengikut industri tertentu, serta kontroversi ESG yang sedang dihadapi oleh pihak organisasi.

Bagi memastikan jangkaan yang telah kami sasarkan difahami dengan jelas, PNB telah meningkatkan tahap penglibatan bersama syarikat-syarikat yang terdapat di dalam portfolio pelaburan PNB. Ini termasuk pengeluaran Surat Pemegang Saham ESG yang dialamatkan terus kepada Pengerusi Lembaga Pengarah syarikat-syarikat berkenaan. Dalam memenuhi komitmen terhadap aspek sifar bersih (net-zero) pula, kami telah membangunkan satu metodologi khusus untuk menilai kredibiliti matlamat serta pelan tindakan syarikat pelaburan berkaitan sasaran sifar bersih (net-zero) yang telah mereka laksanakan. Pendekatan ini mencerminkan anjakan daripada sekadar menuntut pendedahan atau laporan, kepada penilaian terhadap keberkesanan tindakan berdasarkan prestasi sebenar yang telah dicapai oleh syarikat berkenaan.

Dari sudut ketelusan pengundian, saya dengan rasa berbesar hati ingin berkongsi bahawa PNB telah memperluas hak pengundian proksi kami daripada 10 kepada 20 ekuiti antarabangsa bagi pasaran penting seperti Amerika Syarikat, Eropah, Jepun, China dan Asia Pasifik. Hasil daripada peluasan ini, pada tahun 2024, PNB telah mengambil bahagian secara aktif dalam 138 mesyuarat agung syarikat domestik dengan pegangan PNB. Dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut, kami telah mengundi terhadap 1,095 resolusi yang dibentangkan dalam kedua-dua AGM dan EGM. Daripada jumlah keseluruhan undian tersebut 86% telah menyokong resolusi, 11% menentang, dan 3% merupakan undian berkecuali.

Buat pertama kalinya juga PNB turut menjalankan hak pengundian di dalam 54 mesyuarat bagi syarikat-syarikat antarabangsa yang kami laburkan dan telah melibatkan sebanyak 540 resolusi. Daripada keseluruhan resolusi tersebut 90% resolusi telah kami sokong, 9.8% kami tolak, dan 0.2% adalah undian berkecuali.

S 10 **Apakah yang dapat kami jangkaan daripada PNB bagi tahun 2025? Apakah keutamaan yang akan pihak PNB letakkan dan bagaimana Dato' melihat prestasi organisasi pada tahun tersebut?**

Seperti kebanyakan organisasi pelaburan yang lain, pada awalnya kami begitu optimis bahawa proses pemulihan ekonomi global dan pasaran modal akan berterusan pada tahun 2025. Namun begitu, kami kini mengambil pendekatan yang lebih realistik bahawa landskap makroekonomi dan pasaran modal akan terus mengalami ketidakpastian dan kadar turun naik ekonomi yang tinggi. Ini berpunca daripada ketegangan geopolitik yang semakin meningkat dan tekanan inflasi yang timbul berikutan perubahan dasar kerajaan Amerika Syarikat terhadap sistem perdagangan global.

Bagi mengharungi cabaran-cabaran ini, PNB akan terus memberi tumpuan kepada pelaksanaan strategi di bawah Pelan Strategik LEAP 6. Keutamaan kami adalah untuk mengekalkan prestasi dana-dana kami sebagai memenuhi komitmen kami dalam memberikan pulangan yang konsisten dan kompetitif kepada para pemegang unit. Usaha ini akan terus diperkukuh melalui penambahbaikan yang berterusan dalam keupayaan jualan dan pengedaran kami, yang turut disokong oleh proses inovasi produk, program celik kewangan,

serta peluasan jangkauan terhadap perkhidmatan kami kepada lebih ramai rakyat Malaysia.

Dari sudut organisasi pula, kami akan terus mengekalkan disiplin operasi bagi meningkatkan kecekapan kos dan memastikan bahawa PNB, sebagai sebuah entiti korporat, kekal mampan dari segi kewangan supaya dapat terus menyokong dana-dana syarikat. Kami juga akan mempergiatkan usaha yang sedang berjalan untuk membina keupayaan institusi dengan memberi tumpuan kepada pelaburan dalam pembangunan bakat dan menerapkan budaya berprestasi tinggi dalam kalangan warga kerja PNB.

Akhir sekali, kami akan kekal teguh dengan komitmen kami terhadap agenda ESG. Pada tahun 2025, kami akan terus berusaha untuk mencapai komitmen ESG di samping memperkukuhkan peranan kami sebagai pemegang amanah dalam mendorong amalan kelestarian di seluruh syarikat Korporat di Malaysia. Lebih daripada itu, setiap tindakan dan keputusan akan terus berpandukan pada "bintang utara" kami, iaitu Matlamat PNB untuk terus memperkasa jangka hayat kewangan rakyat Malaysia merentas generasi.

Penghargaan

Segala kemajuan dan pencapaian yang telah saya perincikan dalam kenyataan ini adalah hasil sumbangan pelbagai pihak berkepentingan yang terdapat di dalam ekosistem PNB yang sangat besar dan beraneka ini. Dalam kalangan pihak berkepentingan luar, kami amat menghargai sokongan padu daripada kerajaan serta kementerian, agensi dan badan pengawal selia yang sentiasa gigih dalam usaha untuk memajukan negara. Kumpulan ini turut merangkumi pengurus dana luar kami yang terus mengekalkan piawaian tertinggi yang telah ditetapkan oleh PNB, sekali gus menyumbang kepada pulangan kukuh yang telah kami capai. Tidak dilupakan juga ingin kami rakamkan penghargaan kepada semua pemegang unit atas kepercayaan yang telah diberikan kepada organisasi ini.

Dalam kalangan tenaga kerja PNB pula, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengerusi Kumpulan serta Ahli-ahli Lembaga Pengarah di atas keyakinan dan kepercayaan yang diberi, selain turut memberikan panduan dan nasihat berharga kepada kami pada setiap masa. Ucapan terima kasih yang teristimewa saya tujukan kepada pendahulu saya, Saudara Ahmad Zulqarnain Onn, atas kepimpinan beliau yang cemerlang dalam mengemudi PNB sepanjang melalui tempoh sukar sewaktu pandemik dan meletakkan organisasi ini di landasan transformasi seperti yang kita saksikan pada hari ini. Saya juga ingin menyatakan penghargaan tulus ikhlas kepada seluruh pasukan kepimpinan dan #teamPNB yang benar-benar telah menghayati nilai-nilai PNB serta Mandat kami. Pada hari ini, berpandukan Matlamat kita bersama, marilah kita terus berganding bahu menggembeleng tenaga untuk mencapai segala sasaran yang telah ditetapkan demi kebaikan PNB dan rakyat Malaysia; seterusnya menyumbang ke arah pembentukan negara yang lebih berdaya tahan dan progresif.

Maklumat Korporat

Pejabat Berdaftar

Tingkat 91, Menara Merdeka 118
Presint Merdeka 118
50118 Kuala Lumpur
Telefon : 603-26393118
E-mel : info@pnb.com.my
Laman Web : www.pnb.com.my

Juruaudit

Ernst and Young PLT

No. Pendaftaran 202006000003
(LLP0022760-LCA) dan AF 0039
Akauntan Bertauliah
Tingkat 23A, Menara Milenium
Jalan Damanlela
Pusat Bandar Damansara
50490 Kuala Lumpur

Bentuk Entiti Undang-Undang

Diperbadankan pada 17 Mac 1978 sebagai sebuah syarikat awam berhad

Bank Prinsipal

Malayan Banking Berhad

No. Pendaftaran 196001000142 (3813-K)
Menara Maybank
100, Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur


CIMB Bank Berhad

No. Pendaftaran 197201001799 (13491-P)
Tingkat 17, Menara CIMB
No. 1, Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur






Komposisi Lembaga


Demografi

Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif		1
Pengarah Bukan Bebas Eksekutif		1
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif		7

Tempoh

Kurang 2 tahun		3
2 tahun hingga 5 tahun		1
Melebihi 5 tahun		5

Jantina







 Lelaki  Perempuan

Kewarganegaraan



Kumpulan Umur



 50-59  60-69  Melebihi 70

Lembaga Pemegang Amanah: Yayasan Pelaburan Bumiputra



YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim
Pengerusi YPB / Perdana Menteri
Malaysia



YB Datuk Seri Amir Hamzah Azizan



**Raja Tan Sri Dato' Seri
Arshad Raja Tun Uda**
Pengerusi Kumpulan PNB



**Tan Sri Dato' Setia
Haji Ambrin Buang**

Kekuatan dan Integriti
Pemegang Amanah Kami

Lembaga Pengarah



Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda

Pengerusi Kumpulan,
Pengarah Bukan Bebas Bukan
Eksekutif



Jantina
Lelaki



Umur
78 tahun



Kewarganegaraan
Malaysia



Tarikh Lantikan
1 Jun 2023



Mesyuarat Lembaga Pengarah
10/10

Keahlian Lembaga Pengarah

- Pemegang Amanah Yayasan Pelaburan Bumiputra
- Pengerusi ASNB
- Pengerusi Bumi Armada Berhad
- Pengerusi Pelaburan Hartanah Berhad
- Pemegang Amanah Yayasan DayaDiri
- Pengerusi Yayasan Raja Muda Selangor
- Pengerusi Yayasan AMIR
- Pengerusi Yayasan Perpustakaan Raja Tun Uda
- Pengerusi Yayasan TZA

Pengalaman Kerja

Raja Arshad dilantik sebagai Pengerusi Kumpulan PNB pada 1 Jun 2023. Sebelum pelantikan tersebut, Raja Arshad merupakan Pengerusi Ekuiti Nasional Berhad, firma ekuiti persendirian berkaitan kerajaan dan Pengerusi Icon Offshore Berhad. Raja Arshad telah bersara daripada Maxis Berhad setelah berkhidmat sebagai Pengarah selama 14 tahun, termasuk 11 tahun sebagai

Pengerusi. Beliau adalah mantan Pengarah Khazanah Nasional Berhad dan Sime Darby Berhad. Raja Arshad merupakan Cancellor Universiti Selangor sejak tahun 2011. Raja Arshad sebelum ini merupakan Pengerusi Eksekutif PricewaterhouseCoopers Malaysia ("PwC"). Beliau adalah bekas Pengerusi Pasukan Kepimpinan PwC Asia 7 dan ahli Lembaga PwC Global IFRS. Semasa krisis kewangan Asia 1997, Raja Arshad dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Danamodal Nasional Berhad, satu daripada tiga syarikat bertujuan khas oleh kerajaan untuk menguruskan krisis kewangan.

Terdahulu, beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam termasuk sebagai anggota Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Panel Pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan ahli Lembaga Pemegang Amanah Balai Seni Negara.

Kelayakan

- Felo Institute of Chartered Accountants in England and Wales
- Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- Ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia



Dato' Abdul Rahman Ahmad

Presiden & Ketua Eksekutif
Kumpulan/Eksekutif Bukan Bebas



Jantina
Lelaki



Umur
55 tahun



Kewarganegaraan
Malaysia



Tarikh Lantikan
1 Julai 2024



Mesyuarat Lembaga Pengarah
5/5

Pengalaman Kerja

Dato' Abdul Rahman telah dilantik sebagai Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB pada 1 Julai 2024. Beliau pernah memegang jawatan tersebut dari 1 Oktober 2016 hingga 1 Oktober 2019.

Pengalaman kepimpinan beliau antaranya pernah memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan bagi CIMB Group Holdings Berhad, Ekuiti Nasional Berhad, Media Prima Berhad dan Malaysian Resources Corporation Berhad.

Kelayakan

- Ijazah Sarjana Ekonomi (Kepujian) dari Cambridge University, United Kingdom
- Ahli Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW)
- Akauntan Bertauliah (Malaysia) dari Institut Akauntan Malaysia (MIA)

Lembaga Pengarah

Tan Sri Datuk Zainun Ali

Pengarah Bebas Bukan
Eksekutif



Jantina
Perempuan



Umur
73 tahun



Kewarganegaraan
Malaysia



Tarikh Lantikan
1 Januari 2019



**Mesyuarat
Lembaga
Pengarah**
9/10

Kelayakan

- Ijazah Sarjana Undang-undang (LLM) (Cantab) dari University of Cambridge, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (LLB) (Kepujian) dari Universiti Malaya

Keahlian Lembaga Pengarah

- Allianz Malaysia Berhad

Maklumat Lain

- Ahli Lembaga Penasihat Rangkaian Integriti Kehakiman Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
- Dilantik sebagai Pro-Canselor Universiti Malaya pada 1 Mac 2023
- Dilantik sebagai Naib Pengerusi Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) pada 14 Februari 2024, Batu Putih
- Hakim dalam Tribunal Pentadbiran Kumpulan Bank Pembangunan Islam (IsDb) Jeddah

- Perunding di Tetuan Zain & Co
- Suruhanjaya dalam Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman semenjak 2024
- Penimbangtara berdaftar dengan Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia, Kuala Lumpur
- Ahli Persatuan Hakim Wanita Antarabangsa yang berpangkalan di Washington D.C.

Pengalaman Kerja

Tan Sri Datuk Zainun dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PNB pada 1 Januari 2019, selepas berkhidmat dengan Kerajaan dalam pelbagai jawatan dalam Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman semenjak 1976. Selepas berkhidmat sebagai penasihat Undang-undang di Kementerian-kementerian yang merangkumi perkhidmatannya sebagai Pendaftar Syarikat dan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, beliau dinaikkan



ke Kamar Mahkamah pada tahun 1996 sebagai Hakim Mahkamah Tinggi. Kemudiannya beliau dinaikkan pangkat ke Mahkamah Rayuan dan seterusnya berkhidmat di mahkamah tertinggi pada tahun 2012 sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan.

Datuk Dr. Mohd. Yaakub Haji Johari

Pengarah Bebas Bukan
Eksekutif



Jantina
Lelaki



Umur
70 tahun



Kewarganegaraan
Malaysia



Tarikh Lantikan
1 Januari 2017



**Mesyuarat
Lembaga
Pengarah**
10/10

Kelayakan

- Doktor Falsafah (PhD) dalam Sosiologi dari University of Salford, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Sains (Pengajian Liberal) dari University of Manchester, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dari University of Sussex, United Kingdom

Pengalaman Kerja

Datuk Dr. Mohd. Yaakub telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PNB pada 1 Januari 2017. Beliau memulakan kerjaya sebagai pensyarah sambilan Sains Politik di Institut Teknologi MARA, dan pada tahun 1983, beliau menyertai Perkhidmatan Awam Negeri Sabah sebagai Penolong Pengarah (Penyelidikan dan Perundangan) di Jabatan Ketua Menteri. Beliau dilantik sebagai Ketua Penolong Pengarah (Pembangunan Pengurusan) pada tahun 1984.

Beliau menyertai Institut Kajian Pembangunan, Sabah (IDS), badan pemikir rasmi Negeri sebagai Pengarah Bersekutu (Hal Ehwal Sosial) pada tahun 1985, dan kemudiannya dilantik sebagai Timbalan Ketua Eksekutif/Felo Penyelidik Kanan pada 1991-1994. Beliau berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif/Ketua Eksekutif IDS selama 15 tahun dari 1994-2009 sebelum dilantik sebagai Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) dari 2009-2020. Beliau merupakan Pengerusi IDS berkuat kuasa 14 Disember 2020 dan telah melepaskan jawatan itu berkuat kuasa 30 November 2021. Pada 1 April 2022, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengelola dan Lembaga Pengarah Universiti Kolej Yayasan Sabah (UCSF).





Kelayakan

- Felo Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (UK)
- Akauntan Bertauliah (Malaysia) dari Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- Mengikuti Program Dasar Makroekonomi dan Pengurusan di Harvard University

Datu Haji Soedirman Haji Aini

Pengarah Bebas Bukan
Eksekutif

Jantina
Lelaki

Umur
69 tahun

Kewarganegaraan
Malaysia

Tarikh Lantikan
1 Januari 2017

Mesyuarat Lembaga Pengarah
10/10

Keahlian Lembaga Pengarah

- Amanah Saham Sarawak Berhad
- Sara Worldwide Vacations Berhad
- Damai Golf & Country Club Berhad
- Dana Kekayaan Masa Depan Berdaulat Sarawak

Pengalaman Kerja

Datu Haji Soedirman Aini dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah PNB pada 1 Januari 2017. Beliau memulakan kerjaya dengan Petroliaam Nasional Berhad pada 1982, dan selepas berkhidmat selama 13 tahun dengan syarikat tersebut, beliau meletakkan jawatan pada 1995 untuk menyertai kerajaan Negeri Sarawak.

Sebelum bersara dari Kerajaan Negeri Sarawak pada 31 Disember 2018, Datu Haji Soedirman memegang jawatan sebagai Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC). Perkhidmatan

beliau sebelum ini dalam Perkhidmatan Awam Sarawak termasuk menjawat Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Sosial, Pengarah Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Perindustrian, Timbalan Setiausaha Kewangan Negeri dan Akauntan Negeri. Antara November 2002 dan September 2003, beliau dipinjamkan ke Amanah Saham Sarawak Berhad sebagai Ketua Pegawai Eksekutifnya. Sepanjang tempoh perkhidmatan dengan Kerajaan Negeri Sarawak, beliau berkhidmat dalam pelbagai Lembaga termasuk Malaysia Liquefied Natural Gas Tiga dan Malaysian Investment Development Authority. Kini beliau menganggotai Lembaga Pengarah syarikat senaraian awam dan pelbagai syarikat berkaitan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan.



Kelayakan

- Doktor Falsafah (PhD) dalam Undang-undang dari University of London, United Kingdom
- Sarjana Undang-undang dari University of London, United Kingdom
- Sarjana Muda Undang-undang dari Universiti Malaya

Dato Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood

Pengarah Bebas Bukan
Eksekutif

Jantina
Perempuan

Umur
69 tahun

Kewarganegaraan
Malaysia

Tarikh Lantikan
1 Januari 2019

Mesyuarat Lembaga Pengarah
10/10

Keahlian Lembaga Pengarah

- United Malacca Berhad, Axiata Group Berhad, Institute for Capital Market Research Malaysia (ICMR), Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) dan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

Pengalaman Kerja

Dato Dr. Nik Ramlah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah PNB pada 1 Januari 2019 dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) pada 1 Januari 2017. Beliau bersara pada bulan Mac 2016 setelah bekerja di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) selama hampir 23 tahun dengan memegang

pelbagai jawatan daripada Pengurus Pembaharuan Undang-undang kepada Timbalan Ketua Eksekutif. Sepanjang beliau berkhidmat di SC, Dato Dr. Nik Ramlah terlibat secara langsung dalam kebanyakan bidang pembangunan dan pengawalseliaan pasaran modal, menyediakan panduan strategik dan undang-undang dalam pembangunan produk dan pasaran, pasaran bon, pengurusan dana, tadbir urus korporat dan kewangan Islam. Sebelum menyertai SC, Dato Dr. Nik Ramlah merupakan Profesor Madya di Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya dan pernah berkhidmat sebagai Timbalan Dekan.

Lembaga Pengarah

Dato' Johan Ariffin

Pengarah Bebas Bukan
Eksekutif



Jantina
Lelaki



Umur
66 tahun



Kewarganegaraan
Malaysia



Tarikh Lantikan
1 Januari 2019



Mesyuarat Lembaga Pengarah
10/10



Berhad sehingga Jun 2020. Beliau merupakan Pengerusi Battersea Project Holding Company Limited dari September 2015 hingga September 2018.

Kelayakan

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pemasaran) dari University of Miami, Coral Gables, Florida, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Ekonomi dari Indiana University, Bloomington Indiana, Amerika Syarikat

Keahlian Lembaga Pengarah

- Pengerusi Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (PHNB), Mitraland Group of Companies, Etiqa Life Insurance, Kemboja dan Pengarah PNB Merdeka Ventures Sdn Bhd (PNBMV)

Pengalaman Kerja

Dato' Johan dilantik sebagai Lembaga Pengarah PNB pada 1 Januari 2019. Beliau memulakan kerjayanya di bahagian hartanah Citibank. Beliau kemudiannya memegang pelbagai jawatan kanan dalam beberapa syarikat subsidiari senaraian awam sambil menceburi sendiri bidang perundingan pemasaran dan pengiklanan serta perniagaan pembangunan hartanah yang berjaya. Seterusnya, beliau mengetuai Bahagian Hartanah Danaharta sebagai Pengurus Besar Kanan sebelum mengetuai TTDI Development Sdn Bhd sehingga Januari 2009. Beliau juga berkhidmat dalam Lembaga Pengarah Malayan Banking Berhad selama sembilan tahun sehingga April 2018 dan Sime Darby Property

Datin Norazah Mohamed Razali

Pengarah Bebas Bukan
Eksekutif



Jantina
Perempuan



Umur
55 tahun



Kewarganegaraan
Malaysia



Tarikh Lantikan
6 Mei 2021



Mesyuarat Lembaga Pengarah
10/10



Walaupun tidak lagi menjadi Rakan Kongsi dan Pengarah Urusan di BCG, Datin Norazah kekal sebagai Penasihat Kanan (Amalan Sektor Awam, BCG Malaysia), peranan yang dipikul beliau sejak Ogos 2017 sehingga Disember 2022. Beliau memiliki pengalaman selama 25 tahun menasihati dan bekerja dengan organisasi sektor swasta dan awam mengenai strategi, transformasi dan pertumbuhan, penstrukturan semula, kemampuan, pengurusan risiko serta pembangunan bakat.

Kelayakan

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam Pengurusan, Imperial College Business School, University of London, United Kingdom
- Sarjana Muda Undang-undang (LLB) (Kepujian), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Diploma Pengurusan, Imperial College, United Kingdom

Keahlian Lembaga Pengarah

- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Sime Darby Property Berhad dan MISC Berhad

Maklumat Lain

- Layak sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya setelah dijemput ke Badan Peguam Malaysia pada tahun 1994

Pengalaman Kerja

Datin Norazah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PNB pada 6 Mei 2021.

Beliau memulakan kerjayanya dengan Tetuan Sidek, Teoh, Wong & Dennis sebagai peguamcara pada tahun 1994. Selepas memperoleh MBA di United Kingdom, beliau kembali ke Asia Tenggara dan menyertai firma perunding dan pengurusan Booz, Allen & Hamilton di Singapura. Kemudiannya beliau menyertai Boston Consulting Group (BCG) pada tahun 2000 sebagai perunding yang berpangkalan di Kuala Lumpur. Di BCG, Datin Norazah dinaikkan pangkat sebagai Prinsipal pada 2007. Sebelum itu, beliau memegang jawatan sebagai Ketua Projek serta secara bergiliran sebagai Ketua Pengambilan untuk Asia Pasifik.

Beliau dipilih sebagai Rakan Kongsi dan Pengarah Urusan BCG pada 2010 serta ahli pasukan Kepimpinan Eksekutifnya untuk Asia Tenggara. Sebagai Rakan Kongsi, beliau menjalankan pelbagai peranan kepimpinan dalam firma itu termasuk, menerajui BCG Malaysia dari 2011 hingga 2014 dan Amalan Sektor Awam di Malaysia dari tahun 2012 hingga 2017.



Datuk Johan Mahmood @ Johan Mahmood Merican

Pengarah Bebas Bukan
Eksekutif



Jantina
Lelaki



Umur
51 tahun



Kewarganegaraan
Malaysia



Tarikh Lantikan
6 Julai 2023



**Mesyuarat
Lembaga
Pengarah**
3/10

Keahlian Lembaga Pengarah

- Pengerusi Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)
- Pengerusi Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam
- Pengerusi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
- Digital Nasional Berhad
- 1Malaysia Development Berhad
- Bank Negara Malaysia
- Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
- Johor Corporation

Pengalaman Kerja

Datuk Johan Mahmood Merican kini merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan semenjak pelantikannya pada Mac 2023.

Datuk Johan telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam memegang pelbagai jawatan selama lebih 20 tahun seperti Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) dan Pengarah Belanjawan Negara di Kementerian Kewangan, Timbalan Ketua Pengarah (Modal Insan) di Unit Perancang Ekonomi, dan Ketua Pegawai Eksekutif Talent Corporation Malaysia Berhad. Sebelum berkhidmat dalam perkhidmatan awam pada 2004, beliau pernah berkhidmat selama sembilan tahun dalam sektor swasta dalam bidang kewangan korporat dan perakaunan.

Datuk Johan merupakan Akauntan Bertauliah dari Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW) dan Iulusan Sarjana Muda Ekonomi dari University of Cambridge.

Kelayakan

- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Ekonomi), University of Cambridge, United Kingdom
- Institute of Chartered Accountants in England and Wales



1

← **Dato' Abdul Rahman Ahmad**
Presiden & Ketua
Eksekutif Kumpulan



2

Pasukan



4

← **Mohd Irwan Ahmad Mustafa @ Mustafa**
Ketua
Pegawai
Strategi &
Kewangan
Kumpulan



5

← **Muzaffar Othman**
Ketua
Pegawai
Operasi
Kumpulan



6

← **Fadzihan Abbas Mohamed Ramlee**
Ketua
Pegawai
Eksekutif
ASNB



10

← **Norhanifah A. Jalil**
Ketua Pegawai
Sumber
Manusia



11

← **Mohd Azmir Mohd Jani**
Ketua Pegawai
Risiko



12

← **Nimmi Kamal**
Ketua
Pegawai
Hal Ehwal
Korporat

← **Dato' Rick Ramli**
Timbalan Presiden
& Ketua Eksekutif
Kumpulan

3



← **Hanizan Hood**
Ketua Pegawai
Pelaburan Kumpulan


Kepimpinan

Menjayakan Strategi, Memacu Prestasi



← **Rohani
Mustafa**
Ketua
Pegawai
Jualan &
Pengedaran
Kumpulan

7



← **Shahin Farouque
Jammal Ahmad**
Timbalan
Ketua Pegawai
Pelaburan
Kumpulan

8



← **Rose
Anita Jalil**
Ketua Pegawai
Pelaburan,
Pengurusan
Dana

9



← **Hartini
Zainal Abidin**
Ketua
Setiausaha
Syarikat dan
Undang-
undang
Kumpulan

13



← **Noramly
Bachok @
Abdul Aziz**
Ketua Audit
Dalaman
Kumpulan

14



← **Sahlawati
Mustafa**
Ketua
Pematuhan
& Integriti
Kumpulan

15

Profil Pasukan Kepimpinan

1 Dato' Abdul Rahman Ahmad

Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan

Mengemudi keseluruhan urusan pelaburan, kewangan, operasi dan hala tuju strategik PNB bagi mencapai Mandat PNB untuk meningkatkan kekayaan ekonomi masyarakat Bumiputera dan seluruh rakyat Malaysia, demi kemakmuran negara.

2 Dato' Rick Ramli

Timbalan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan

Mengemudi pengurusan dan operasi Kumpulan merangkumi bidang-bidang utama, termasuk Strategi, Pelaburan, Jualan, Operasi, Hal Ehwal Korporat dan Modal Insan. Memberi tumpuan dalam memajukan keutamaan perniagaan strategik utama Kumpulan serta mengawasi bidang kritikal seperti kelestarian dan inovasi.

3 Hanizan Hood

Ketua Pegawai Pelaburan Kumpulan

Mengemudi keseluruhan pengurusan strategi dan pelaburan meliputi pelbagai kelas aset termasuk Ekuiti Awam, Pendapatan Tetap, Hartanah, Pelaburan Persendirian dan Strategik dalam portfolio dana Unit Amanah dan Proprietari bagi memastikan sejajar dengan mandat dan objektif pelaburan jangka panjang masing-masing. Menyelia aktiviti dan fungsi pelaburan dari hujung ke hujung termasuk penyelidikan ekonomi dan pelaburan, perumpukan aset dan pembinaan portfolio, pengurusan perbendaharaan dan kecairan, perdagangan dan pelaksanaan pelbagai aset global, penglibatan pihak berkepentingan dan pengurusan pelaburan, pengurusan dan pengawasan risiko.

4 Mohd Irwan Ahmad Mustafa

Ketua Pegawai Strategi & Kewangan Kumpulan

Memimpin keseluruhan operasi perniagaan PNB termasuk pelaporan kewangan, perancangan, penyediaan belanjawan dan proses pemulihan, di samping menyelia aktiviti perolehan dan pelaburan untuk memastikan kekuatan kewangan syarikat dalam melaksanakan Pelan Strategiknya. Selain itu, mengetuai fungsi Strategi Korporat dan Kewangan, bertanggungjawab ke atas perancangan strategik, kajian strategik, pengurusan program dan menjajarkan proses pengurusan utama bagi memastikan organisasi mengekalkan fokus dalam mencapai strategi syarikat.

5 Muzaffar Othman

Ketua Pegawai Operasi Kumpulan

Berperanan penting dalam melaksanakan strategi PNB dengan memacu transformasi digital, memodenkan infrastruktur IT dan menjajarkan inisiatif dengan sasaran syarikat. Membentuk pasukan yang berprestasi tinggi serta memanfaatkan teknologi baru muncul bagi meningkatkan daya tahan perniagaan serta mengekalkan kelebihan daya saing dan pada masa yang sama memperkemas proses bagi mengoptimumkan sumber. Terdiri daripada pasukan Teknologi, Operasi Perniagaan Runcit, Pematuhan, Analisis Data Pelaburan, Transformasi, Hartanah dan Pengalaman Pelanggan, bahagian ini memastikan kecemerlangan operasi dalam setiap fungsi utamanya. Sasarannya ialah memberikan pengalaman pengguna yang unggul, memungkinkan pembuatan keputusan berpandukan data dan memastikan pematuhan terhadap piawaian tadbir urus, kawal selia dan kelestarian.

6 Fadzihan Abbas Mohamed Ramlee

Ketua Pegawai Eksekutif, ASNB

Bertanggungjawab untuk memacu pertumbuhan AUM dan mengembangkan kehadiran pasaran bagi produk dan perkhidmatan ASNB dengan membangun dan melaksanakan strategi jualan dan pengedaran PNB, di samping memastikan kesejajarannya dengan objektif korporat.

Hal ini termasuklah mengoptimumkan usaha jualan, mengurus saluran pengedaran dan meningkatkan pengalaman pelanggan untuk meningkatkan jangkauan dan mengukuhkan reputasi ASNB sebagai sebuah institusi pelaburan yang dipercayai di Malaysia.

7 Rohani Mustaffa

Ketua Pegawai Jualan & Pengedaran Kumpulan

Memimpin dan memacu strategi jualan dan pengedaran syarikat bagi mengembangkan perniagaan unit amanah runcitnya secara signifikan. Peranan ini akan memfokus pada mengembangkan keluasan pasaran, membina saluran jualan yang teguh (digital dan fizikal) dan menghasilkan pertumbuhan mampan melalui strategi perolehan dan pengekalan pelanggan yang berkesan. Peranan ini melibatkan mengetuai organisasi jualan berprestasi tinggi di samping memastikan perkongsian pengedaran yang efektif dengan institusi kewangan dan pihak berkepentingan utama yang lain. Memainkan peranan utama dalam memasti dan mengukuhkan kehadiran pasaran ASNB di samping mencapai AUM dan sasaran jualan bersih keseluruhan bagi syarikat.

8 Shahin Farouque Jammal Ahmad

Timbalan Ketua Pegawai Pelaburan Kumpulan

Memimpin unit perniagaan Pelaburan Strategik & Persendirian bagi mencapai sasaran dan objektif pelaburan SAA. Tanggungjawab utama termasuklah mengawasi keterlibatan dengan syarikat Strategik & Teras agar sejajar dengan Mandat PNB dan menyediakan panduan strategik bagi pelaburan dalam Pasaran Persendirian dan Hartanah untuk memacu pertumbuhan mampan dan penciptaan nilai jangka panjang. Memperkukuh tadbir urus dan menggalakkan keterlibatan dengan pihak berkepentingan melalui Pengawasan Pelaburan, di samping mencapai sasaran yang digariskan dalam Dasar Kelestarian PNB.

Profil Pasukan Kepimpinan

9 Rose Anita Jalil

Ketua Pegawai Pelaburan, Pengurusan Dana

Sebagai Pengurus Dana yang Ditetapkan, bertanggungjawab secara keseluruhan ke atas fungsi pengurusan dana bagi dana-dana unit amanah di bawah pengurusan PNB. Mengawasi pengurusan portfolio pelaburan bagi dana unit amanah, yang terdiri daripada dana harga tetap dan harga berubah pelbagai aset. Bertanggungjawab untuk membangun dan melaksanakan pelan perumpukan aset untuk mencapai objektif dan mandat dana, termasuk mengawasi pengurus dana luaran ekuiti awam dan pendapatan tetap, serta bekerja rapat dengan pengurus kelas aset, dan juga mengurus pelaburan dana dalam parameter risiko yang ditetapkan.

10 Norhanifah A. Jalil

Ketua Pegawai Sumber Manusia

Mengetuai pembangunan strategi Modal Insan PNB dan memacu pelaksanaan rangka kerja Modal Insan yang bertujuan untuk mengembangkan bakat dan memastikan kecekapan. Memastikan aliran bakat berterusan yang menyokong agenda kepimpinan PNB melalui program biasiswa dan rangka kerja pengurusan bakat. Menerajui inisiatif pembudayaan untuk membangunkan tenaga kerja berprestasi tinggi di PNB.

11 Mohd Azmir Mohd Jani

Ketua Pegawai Risiko

Memimpin pelaksanaan Pengurusan Risiko Perusahaan (ERM) yang teguh di seluruh Kumpulan PNB. Hal ini dilakukan dengan merumuskan selera risiko dan infrastruktur yang koheren bagi menyokong strategi pengurusan risiko, perancangan dan pembangunan sistem pencegahan dan pemulihan daripada potensi ancaman, serta melaporkan isu pengurusan risiko di seluruh Perusahaan bagi menyokong proses membuat keputusan dan pengawasan risiko yang berkesan.

12 Nimmi Kamal

Ketua Pegawai Hal Ehwal Korporat

Menerajui inisiatif komunikasi strategik, pemasaran, kelestarian dan pelaburan sosial Kumpulan PNB, memastikannya sejajar dengan Matlamat dan pelan strategik. Memacu transformasi jenama untuk PNB dan ASNB, menerapkan nilai teras dan membimbing bahagian Hal Ehwal Korporat serta PNB Enterprise ke arah mencapai objektif ESC. Membangun dan melaksanakan strategi untuk meningkatkan keterlihatan jenama dan pemasaran, pelibatan pelanggan, serta memacu pertumbuhan perniagaan melalui komunikasi pemasaran yang berkesan.

Memupuk kolaborasi dalam usaha PNB bergerak ke arah Perusahaan Sifar Bersih (Net Zero Enterprise - NZE). Selain itu, mengawasi the PNB Research Institute dalam menguruskan penyelidikan yang menangani isu sosio-ekonomi utama dan menyokong matlamat strategik PNB, serta menggunakan cerapan daripada data untuk menangani cabaran perniagaan.

13 Hartini Zainal Abidin

Ketua Setiausaha Syarikat & Undang-undang Kumpulan

Menerajui dan menyelia peruntukan fungsi nasihat undang-undang dalam menangani isu perundangan dan risiko unit perniagaan dalam Kumpulan PNB. Juga, mengetuai fungsi kesetiausahaan korporat Kumpulan PNB dalam memberikan sokongan kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya untuk semua urusan tadbir urus dan pentadbiran yang berkaitan dengan Lembaga Pengarah.

14 Noramly Bachok @ Abdul Aziz

Ketua Audit Dalaman Kumpulan

Memimpin fungsi audit dalaman dalam menyediakan jaminan bebas, munasabah dan objektif serta perkhidmatan perundingan dengan menilai kecukupan, kecekapan dan keberkesanan proses tadbir urus, pengurusan risiko, kawalan dalaman dan sistem pengurusan kualiti dalam Kumpulan PNB.


15 Sahlawati Mustafa

Ketua Pematuhan & Integriti Kumpulan

Menerajui Bahagian Pematuhan & Integriti untuk memastikan operasi perniagaan mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan, berdasarkan piawaian etika tertinggi. Hal ini memerlukan perancangan, pembangunan dan pelaksanaan rangka kerja dan strategi pematuhan, integriti dan tadbir urus termasuk, tetapi tidak terhad pada, Program Pematuhan serta Dasar Integriti & Tadbir Urus Kumpulan PNB.

Struktur Organisasi PNB


Setakat 3 Februari 2025



Petunjuk

Bahagian

Pasukan



Pendekatan Kami terhadap Penciptaan Nilai

1

Menilai Konteks Kami

Mentaksir dan Menilai Konteks Operasi Kami

lihat halaman 81-87

Trend global, peristiwa geopolitik (perang perdagangan/sekatan), cabaran sosio-ekonomi, gangguan penawaran dan permintaan yang timbul daripada persekitaran operasi luar (antara lain), serta megatrend yang baru muncul dan yang sedia ada akan mempengaruhi kupayaan kami untuk mencipta nilai, memberi impak kepada prestasi dan kelangsungan perniagaan, pengurusan risiko dan juga strategi kami.

Mengukuhkan Hubungan dengan Pihak Berkepentingan

lihat halaman 65-71

Keperluan pihak berkepentingan sentiasa berkembang. Kami secara berkala berinteraksi dengan pihak berkepentingan utama untuk memahami perspektif mereka dan untuk mewujudkan ketelusan mengenai strategi dan objektif kami. Pada masa yang sama, kami juga menyelaraskan dan mengimbangi jangkaan mereka dengan keutamaan perniagaan kami.

Pihak Berkepentingan

S1 Kakitangan	S7 Pengurus Pelaburan
S2 Pemegang Unit/Pelanggan	S8 Persatuan Industri dan Rakan Setara
S3 Ejen	S9 Badan Bukan Kerajaan (NGO)
S4 Perantara (termasuk Penganalisis)	S10 Syarikat Pelaburan
S5 Pembekal	S11 Komuniti
S6 Kerajaan dan Badan Kawal Selia	S12 Media

Kenal Pasti Risiko dan Peluang

lihat halaman 89-91

Sebagai pengurus dana, keupayaan kami untuk menjana nilai jangka panjang dipengaruhi oleh cara kami menangani risiko dan peluang sedia ada serta yang bakal dihadapi. Kami sentiasa memantau semua risiko dan mengurangkannya melalui pengurusan risiko yang berkesan (rujuk halaman 89-91), yang kami manfaatkan untuk menambah baik operasi kami.

Risiko Utama

MR Risiko Pasaran	CR Risiko Kredit
LR Risiko Kecairan	TR Risiko Teknologi
IR Risiko Penumpuan Pelaburan	

2

Mengenal Pasti dan Memberi Keutamaan Terhadap Perkara-Perkara Matan

Mengenal Pasti, Memberi Keutamaan dan Mengintegrasikan Perkara-perkara Matan

lihat halaman 72-80

Perkara-perkara Matan adalah perkara yang berpotensi untuk memberi kesan kepada penciptaan nilai dan pencapaian strategi kami dalam tempoh jangka pendek, sederhana, atau panjang. Ia merujuk kepada perkara-perkara yang mempengaruhi strategi kami untuk menguruskan risiko dan memaksimumkan peluang yang sedia ada. Kami menjalankan penilaian kematangan bagi menentukan perkara-perkara yang penting kepada pihak berkepentingan kami.

Perkara-Perkara Matan

- M1** Prestasi Ekonomi
- M2** Privasi dan Keselamatan Data
- M3** Tadbir Urus dan Etika
- M4** Pengalaman dan Kepuasan Pelanggan
- M5** Perubahan Iklim
- M6** Impak Sosial
- M7** Maklumat Telus dan Amalan Adil
- M8** Teknologi dan Inovasi
- M9** Hak Kakitangan
- M10** Alam Semula Jadi dan Kepelbagaian Biologi
- M11** Pengurusan Bakat
- M12** Melabur Secara Mampan dan Bertanggungjawab
- M13** Diversiti, Ekuiti dan Keterangkuman
- M14** Rantaian Bekalan
- M15** Impak Alam Sekitar

Lihat perbincangan lanjut kami mengenai Perkara-perkara Matan di halaman 72-80

3 Merumuskan Strategi Kami, Mengagihkan Sumber Kami dan Mengintegrasikannya ke dalam Model Perniagaan Kami

Merumuskan Strategi Perniagaan

lihat halaman 92-95

STRATEGI

Pelan Strategik LEAP 6 (2025 – 2027)

- Jualan dan Pengedaran
 - Berhubung Secara Emosi, Memberi Perkhidmatan Sempurna
- Pelaburan
 - Menjana Pulangan
- Transformasi PNB Co
 - Memperkukuh dan Mengimbang Semula
- Pengetahuan
 - Belajar dan Membangun Inovasi
 - Gagal dengan Cepat, Belajar dengan Lebih Cepat
- Kelestarian
 - Melaksanakan 10 Komitmen Kami

Penyokong Utama

- Bakat dan budaya
- Teknologi
- NILAI B.R.A.V.E.
- Peruntukan modal dan pengurusan portfolio
- Tadbir urus dan rangka kerja yang kukuh

Perumpukan Sumber Utama Kami

lihat halaman 62

Prestasi dan pertumbuhan kami bergantung pada perumpukan yang telah ditetapkan bagi modal berikut:

Enam Modal

- FC** Modal Kewangan
- HC** Modal Insan
- IC** Modal Intelektual
- MC** Modal Buatan
- SC** Modal Sosial dan Hubungan
- NC** Modal Semula Jadi

Mengintegrasikan ke dalam Model Perniagaan Kami

lihat halaman 62-63

Kami berusaha untuk mengurus secara aktif semua aktiviti kami dan impaknya bagi memastikan hasil model perniagaan kami dapat dipertingkatkan, sekali gus menjana dan memampkan nilai untuk semua pihak berkepentingan kami.



4 Mencipta Nilai Jangka Panjang

Matlamat utama perniagaan kami adalah untuk mencipta nilai jangka panjang bagi semua pihak berkepentingan kami. Kami secara berterusan menjejaki hasil serta pencapaian melalui pelaksanaan strategi yang jelas strategik.

Majikan Pilihan untuk Kakitangan

Penyedia yang dipercayai untuk pulangan mampan bagi pemegang unit

Rakan kongsi yang komited dalam meningkatkan komuniti

Pemangkin kepada pembinaan negara yang terangkum dan bertanggungjawab

Nilai bagi kami bermaksud mencapai matlamat pihak berkepentingan kami.

Model Perniagaan Penciptaan Nilai Kami

Matlamat Kami

Mengukuhkan kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi

Mandat Kami

Untuk meningkatkan kekayaan ekonomi masyarakat Bumiputera dan seluruh rakyat Malaysia, demi kemakmuran negara.

Modal Kami... ..Memungkinkan Aktiviti Penambahan Nilai yang Mencipta

Input

FC Modal Kewangan

Modal Kewangan merujuk kepada kumpulan dana yang tersedia bagi membolehkan kami melaksanakan aktiviti perniagaan. Modal ini boleh diperolehi melalui pelbagai cara, termasuk pembiayaan (seperti hutang), ekuiti, atau dijana melalui operasi atau pelaburan. Kami berusaha untuk menggunakan stok kewangan kami yang bernilai untuk meningkatkan hasil daripada semua modal kami bagi menyokong keupayaan kami untuk mencipta nilai dalam jangka pendek, sederhana, dan panjang.

- Jumlah AUM: **RM348.3 bilion**

MC Modal Buatan

Struktur perniagaan dan proses operasi kami, termasuk aset tetap seperti hartanah dan peralatan, aset digital, termasuk produk digital dan sistem teknologi maklumat (IT) yang menyediakan rangka kerja dan mekanisme yang membolehkan kami menjalankan perniagaan dan mencipta nilai.

- Cawangan ASNB: **32** Rangkaian Ejen: **2,600**

IC Modal Intelektual

Aset tidak ketara kami, termasuk jenama, reputasi, dan nilai francais, keupayaan penyelidikan dan pembangunan, kapasiti inovasi, pengetahuan dan kepakaran, serta perkongsian strategik.

- Platform Digital: Aplikasi myASNB
- PNB x GOV; Program Celik MADANI
- Pelancaran ASNB Ria
- Pelan Strategik – LEAP 6
- Pelancaran Jenama PNB dan ASNB yang Diperbaharui & Nilai B.R.A.V.E
- Pelancaran Menara Merdeka 118 dan Masjid Al-Sultan Abdullah

HC Modal Insan

Budaya kami, mereka yang bersama-sama kami, pengetahuan kolektif, pengalaman dan kecekapan serta keupayaan kakitangan kami, ditambah pula dengan motivasi mereka untuk berinovasi, untuk mencapai Matlamat kami, sejajar dengan hala tuju strategik kami.

Cita-cita kami adalah untuk mewujudkan sebuah organisasi yang berkembang dan sesuai untuk masa hadapan, yang dapat menarik, membangunkan, dan mengekalkan pekerja terbaik melalui pengalaman kakitangan yang berbeza, yang dapat meningkatkan potensi mereka.

- Jumlah Kakitangan: **2,117** (setakat 31 Disember 2024)

SC Modal Sosial dan Hubungan

Pihak berkepentingan kami adalah penting untuk penciptaan dan pemuliharaan nilai. Kami menghargai hubungan kami dengan pihak berkepentingan, termasuk komuniti di tempat kami beroperasi, kerana kami amat menyedari peranan yang kami mainkan dalam membina negara yang kukuh dan berkembang maju.

- Program Biasiswa: **RM41.4 juta**
- Program Peralatan dan Infrastruktur Hospital: **RM3.5 juta**
- Pembangunan Komuniti: **RM5.8 juta**
- Alam Sekitar: **RM0.1 juta**

NC Modal Alam Sekitar

PNB memberi impak langsung terhadap alam sekitar melalui operasi kami dan secara tidak langsung melalui pelaburan.

Strategi Penyahkarbon(R₂O) Kurang, Ganti, Ofset

- Pemasangan sistem cekap tenaga (naik taraf HVAC, pencahayaan LED)
- Pemasangan 59 pengecap kenderaan elektrik (EV)
- Pembelian Sijil Tenaga Boleh Diperbaharui (REC)
- Kempen pengurusan sisa
- Garis panduan yang menetapkan keperluan berkaitan alam sekitar dalam Panduan Pengundian
- Polisi Alam Sekitar dan Biodiversiti PNB yang baru diterbitkan
- Komitmen terhadap NDPE (Tidak Memusnahkan Hutan, Tidak Menggunakan Buruh Paksa dan Kanak-kanak) sejak 2022
- Penilaian aset yang terdedah kepada Kawasan Biodiversiti Utama
- Kerjasama dengan pihak luar dalam program-program alam sekitar

Strategi

LEAP 6: Pelan Strategik 3 Tahun

- Jualan and Penedgaran
- Pelaburan
- Transformasi PNB Co
- Pengetahuan
- Inovasi
- Kelestarian

Produk dan Perkhidmatan Kami

Dana FP



ASB
ASB 2
ASB 3 Didik



ASM
ASM 2 Wawasan
ASM 3

Dana VP



ASN
ASN Equity 2
ASN Equity 3
ASN Equity 5
ASN Equity Global
ASN Equity Malaysia*
ASN Imbang 1
ASN Imbang 2
ASN Imbang 3 Global
ASN Sara 1
ASN Sara 2
ASN Sukuk

* Pelancaran kepada orang awam pada 11 Mac 2024 dan hanya boleh diakses melalui tawaran Ria dalam aplikasi myASNB.

Perkara Mampam

- M1 Prestasi Ekonomi
- M2 Privasi dan Keselamatan Data
- M3 Tadbir Urus dan Etika
- M4 Pengalaman dan Kepuasan Pelanggan
- M5 Perubahan Iklim
- M6 Impak Sosial
- M7 Maklumat Telus dan Amalan Adil
- M8 Teknologi dan Inovasi
- M9 Hak Kakitangan
- M10 Alam Semula Jadi dan Biodiversiti
- MT1 Pengurusan Bakat
- M12 Pelaburan yang Mampam dan Bertanggungjawab
- MT3 Diversiti, Keadilan dan Keterangkuman
- M14 Rantaian Bekalan
- M15 Impak Alam Sekitar

Manifesto Kami

Di PNB, kami wujud untuk mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami menghubungkan harapan mereka pada hari ini, demi merealisasikan impian mereka untuk hari esok.

Kamilah yang menyatukan setiap rakyat Malaysia, membimbing dalam perjalanan kita bersama menuju masa depan kewangan, kekayaan dan kebijaksanaan yang lebih sejahtera.



- B** Berani
- R** Bertanggungjawab
- A** Tangkas
- V** Berwawasan
- E** Memperkasa

Nilai Untuk Pihak Berkepentingan Kami

Output	Hasil	Pihak Berkepentingan
<p>Jumlah AUM 348.3 bilion</p> <hr/> <p>Jumlah AUM daripada Ria: 55 juta <small>(setakat 31 Disember 2024)</small></p> <hr/> <p>AUM RM400 bilion menjelang tahun 2027</p> <hr/> <p>Unit Dalam Edaran RM281.7 bilion</p> <hr/> <p>Pengurangan 39%* penggunaan elektrik di Menara PNB berbanding Tahun Kewangan 2023 melalui peningkatan kecekapan di M118 <small>*Berdasarkan penggunaan tenaga PNB antara Menara PNB dan M118</small></p> <hr/> <p>100% penggunaan tenaga boleh diperbaharui</p> <hr/> <p>41 program Pelaburan Sosial telah dilaksanakan</p> <hr/> <p>Lebih daripada 500 pokok hutan spesies nadir telah ditanam</p>	<p>FC Modal Kewangan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengagihan Pendapatan Tahunan bagi Tahun Kewangan Berakhir 2024: RM14.5 bilion • Hasil Disatukan bagi Tahun Kewangan Berakhir 2024: RM21.4 bilion • Pendapatan Bersih Disatukan bagi Tahun Kewangan Berakhir 2024: RM16.9 bilion 	<p>S2 S10</p>
	<p>MC Modal Pembuatan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bilangan akaun: (2023: 15.7 juta vs 2024: 16.2 juta) • Bilangan pengguna berdaftar myASNB: 3.7 juta 	<p>S3 S4 S5</p>
	<p>IC Modal Intelektual</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelancaran ASNB Ria – Perkhidmatan robo-penasihat pertama PNB • Anugerah <i>Premium Employer Partner 2024</i> dari CFA Society Malaysia kepada PNB • 276 kakitangan memperoleh pelbagai pensijilan profesional • 127 kakitangan berjaya memperoleh Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSRL) • 836 kakitangan memperoleh lesen Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM) • Bilangan pengguna yang didaftarkan: 221,846 	<p>S1 S4</p>
	<p>HC Modal Sumber Manusia</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mencapai 38% wanita dalam kepimpinan kanan • Menerima 13 anugerah daripada beberapa organisasi terkemuka Untuk senarai anugerah, sila rujuk halaman 28-29. 	<p>S1</p>
	<p>SC Modal Sosial dan Perhubungan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bilangan penerima manfaat – 8,859 penerima manfaat • Bilangan sukarelawan /jam sukarelawan: 370 staf / 2,000 jam • Bilangan pelajar dan IPTA yang terlibat: 20 universiti awam dan 4 IPTS terpilih di bawah Universiti Berkaitan Kerajaan – 200,000 pelajar setiap tahun selama 5 tahun 	<p>S2 S6 S8 S9 S12</p>
	<p>NC MODAL ALAM SEKITAR</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengurangan 98% dalam pelepasan Skop 1 & 2 berbanding garis dasar 2022, hampir mencapai NZE menjelang 2025 • 131 kg sisa dialihkan dari tapak pelupusan sampah • Mengadakan sesi perbincangan yang memfokuskan kepada alam sekitar dengan syarikat-syarikat pelaburan • Menapis pelaburan untuk isu penebangan hutan dan pendedahan kepada tanah gambut 	<p>S10</p>

Disokong oleh

Keseluruhan Tadbir Urus Kami

Bagaimana Kami Mengagihkan Nilai yang Dicipta

Bagi memenuhi janji kami kepada pihak berkepentingan, PNB mengagihkan nilai yang dicipta dengan cara yang relevan dan bermakna – dan bagi beberapa kumpulan pihak berkepentingan, di luar jangkauan kewangan. Pihak berkepentingan menerima manfaat yang tidak ketara yang merangkumi program peningkatan kemahiran kakitangan, termasuk pelbagai program pembangunan komuniti, dalam usaha kami untuk memastikan masa depan yang lebih lestari. Nilai yang dicipta pada tahun 2024 telah diagihkan seperti berikut:

**RM10.1
bilion**

dalam Dividen ASB yang memberi manfaat kepada 11.1 juta pemegang unit

**RM77.0
juta**

untuk pelbagai inisiatif yang mendasari tanggungjawab Pelaburan Sosial kami, termasuk RM64 juta yang disalurkan untuk zakat.

**RM3.4
juta**

Dana Zakat PNB untuk Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang memberi manfaat kepada 5,536 penerima untuk komuniti, pendidikan, dan penjagaan kesihatan.

**RM462
juta**

dalam Program Biasiswa PNB, yang memberi manfaat kepada 5,230 pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi, termasuk 538 pelajar yang ditaja untuk belajar di luar negara termasuk di Amerika Syarikat, United Kingdom, dan Australia.

Penglibatan Pihak Berkepentingan

Pihak berkepentingan kami boleh dikenali berdasarkan peranan masing-masing, tahap penglibatan dan sumbangan mereka dalam rantaian nilai kami, serta keupayaan mereka untuk mempengaruhi dan memberi impak kepada perniagaan kami. Setiap pihak berkepentingan memainkan peranan yang penting dan tersendiri dalam usaha kami untuk mencipta nilai. Hubungan ini amat bernilai bagi kami, dan kami berusaha untuk mengukuhkannya dengan cara kerap berhubung dengan mereka. Kami mencipta nilai melalui cara yang berbeza untuk pelbagai pihak berkepentingan kami yang berbeza. Kami juga menilai risiko dan peluang yang dikaitkan dengan setiap kumpulan pihak berkepentingan untuk memahami semua dimensi nilai bagi mereka. Risiko dan peluang ini kemudiannya diambil kira apabila kami mempertimbangkan risiko Kumpulan yang lebih besar dalam Dasar dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko seperti diterangkan di bawah.



Penglibatan Pihak Berkepentingan

Sebab Penglibatan Kami	Kekerapan Penglibatan	Isu Utama yang Dibangkitkan	Risiko
<p>S1 Kakitangan</p> <p>Untuk membina tenaga kerja yang mahir dan bersedia untuk masa depan yang menyokong keutamaan strategik PNB dan pertumbuhan lestari</p>		<ul style="list-style-type: none"> • Peluang pembangunan kerjaya dan peningkatan kemahiran • Keseimbangan antara kerja dengan kehidupan dan kesejahteraan pekerja • Pelaksanaan pampasan yang adil dan gaji kehidupan wajar • Kepelbagaian dan keterangkuman dalam peranan kepimpinan 	<ul style="list-style-type: none"> • Kesukaran untuk menarik minat dan mengekalkan bakat terbaik • Kemahiran yang tidak selari dengan permintaan digital, mengehendkan keupayaan menyesuaikan diri dan daya saing • Penglibatan pekerja yang rendah memberi impak kepada pengkalan bakat, kecekapan, dan inovasi • Kadar keluar masuk pekerja yang tinggi meningkatkan kos pengambilan dan mengurangkan kestabilan tenaga kerja
<p>S2 Pemegang Unit/Pelanggan</p> <p>Untuk melindungi nilai pemegang unit jangka panjang dan memastikan kepercayaan dalam strategi pelaburan yang bertanggungjawab</p> <p>Untuk menyokong komuniti yang inklusif dan berdaya tahan sejajar dengan matlamat sosio-ekonomi negara</p>		<ul style="list-style-type: none"> • Maklumat tentang produk dan perkhidmatan kami • Kebolehcapaian kepada produk dan perkhidmatan kami 	<ul style="list-style-type: none"> • Kurangnya pemahaman tentang risiko pelaburan • Kesedaran yang terhad tentang ciri-ciri dan had dana • Peningkatan risiko operasi dan transaksi
<p>S3 Ejen</p> <p>Untuk menyediakan akses yang meluas kepada dana unit amanah PNB dan perkhidmatan pengurusan pelaburan</p>		<ul style="list-style-type: none"> • Kebolehcapaian dan ketersediaan perkhidmatan untuk pelanggan, terutamanya di kawasan terpencil • Permintaan yang berterusan untuk peningkatan kemahiran bagi memastikan ejen sentiasa maklum tentang trend pasaran dan tawaran yang ada 	<ul style="list-style-type: none"> • Pergantungan kepada ejen untuk melaksanakan perkhidmatan boleh mengakibatkan pengalaman pelanggan yang tidak konsisten • Keupayaan ejen yang terhad atau kurangnya latihan mungkin mengakibatkan sokongan yang tidak mencukupi terhadap pelanggan
<p>S4 Perantara (termasuk Penganalisis)</p> <p>Untuk meningkatkan strategi ESG, menambah baik pemahaman tentang pasaran modal, dan mengukuhkan kredibiliti dalam kalangan penganalisis</p>		<ul style="list-style-type: none"> • Akses kepada data dan maklumat yang kukuh dan telus untuk pelaburan • Pandangan mengenai trend pasaran global dan peluang 	<ul style="list-style-type: none"> • Data dan tawaran perkhidmatan tidak sejajar dengan matlamat pelaburan PNB serta piawaian dan peraturan yang berkembang

Kekerapan Penglibatan:

- D Harian
 W Mingguan
 M Bulanan
 Q Suku Tahunan
 A Tahunan
 P Berkala

Peluang	Tindakan/Inisiatif Kami	Perkara-perkara Matan
<p>Penciptaan Nilai untuk Pihak Berkepentingan</p> <ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan tempat kerja yang menyokong, memacu kreativiti, kepelbagaian, kesejahteraan, dan keseimbangan antara kerja dengan kehidupan melalui susunan kerja yang fleksibel Memperkuh budaya pembelajaran dengan program pembangunan terkemuka untuk perkembangan kerjaya dan kekal relevan <p>Penciptaan Nilai untuk PNB</p> <ul style="list-style-type: none"> Melabur dalam pembangunan pekerja dan melaksanakan DEI untuk meningkatkan produktiviti dan mendorong inovasi Mengekalkan bakat terbaik untuk menyokong matlamat strategik jangka panjang PNB dan meningkatkan daya saing 	<ul style="list-style-type: none"> Melancarkan Program Kepimpinan Wanita Berdaya Maju dan Sijil Latihan Dalaman untuk menyokong pertumbuhan kerjaya Mencapai 38% wanita dalam kepimpinan kanan (sasaran: 40% menjelang 2025) Diiiktiraf sebagai Majikan Terbaik oleh gradmalaysia (Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan) dalam Anugerah 100 Majikan Graduan Terbaik Malaysia 2024 Melaksanakan Rangka Kerja Gaji Kehidupan Wajar untuk kakitangan PNB pada tahun 2023 Memberikan purata 119 jam latihan kepada setiap pekerja dan memperluas pembelajaran digital melalui Akademi Digital PNB 	<p>M9 M11 M13</p>
<p>Penciptaan Nilai untuk Pihak Berkepentingan</p> <ul style="list-style-type: none"> Menyediakan saluran untuk literasi kewangan melalui pelbagai inisiatif, program, dan portal dalam talian yang disediakan oleh Akademi ASNB Sokongan khidmat pelanggan untuk meningkatkan kepuasan pelanggan Menggunakan teknologi dan inovasi untuk menawarkan penyelesaian pelaburan yang diperibadikan <p>Penciptaan Nilai untuk PNB</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengembangkan platform digital dapat meningkatkan penglibatan pelanggan dan meluaskan pasaran Pulangan yang lebih kukuh melalui pelaburan yang mampan dan sejajar dengan sifar bersih 	<ul style="list-style-type: none"> Memberikan pengagihan pendapatan dan pulangan yang mampan Penglibatan pelanggan dan pendidikan Membangunkan pelaburan inovatif, seperti Ria 	<p>M4 M8</p>
<p>Penciptaan Nilai untuk Pihak Berkepentingan</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengembangan saluran digital membuka peluang untuk mencapai lebih ramai pelanggan dan meningkatkan kecekapan perkhidmatan <p>Penciptaan Nilai untuk PNB</p> <ul style="list-style-type: none"> Berpotensi untuk meningkatkan peluang penjualan silang dan mempromosikan keseluruhan rangkaian produk pelaburan PNB 	<ul style="list-style-type: none"> Memperluaskan rangkaian ejen dan saluran digital untuk meningkatkan akses pelanggan di seluruh negara Latihan berterusan bagi memastikan ejen sentiasa mengikuti perkembangan terkini mengenai trend industri dan produk 	<p>M4 M8</p>
<p>Penciptaan Nilai untuk Pihak Berkepentingan</p> <ul style="list-style-type: none"> Pembezaan yang lebih ketara dalam industri yang kompetitif Penambahbaikan berterusan dalam tawaran perkhidmatan data yang membawa kepada produk yang boleh ditingkatkan Kecekapan operasi yang lebih tinggi dan inovasi <p>Penciptaan Nilai untuk PNB</p> <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan keyakinan pasaran yang dalam membuat keputusan pelaburan Sejajar dengan amalan pelaburan bertanggungjawab yang setanding dengan piawaian tertinggi industri Rangka kerja penilaian terkini yang menggunakan data kukuh dan maklumat pasaran 	<ul style="list-style-type: none"> Dialog Pelaburan Berkala untuk berkongsi prestasi, prospek dan matlamat PNB dengan pihak perantara Penglibatan berterusan dengan pihak perantara mengenai jangkaan PNB terhadap strategi pelaksanaan untuk pelaburan 	<p>M1 M2 M8 M12 M14</p>

Penglibatan Pihak Berkepentingan

Sebab Penglibatan Kami	Kekerapan Penglibatan	Isu Utama yang Dibangkitkan	Risiko
<p>S5 Pembekal</p> <p>Untuk memastikan penyumberan yang bertanggungjawab dan berkualiti tinggi, menggalakkan inovasi, dan meningkatkan amalan perolehan yang mampan</p>	P	<ul style="list-style-type: none"> Mematuhi piawaian buruh dan alam sekitar Melaksanakan amalan perolehan yang adil 	<ul style="list-style-type: none"> Gangguan rantaian bekalan seperti tidak mematuhi piawaian atau isu kualiti boleh menjejaskan operasi PNB dan menjejaskan reputasinya
<p>S6 Kerajaan dan Badan Kawal Selia</p> <p>Untuk menggalakkan dan mempengaruhi pembangunan dasar ESG negara dan rangka kerja ekonomi</p>	M	<ul style="list-style-type: none"> Pematuhan peraturan Sejajar dengan keutamaan ESG dan kelestarian negara (contohnya GEAR uP, NSRF, meningkatkan literasi kewangan) 	<ul style="list-style-type: none"> Terlepasnya peluang untuk mempengaruhi dasar dan mendorong kerjasama ke arah manfaat bersama
<p>S7 Pengurus Pelaburan</p> <p>Untuk melengkapkan pengurus dengan alat dan wawasan untuk membuat keputusan pelaburan yang bertanggungjawab dan berprestasi tinggi</p>	M	<ul style="list-style-type: none"> Akauntabiliti prestasi Rangka kerja pengurusan risiko Integrasi ESG 	<ul style="list-style-type: none"> Sumber pengurus yang tidak berkesan Tidak selari dengan mandat dan perjanjian PNB
<p>S8 Persatuan dan Rakan Setara</p> <p>Untuk bekerjasama dalam meningkatkan piawaian industri dan membentuk tindakan ESG secara kolektif</p>	M	<ul style="list-style-type: none"> Sokongan kolektif dan pengaruh industri Perkongsian pengetahuan dan amalan terbaik 	<ul style="list-style-type: none"> Sokongan industri yang lemah boleh menyebabkan dasar dan tindakan pelabur yang tidak berpecah-belah

Kekerapan Penglibatan:

D Harian
 W Mingguan
 M Bulanan
 Q Suku Tahunan
 A Tahunan
 P Berkala

Peluang	Tindakan/Inisiatif Kami	Perkara-perkara Matan
<p>Penciptaan Nilai untuk Pihak Berkepentingan</p> <ul style="list-style-type: none"> Hubungan yang lebih kukuh dengan pembekal boleh membawa kepada harga yang lebih baik, kualiti yang lebih tinggi, dan berinovasi <p>Penciptaan Nilai untuk PNB</p> <ul style="list-style-type: none"> Menyepadukan kemampuan dalam proses perolehan membuka peluang untuk meningkatkan prestasi ESG 	<ul style="list-style-type: none"> Amalan rantaian bekalan yang dipertingkatkan dalam aspek kemampuan, tadbir urus, dan kecemerlangan perolehan 	
<p>Penciptaan Nilai untuk Pihak Berkepentingan</p> <ul style="list-style-type: none"> Pemahaman yang lebih baik terhadap pemain pasaran modal dan cabaran pelaksanaan Meningkatkan ketelusan pasaran dan keyakinan pelabur <p>Penciptaan Nilai untuk PNB</p> <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan keberkesanan dasar dan peraturan yang lebih baik dalam membentuk pasaran modal Keselarasan yang lebih kukuh dengan keperluan pengawalseliaan dan agenda nasional 	<ul style="list-style-type: none"> Penglibatan proaktif dalam pembangunan dasar Penyertaan aktif dalam perbincangan meja bulat dan inisiatif kolaboratif Penyepaduan keutamaan nasional dengan strategi pelaburan 	
<p>Penciptaan Nilai untuk Pihak Berkepentingan</p> <ul style="list-style-type: none"> Akses yang lebih luas kepada modal dan pengekalan mandat Akses kepada pasaran dan aset serantau yang berkembang <p>Penciptaan Nilai untuk PNB</p> <ul style="list-style-type: none"> Keselarasan yang lebih baik dengan mandat dan matlamat Pelaburan PNB Pengawasan dan akauntabiliti yang dipertingkat Prestasi portfolio jangka panjang yang lebih kukuh disokong oleh strategi pelaburan yang pelbagai dan kepakaran khusus 	<ul style="list-style-type: none"> Pemantauan dan penglibatan secara berkala Menyepadukan keperluan PNB ke dalam perjanjian pelaburan 	
<p>Penciptaan Nilai untuk Pihak Berkepentingan</p> <ul style="list-style-type: none"> Peluang untuk mengetengahkan kepimpinan industri dan inovasi dalam bidang yang baru seperti pelaburan yang bertanggungjawab Pemeriksaan rangka kerja dan garis panduan inovatif untuk pelabur <p>Penciptaan Nilai untuk PNB</p> <ul style="list-style-type: none"> Akses kepada rangkaian kepakar dan sumber yang dikongsi Pembentukan bersama strategi merentasi industri dan amalan terbaik 	<ul style="list-style-type: none"> Penyertaan aktif dalam platform seperti PRI, UNCC, IICM Penglibatan dalam sesi libat urus secara kolaboratif Menyertai program latihan yang diketuai oleh industri 	

Penglibatan Pihak Berkepentingan

Sebab Penglibatan Kami	Kekerapan Penglibatan	Isu Utama yang Dibangkitkan	Risiko
<p>S9 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)</p> <p>Untuk memastikan kerjasama yang berkesan bagi impak komuniti yang positif selaras dengan Rangka Kerja Pelaburan Sosial PNB dan pelaksanaan projek</p>	P	<ul style="list-style-type: none"> Peranan PNB untuk membantu golongan yang memerlukan melalui inisiatif yang disasarkan. Inisiatif impak sosial ini penting untuk menyumbang kepada kehidupan dan komuniti di seluruh Malaysia, khususnya yang terkesan oleh PNB dan operasi yang dijalankan Menjalani pelbagai program santun masyarakat untuk mengenal pasti pihak yang memerlukan bantuan dengan cara yang lebih pelbagai untuk meningkatkan komuniti terpinggir dalam sistem kewangan. 	<ul style="list-style-type: none"> Objektif yang tidak selari, tadbir urus yang lemah, atau kurangnya ketelusan dalam kalangan rakan NGO boleh menyebabkan pelaksanaan program yang tidak berkesan, risiko reputasi, dan pengurangan impak daripada pelaburan sosial PNB.
<p>S10 Syarikat Pelaburan</p> <p>Untuk mempengaruhi amalan perniagaan mampan dan menyelaraskan strategi korporat dengan matlamat pengawasan PNB</p>	D W M Q A P	<ul style="list-style-type: none"> Prestasi kewangan Tadbir urus korporat Strategi Sifar Bersih Hak pekerja Impak terhadap Alam Semula Jadi dan Biodiversiti 	<ul style="list-style-type: none"> Tidak selari dengan jangkaan pemegang saham mengenai penciptaan nilai Amalan ESG yang lemah boleh mengakibatkan kerosakan reputasi dan menjejaskan pulangan pelaburan
<p>S11 Komuniti</p> <p>Untuk memahami punca asas, cabaran khusus komuniti dan pengajaran daripada pengalaman lalu untuk menyediakan pendekatan yang disasarkan dan mengenal pasti langkah penyelesaian yang berkesan, yang akhirnya dapat menyokong pembangunan negara yang mampan melalui inisiatif sosial yang berkesan</p>	P	<ul style="list-style-type: none"> Akses kepada pendidikan dan penjagaan kesihatan Pemeriksaan ekonomi (contohnya kumpulan B40) 	<ul style="list-style-type: none"> Inisiatif komuniti yang tidak disasarkan dengan baik boleh memberikan impak yang terhad Jangkaan yang tidak dipenuhi dalam kalangan penerima manfaat atau risiko reputasi Boleh menjejaskan keberkesanan PNB dalam usaha pembinaan negara
<p>S12 Media</p> <p>Untuk berkongsi kemajuan PNB dan mengukuhkan persepsi awam serta kebertanggungjawaban</p>	A P	<ul style="list-style-type: none"> Ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam menguruskan dana awam dan pematuhan kepada Mandat PNB Mengekalkan kepercayaan awam Pendedahan maklumat yang relevan dalam menguruskan isu dan reputasi 	<ul style="list-style-type: none"> Risiko terhadap reputasi akibat kekurangan maklumat

Kekerapan Penglibatan:

- D Harian
- W Mingguan
- M Bulanan
- Q Suku Tahunan
- A Tahunan
- P Berkala

Peluang	Tindakan/Inisiatif Kami	Perkara-perkara Matan
<p style="background-color: #00a0e3; color: white; padding: 2px;">Penciptaan Nilai untuk Pihak Berkepentingan</p> <ul style="list-style-type: none"> Menyediakan akses kepada pembiayaan dan sukarelawan untuk pelaksanaan program <p style="background-color: #002060; color: white; padding: 2px;">Penciptaan Nilai untuk PNB</p> <ul style="list-style-type: none"> Perkongsi strategik memberikan pandangan yang mendalam mengenai komuniti dan alam sekitar, dan membolehkan PNB menyelaraskan strategi Pelaburan Sosialnya, mencapai objektif Rangka Kerja Pelaburan Sosial (SIF) dan program impak sosial tahunan 	<ul style="list-style-type: none"> Menjalinkan hubungan erat dengan rakan pelaksana untuk memastikan kejelasan tentang impak yang dimaksudkan dan mengenal pasti isu Menggunakan pandangan komuniti rakan kongsi untuk menyelaraskan program dengan keperluan sebenar Menjalinkan kerjasama strategik dengan NGO yang boleh dipercayai dan pemain industri utama bagi pelaksanaan program yang berkesan di bawah SIF PNB 	<div style="border: 1px solid #002060; border-radius: 50%; width: 30px; height: 30px; margin: 0 auto; display: flex; align-items: center; justify-content: center;"> M6 </div>
<p style="background-color: #00a0e3; color: white; padding: 2px;">Penciptaan Nilai untuk Pihak Berkepentingan</p> <ul style="list-style-type: none"> Prestasi kewangan yang lebih baik Jangkaan lebih jelas tentang prestasi dan pelaporan ESG Penglibatan bermakna dengan pelabur <p style="background-color: #002060; color: white; padding: 2px;">Penciptaan Nilai untuk PNB</p> <ul style="list-style-type: none"> Ketahanan portfolio yang diperkukuh melalui tadbir urus yang bertanggungjawab Pengaktifan pemantauan aktif untuk mengurus risiko dan membuka potensi pertumbuhan 	<ul style="list-style-type: none"> Analisis dan pemantauan pelaburan yang berterusan Penglibatan bertema yang berkala dan penilaian ESG Jangkaan pemegang saham dalam garis panduan pengundian proksi Surat kepada pemegang saham 	<div style="display: flex; flex-wrap: wrap; justify-content: center; gap: 5px;"> <div style="border: 1px solid #002060; border-radius: 50%; width: 20px; height: 20px; display: flex; align-items: center; justify-content: center; margin: 2px;">M1</div> <div style="border: 1px solid #002060; border-radius: 50%; width: 20px; height: 20px; display: flex; align-items: center; justify-content: center; margin: 2px;">M3</div> <div style="border: 1px solid #002060; border-radius: 50%; width: 20px; height: 20px; display: flex; align-items: center; justify-content: center; margin: 2px;">M5</div> <div style="border: 1px solid #002060; border-radius: 50%; width: 20px; height: 20px; display: flex; align-items: center; justify-content: center; margin: 2px;">M9</div> <div style="border: 1px solid #002060; border-radius: 50%; width: 20px; height: 20px; display: flex; align-items: center; justify-content: center; margin: 2px;">M10</div> <div style="border: 1px solid #002060; border-radius: 50%; width: 20px; height: 20px; display: flex; align-items: center; justify-content: center; margin: 2px;">M12</div> </div>
<p style="background-color: #00a0e3; color: white; padding: 2px;">Penciptaan Nilai untuk Pihak Berkepentingan</p> <ul style="list-style-type: none"> Akses yang lebih baik kepada pendidikan, penjagaan kesihatan dan pemerikasaan ekonomi bagi komuniti yang memerlukan Sokongan kepada kumpulan rentan melalui inisiatif bantuan bersasar Memenuhi jangkaan pihak berkepentingan dengan memastikan tanggungjawab sosial yang sejajar dengan mandat kebajikan Mengukuhkan peranan PNB dalam usaha kerajaan untuk memperkasa rakyat, terutamanya dalam pendidikan dan kesejahteraan sosial <p style="background-color: #002060; color: white; padding: 2px;">Penciptaan Nilai untuk PNB</p> <ul style="list-style-type: none"> Memperkukuh lesen sosial dan impak nasional 	<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan 41 program pelaburan sosial, menyumbang RM55.59 juta dan memperkasa 8,859 penerima manfaat, termasuk 1,710 pelajar dan 5,536 orang Asnaf di bawah Rangka Kerja SIF PNB 	<div style="border: 1px solid #002060; border-radius: 50%; width: 30px; height: 30px; margin: 0 auto; display: flex; align-items: center; justify-content: center;"> M6 </div>
<p style="background-color: #00a0e3; color: white; padding: 2px;">Penciptaan Nilai untuk Pihak Berkepentingan</p> <ul style="list-style-type: none"> Perkongsi maklumat yang tepat dalam jangka masa yang ditetapkan Perlindungan daripada kesilapan maklumat Menggalakkan dialog dan membina hubungan <p style="background-color: #002060; color: white; padding: 2px;">Penciptaan Nilai untuk PNB</p> <ul style="list-style-type: none"> Menjadikan PNB sebagai peneraju utama dalam kelestarian 	<ul style="list-style-type: none"> Menerbitkan Laporan Bersepadu dengan data pihak ketiga yang disahkan Menganjurkan sesi taklimat media yang bersasar untuk berkongsi pandangan berharga tentang isu semasa 	<div style="border: 1px solid #002060; border-radius: 50%; width: 30px; height: 30px; margin: 0 auto; display: flex; align-items: center; justify-content: center;"> M7 </div>


Perkara Matan

Pemahaman yang kukuh tentang arah aliran industri, cabaran operasi dan harapan pihak berkepentingan adalah penting untuk mencapai nilai jangka panjang. Berdasarkan pemahaman itu, kami merangka strategi berdasarkan aspek penting pertumbuhan perniagaan dan keperluan pihak berkepentingan. Perkara-perkara yang matan ini memandu Lembaga Pengarah dan Pasukan Kepimpinan kami dalam menggerakkan syarikat ke arah pertumbuhan mampan.

Metodologi Kematanan

Pada 2024, PNB menjalankan penilaian kematanan berganda berpandukan Piawaian GRI. Kami menggunakan penilaian impak kematanan kami yang sedia ada yang telah dibangunkan dengan merujuk pada Piawaian GRI, Bursa Malaysia Common Kelestarian Matters, Piawaian SASB dan UNSDG. Kematanan berganda mengambil kira kedua-dua kematanan impak dan kematanan kewangan; yang merupakan impak PNB terhadap manusia dan alam sekitar, dan implikasi kewangan terhadap PNB disebabkan oleh risiko dan peluang berkaitan kelestarian. Keputusan penilaian kematanan berganda ini akan memandu strategi kami dengan mengutamakan isu-isu utama secara jelas, dengan itu membolehkan kami mengurangkan risiko dan menggunakan peluang secara proaktif, sejajar dengan komitmen berterusan kami untuk memberikan nilai yang mampan kepada pemegang unit kami.


Proses Kematanan terdiri daripada empat langkah utama:



Kematanan Berganda

Keputusan penilaian kematanan berganda kami dihuraikan dalam matriks kematanan di bawah mengikut keutamaan:

Matriks Kematanan Berganda PNB



Keutamaan Sangat Tinggi

- Prestasi Ekonomi
- Privasi dan Keselamatan Data
- Pengalaman dan Kepuasan Pengguna
- Perubahan Iklim
- Tadbir Urus dan Etika
- Impak Alam Sekitar
- Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab

Keutamaan Tinggi

- Teknologi dan Inovasi
- Pengurusan Bakat
- Alam Semula Jadi dan Biodiversiti
- Rantai Bekalan
- Kepelbagaian, Keadilan dan Keterangkuman
- Impak Sosial
- Hak Buruh
- Maklumat Telus dan Amalan Adil

Petunjuk

- Ekonomi (Biru)
- Persekitaran (Hijau)
- Sosial (Merah)
- Hijau: Peluang bersih
- Merah: Risiko bersih

M1 Prestasi Ekonomi

Nilai ekonomi yang dijana dan diagihkan oleh PNB dalam tempoh pelaporan.

Mengapa Ia Penting

- Menjana nilai ekonomi untuk pelanggan adalah kewajipan fidusiari kami yang utama
- Penciptaan nilai ekonomi yang mampan akan menarik dan mengekalkan pelabur, dan ini penting untuk pembentukan modal dan ketahanan ekonomi bagi kami sebagai pengurus aset

Risiko

- Prestasi ekonomi dan kewangan yang lemah boleh menjejaskan keupayaan PNB untuk memberikan pulangan kepada pemegang unit dan memenuhi Matlamat untuk mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi.

Peluang

- Penjanaan nilai ekonomi yang konsisten mengukuhkan kepercayaan dan keyakinan pelanggan kami.
- Pendemokrasian penciptaan kekayaan dengan membolehkan penyertaan pelabur runcit dalam pasaran modal untuk mengembangkan simpanan dan mencapai matlamat kewangan jangka panjang.

Respons / Pendekatan

- Melaksanakan beberapa rangka kerja pelaburan, contohnya SAA, untuk mempelbagaikan pendedahan aset secara strategik
- Pemantauan portfolio setiap hari
- Strategi pelaburan berkala
- Simulasi atau ujian tekanan
- Strategi LEAP 6
- Strategi dan inisiatif PUMA & PSI (cth., Penggubalan Sasaran OSS & SAA, Pembinaan Portfolio, Ulasan Pemantauan, Pengimbangan Semula Pengewangan dan lain-lain.)

M2 Privasi dan Keselamatan Data

Pengurusan privasi data dan keselamatan siber oleh PNB untuk mengelakkan kebocoran maklumat pelanggan dan menjaga hak privasi pihak berkepentingan.

Mengapa Ia Penting

- Perlindungan maklumat peribadi dan kewangan yang sensitif adalah penting untuk mendapatkan kepercayaan pelabur di samping memastikan daya tahan perniagaan dan mematuhi peraturan, untuk melindungi operasi kami daripada risiko kewangan dan reputasi.

Risiko

- Pelaksanaan teknologi dan platform digital baharu meningkatkan ancaman pelanggaran data dan privasi, menimbulkan risiko kepada PNB dari segi kehilangan kepercayaan daripada pemegang unit, merosakkan reputasinya dan gangguan pada operasi.

Peluang

- Dengan meningkatkan kemahiran pekerja serta mengukuhkan keselamatan siber, PNB melindungi data pihak berkepentingan dan mengekalkan reputasinya sebagai pengurus dana yang dipercayai untuk rakyat Malaysia.

Respons / Pendekatan

- Rangka Kerja Perlindungan Data PNB
- Dasar Pengendalian Maklumat
- Dasar Maklumat dan Keselamatan Siber
- Dasar Pengurusan Data ASN

Perkara Matan

M3 Tadbir Urus dan Etika

Komitmen PNB untuk menegakkan amalan tadbir urus dan etika yang baik, memperjuangkan prinsip seperti kebebasan lembaga pengarah, antirasuah, ketelusan dan akauntabiliti.

Mengapa Ia Penting

- Tadbir urus yang teguh dan piawaian yang beretika adalah asas kepada peranan kami sebagai pengurus aset dan membentuk bahagian penting dalam tanggungjawab fidusiari kami.

Risiko

- Reputasi yang terjejas akibat tingkah laku tidak beretika atau konflik kepentingan boleh menghilangkan kepercayaan pemegang unit, yang akan menyebabkan kesan buruk kepada prestasi kewangan PNB.
- Tadbir urus yang lemah, tingkah laku tidak beretika atau konflik kepentingan juga boleh mengakibatkan pembatalan lesen PNB.

Peluang

- Mengekalkan dasar dan prosedur tadbir urus korporat yang kukuh dan berkesan untuk meningkatkan reputasi PNB sebagai organisasi yang boleh dipercayai dalam kalangan pihak berkepentingan.

Respons / Pendekatan

- Dasar Antisogokan dan Antirasuah
- Kod Etika Perniagaan (CoBE)
- Dasar Pemberi Maklumat
- Melaksanakan penelitian wajar Tadbir Urus serta Antisogokan dan Antirasuah terhadap semua pelaburan baharu

M4 Pengalaman dan Kepuasan Pengguna

Amalan PNB untuk memperkukuh hubungan dengan pemegang unit, bertujuan untuk memberikan lebih daripada apa yang mereka jangkakan, membina kepercayaan dan memenuhi kehendak mereka.

Mengapa Ia Penting

- Pengalaman dan kepuasan pelanggan membolehkan kami mengembangkan nilai jenama kami dan membolehkan penglibatan yang lebih mendalam dengan pemegang unit di samping menambah jumlah pelanggan kami.

Risiko

- Ketidakupayaan untuk menyediakan perkhidmatan pelanggan yang baik boleh menimbulkan sungutan, menyukarkan PNB untuk mengekalkan pemegang unit sedia ada atau menarik pemegang unit baharu.

Peluang

- Menggunakan teknologi dan inovasi untuk menghasilkan penyelesaian pelaburan yang diperibadikan, menawarkan sumber pendidikan untuk memperkasa pemegang unit dalam membuat keputusan kewangan, dan memupuk kepercayaan melalui komunikasi yang telus dan tepat pada masanya.

Respons / Pendekatan

- Prosedur untuk aktiviti celik kewangan ASNB, seperti jerayawara MSAM, ASNB
- Sistem penjejakan skor NPS
- Sistem pengesanan aduan untuk pusat panggilan dan pejabat cawangan

M5 Perubahan Iklim

Usaha dan inisiatif PNB untuk menyesuaikan dan mengurus impak berkaitan iklim melalui strategi operasi dan pelaburan.

Mengapa Ia Penting

- Risiko fizikal dan peralihan merupakan cabaran kepada prestasi portfolio dan daya tahan operasi kami.

Risiko

- Kegagalan menangani kesan perubahan iklim yang penting, termasuk kedua-dua usaha mitigasi dan penyesuaian, boleh menyebabkan kerosakan aset, hartanah dan pelaburan terkandas.

Peluang

- Meneroka peluang pelaburan dan pengawasan dalam sektor seperti teknologi hijau boleh mempelbagaikan portfolio pelaburan PNB dan menyokong peralihan kepada ekonomi hijau, selaras dengan komitmen kelestarian PNB.
- Penilaian terhadap risiko peralihan dan fizikal dapat membantu menentukan strategi mitigasi dan penyesuaian PNB.

Respons / Pendekatan

- Inisiatif R₂O - pendekatan Reduce, Replace, Offset
- Dasar Kelestarian
- Rangka kerja penilaian ESG diguna pakai untuk semua pelaburan baharu untuk menilai pengurusan dan prestasi isu ESG utama yang berkaitan dengan syarikat
- Peruntukan RM10 bilion untuk pelaburan ke dalam aset Hijau dan Peralihan
- ESG dan jangkaan kelestarian disepadukan ke dalam Garis Panduan Pengundian kami
- Penglibatan aktif pihak berkepentingan (cth., penglibatan Lembaga Pengarah dan pembinaan keupayaan pekerja)
- Komitmen kepada prinsip PRI
- NZE menjelang 2025
- Portfolio Sifar Bersih (NZP) menjelang 2050 disokong oleh sasaran iklim sementara untuk 2030

M6 Impak Sosial

PNB terlibat secara aktif dengan komuniti sekeliling melalui inisiatif langsung yang sejajar dengan Mandat, SIF dan agenda ekonomi negara, untuk memupuk pertumbuhan ekonomi tempatan dan serantau di kawasan PNB beroperasi.

Mengapa Ia Penting

- Penglibatan dengan komuniti memperkukuh pertumbuhan inklusif dan membina kepercayaan serta nama baik dalam kalangan pemegang berkepentingan PNB, yang selaras dengan Mandat negara kita.

Risiko

- Kegagalan memenuhi tanggungjawab PNB untuk menyampaikan inisiatif impak sosial kepada komuniti terpinggir boleh memberi kesan kepada literasi kewangan mereka dan reputasi PNB sebagai organisasi yang dipercayai.

Peluang

- Dengan menggunakan inisiatif SIF sedia ada, PNB boleh meningkatkan lagi pelaburan sosialnya untuk menyokong kerajaan dalam meningkatkan ekonomi di samping memberikan bantuan kepada golongan yang memerlukan.

Respons / Pendekatan

- Rangka Kerja Zakat-CSR
- SIF
- Rangka Kerja Kesukarelawanan

Perkara Matan

M7 Maklumat Telus dan Amalan Adil

Menyediakan akses kepada maklumat pemasaran, perniagaan dan kemampuan yang boleh dipercayai dan adil tentang PNB kepada pemegang unit kami dan pihak berkepentingan lain.

Mengapa Ia Penting

- Memperkasa pemegang unit kami dengan maklumat yang boleh dipercayai, tepat dan seimbang dapat mengukuhkan komitmen kami untuk menegakkan tadbir urus yang baik dan akauntabiliti.

Risiko

- Tanggapan tentang amalan tidak beretika atau ketidaktelusan boleh menjejaskan reputasi dan kehilangan kepercayaan oleh pihak berkepentingan, termasuk pemegang unit.

Peluang

- Memperkasa pemegang unit dari segi kewangan dengan menyediakan akses yang telus kepada maklumat relevan berkaitan produk dan perkhidmatan PNB.

Respons / Pendekatan

- Pendedahan sejajar TCFD
- Penerbitan Laporan Bersepadu, penyiaran siaran media dan berita terkini, serta pembangunan kandungan strategik
- Dasar Penggunaan Media Sosial Operasi Amanah Saham
- Prosedur Komunikasi Operasi Amanah Saham
- Maklumat tentang produk dan perkhidmatan di laman sesawang PNB dan ASNB

M8 Teknologi dan Inovasi

Kemajuan dalam Strategi LEAP 6 PNB, yang tertumpu pada kecekapan dan inovasi melalui transformasi teknologi dan digital, bertujuan untuk memenuhi permintaan pelanggan yang berkembang dan memacu pertumbuhan perniagaan.

Mengapa Ia Penting

- Meningkatkan pulangan pelaburan, untuk meningkatkan prestasi pelaburan, pengoptimuman portfolio dan meningkatkan pengalaman pelanggan untuk mencapai keputusan keseluruhan yang lebih baik.

Risiko

- Kemajuan pesat dalam teknologi baharu dan penyelesaian inovatif boleh mengganggu pasaran, perubahan peraturan dan peningkatan persaingan dalam industri pengurusan dana.

Peluang

- Analisis data dan pemodelan ramalan membolehkan PNB memperoleh maklumat berharga tentang arah aliran pasaran dan pelanggan serta peluang pelaburan. Pembuatan keputusan berasaskan data boleh membantu PNB untuk mengurus risiko dan dalam perancangan strategik.
- Dengan memanfaatkan teknologi untuk membangunkan penyelesaian kewangan yang inovatif, PNB boleh mengukuhkan kedudukan pasarnya dan membina pangkalan pelanggan yang lebih luas melalui pengalaman pengguna yang dipertingkat dan lancar.

Respons / Pendekatan

- Rangka Tindakan Teknologi untuk 2024-2028
- Teras Inovasi LEAP 6 untuk menggalakkan dan memperkasa inisiatif inovasi

M9 Hak Buruh

PNB berazam untuk menegakkan hak pekerja melalui Dasar Hak Buruh, serta berusaha untuk memastikan persekitaran kerja yang selamat untuk kakitangannya. Memastikan pematuhan terhadap peraturan kesihatan dan keselamatan yang berkaitan di seluruh operasi dan di syarikat pelaburannya.

Mengapa Ia Penting

- Menegakkan hak pekerja memperkukuh produktiviti dan kesejahteraan tenaga kerja, mengurangkan risiko operasi, dan memperkukuh amalan perniagaan mampan, yang boleh membawa kepada prestasi pelaburan yang lebih baik, sekali gus melindungi nilai pemegang saham untuk jangka panjang.

Risiko

- Pengurusan amalan hak buruh yang lemah dalam PNB dan syarikat pelaburannya boleh menjejaskan reputasi, menimbulkan potensi liabiliti undang-undang dan kemerosotan dalam nilai pemegang saham.
- Gangguan rantaian bekalan akibat rusuhan buruh, yang boleh memberi kesan dan boleh berlaku dalam portfolio pelaburan PNB.

Peluang

- Memantapkan peranan pengawasan PNB dalam kalangan syarikat pelaburannya dengan menggalakkan amalan dan polisi buruh yang kukuh, dan dengan menyokong atau melaksanakan inisiatif yang menggalakkan gaji adil serta memperkasa pekerja.

Respons / Pendekatan

- Dasar Hak Buruh
- Penglibatan dengan Syarikat Pelaburan mengenai isu penting yang berkaitan dengan hak pekerja
- Buku Panduan Pekerja (Keselamatan dan Keselamatan)
- Memasukkan jangkaan berkaitan buruh dalam Garis Panduan Pengundian
- Soal Selidik Hak Buruh Pembekal

M10 Alam Semula Jadi dan Biodiversiti

PNB secara proaktif mengurangkan kesan matan terhadap alam semula jadi dan biodiversiti melalui aktiviti operasi dan pelaburannya, contohnya pencemaran, kemusnahan habitat, pengurusan sisa, dsb.

Mengapa Ia Penting

- Boleh meningkatkan prestasi pelaburan, kerana kehilangan biodiversiti boleh menyebabkan risiko kewangan dan reputasi, manakala gangguan rantaian bekalan, tekanan peraturan dan persepsi awam boleh menjejaskan nilai jangka panjang

Risiko

- Kegagalan untuk mengambil kira kesan matan terhadap alam semula jadi dan biodiversiti dalam kedua-dua operasi dan pelaburan boleh menyebabkan reputasi terjejas. Hal ini termasuk pendedahan kepada perubahan peraturan dan kesannya, terutamanya bagi industri yang bergantung pada sumber asli dalam portfolio pelaburan.

Peluang

- Penggabungan biodiversiti dan risiko berkaitan alam semula jadi ke dalam proses pelaburan akan mempertingkatkan pengurusan risiko penting dan pematuhan kepada peraturan yang berkembang.
- Pelaksanaan inisiatif dan penyelesaian berkaitan alam semula jadi seperti pensijilan hijau, usaha pemuliharaan dan langkah penyesuaian boleh membawa kepada penciptaan nilai jangka panjang.

Respons / Pendekatan

- Dasar Alam Semula Jadi dan Biodiversiti
- Komitmen NDPE
- Penggabungan jangkaan alam semula jadi dan biodiversiti dalam Garis Panduan Pengundian

Perkara Matan

MT1 Pengurusan Bakat

Pendekatan PNB terhadap pengurusan kakitangan, daripada peringkat pengambilan, perekrutan, pengekalan, pembelajaran dan amalan pembangunan sehingga ke keadaan tempat kerja, membuktikan dedikasi PNB terhadap pengurusan dan pemupukan bakat.

Mengapa Ia Penting

- Kadar pengekalan pekerja yang tinggi dan kecekapan operasi boleh meningkatkan produktiviti, menyumbang kepada peningkatan prestasi kewangan.

Risiko

- Risiko kadar penggantian pekerja yang tinggi, kesukaran menarik dan mengekalkan bakat berprestasi tinggi dalam pasaran yang sangat kompetitif akibat kegagalan untuk menyediakan persekitaran kerja yang kondusif.

Peluang

- Pembangunan bakat yang berkesan, ketersediaan peluang pertumbuhan dan pengurusan kakitangan yang menarik akan memacu budaya kerja pekerja yang berprestasi tinggi dan berkemahiran tinggi, yang akan memanfaatkan pertumbuhan keseluruhan PNB sebagai organisasi bersifat organisasi, serta menyumbang ke arah pembangunan pemimpin yang berkebolehan untuk dunia korporat Malaysia.

Respons / Pendekatan

- Dasar Hak Buruh
- Buku Panduan Pekerja
- Kecekapan, Latihan dan Kesedaran SOP
- Rangka Kerja Pengurusan Bakat

MT2 Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab

Usaha PNB untuk mengintegrasikan pertimbangan ESG ke dalam pembuatan keputusan pelaburan kami, termasuk inisiatif PNB untuk pelaburan dalam aset hijau dan peralihan.

Mengapa Ia Penting

- Integrasi pertimbangan kelestarian ke dalam keputusan pelaburan membolehkan kami memanfaatkan peluang, dan mengambil pendekatan proaktif dan bukannya reaktif terhadap pengurusan risiko.

Risiko

- Kegagalan mengurus pelaburan yang lestari dan bertanggungjawab boleh mengakibatkan risiko gagal menangani risiko pelaburan yang matan, dan boleh menghalang organisasi tersebut daripada memanfaatkan peluang pelaburan yang didorong oleh arah aliran ESG.

Peluang

- Peluang untuk pertumbuhan kewangan jangka panjang di samping impak positif kepada alam sekitar dan sosial, sejajar dengan Mandat PNB, dengan itu secara strategik menguruskan portfolio PNB untuk tujuan keuntungan dan juga untuk mencapai matlamat.
- Kelebihan sebagai penggerak pertama yang menawarkan produk dan perkhidmatan yang lestari dan bertanggungjawab dengan menarik generasi muda, yang berminat dalam pelaburan berkaitan iklim.

Respons / Pendekatan

- Pengecualian ESG sejajar dengan prinsip Syariah
- Dasar Kelestarian
- 10 Komitmen ESG
- Penilaian ESG dalam cadangan pelaburan baharu dan pemantauan portfolio
- Penggabungan jangkaan ESG dalam Garis Panduan Pengundian
- Penglibatan dan pengawasan dengan syarikat pelaburan
- Meningkatkan pelaburan dalam bidang berkaitan iklim

MI3 Kepelbagaian, Keadilan dan Keterangkuman

PNB memupuk kepelbagaian, keterangkuman dan tanpa diskriminasi di semua peringkat tenaga kerjanya.

Mengapa Ia Penting

- Amalan DEI memastikan PNB membangunkan kelompok bakat berasaskan merit yang mempunyai pelbagai perspektif, membina organisasi yang bersedia untuk masa hadapan.

Risiko

- Kegagalan menyediakan persekitaran kerja yang inklusif dan tanpa diskriminasi boleh menjejaskan reputasi dan mengurangkan kepuasan pekerja.

Peluang

- Pemupukan budaya inklusif dan pelbagai dalam PNB dapat menarik bakat terbaik dan mewujudkan peluang untuk menjana pelbagai idea dan pendekatan penyelesaian masalah, menyediakan tenaga kerja untuk mengatasi pelbagai cabaran dengan berkesan.
- Mempunyai kelebihan sebagai penggerak pertama hasil daripada melaksanakan inisiatif DEI.

Respons / Pendekatan

- Dasar Hak Buruh
- Rangkaian Wanita & Keterangkuman (W.I.N.)
- Program Women of Will Leadership

MI4 Rantaian Bekalan

Keupayaan PNB untuk menggalakkan amalan ESG yang adil dan beretika dalam kalangan pembekalnya, sejajar dengan amalan perolehan PNB.

Mengapa Ia Penting

- Amalan piawaian yang adil dan beretika untuk pembekal kami dapat mengekalkan kepercayaan pihak berkepentingan dan menyokong penciptaan nilai jangka panjang.

Risiko

- Kegagalan mengurus amalan penyumberan beretika boleh menyebabkan PNB berhadapan dengan potensi gangguan operasi yang timbul daripada isu pengurusan rantaian bekalan.

Peluang

- Menyokong inovasi dalam teknologi rantaian bekalan untuk meningkatkan kecekapan.
- Bekerjasama dengan syarikat pelaburan untuk meningkatkan daya tahan rantaian bekalan bagi memastikan impak sosial dan alam sekitar yang minimum melalui amalan penyumberan beretika.

Respons / Pendekatan

- Dasar Perolehan Kumpulan PNB
- Soal Selidik Hak Buruh Pembekal
- Pengisytiharan Integriti Pembekal
- Penelitan Wajar Terhadap Pembekal

Perkara Matan

M15 Impak Alam Sekitar

PNB menguruskan impak alam sekitar untuk meminimumkan bahaya atau supaya tidak menjejaskan alam sekitar (cth., penggunaan air, pembebasan efluen, pengurusan sisa).

Mengapa Ia Penting

- Operasi kami bertujuan untuk meminimumkan bahaya kepada ekosistem, mematuhi keperluan peraturan dan sejajar dengan jangkaan pihak berkepentingan untuk daya tahan perniagaan jangka panjang.

Risiko

- Kegagalan untuk mematuhi peraturan alam sekitar semasa dan yang baru muncul serta amalan terbaik boleh menjejaskan reputasi dan menyebabkan PNB dikenakan penalti.

Peluang

- Pengenalpastian dan pengukuran impak alam sekitar PNB sebagai pendekatan bersasar bagi memastikan pelaksanaan strategi yang relevan untuk mengubah PNB menjadi NZE menjelang 2025.
- Kelebihan sebagai penggerak pertama yang menetapkan sasaran kelestarian, membentuk pangkalan pelanggan baharu terdiri daripada generasi muda yang berminat dengan aspek kelestarian.

Respons / Pendekatan

- Inisiatif R₂O - pendekatan Reduce, Replace, Offset
- Dasar Kelestarian
- Garis Panduan Pengurusan Sisa
- Garis Panduan Kecekapan Tenaga dan Pemuliharaan

Landskap Operasi

Sorotan Pasaran

Daya tahan dalam ketidaktentuan global

Ekonomi global pada 2024 terus mempamerkan daya tahan dalam keadaan perubahan dasar dan ketidaktentuan yang memuncak. Pada tahun ini, hampir separuh penduduk dunia keluar mengundi untuk memilih kerajaan mereka manakala ketegangan geopolitik di Eropah Timur dan Timur Tengah terus meningkat. Walaupun pelonggaran monetari berleluasa, ia tidak seragam. Namun begitu, ekonomi negara dijangka mencatat pertumbuhan 3.2%, kurang sedikit sahaja daripada 3.3% pada 2023.

Faktor Ekonomi Global Utama

A

Dasar Kadar Faedah

Bank Pusat Eropah memulakan pemotongan kadar faedah pada bulan Jun di tengah-tengah disinflasi dan pertumbuhan ekonomi yang lemah, manakala Jerman bergelut dengan genangan perindustrian sementara Perancis dan Itali pula menghadapi hutang awam yang semakin meningkat. Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan AS mengikut jejak langkah dengan pemotongan kadar mata asas sebanyak 50 pada bulan September.

B

Pertumbuhan Tidak Sekata dalam Ekonomi Utama Asia

China terus menghadapi halangan ekonomi, dibebani oleh kemerosotan hartanah dan perbelanjaan pengguna yang lemah walaupun didorong langkah rangsangan kerajaan. Sebaliknya, ekonomi Jepun dan India meningkat. Jepun menghentikan dasar kadar faedah negatifnya pada bulan Mac apabila inflasi menuju ke arah sasaran 2.0%, manakala India mengekalkan momentum pengembangannya bersama-sama dengan permintaan domestik yang kukuh dan sektor perkhidmatan yang semakin maju.

C

Prestasi Mantap di Asia Tenggara

Pertumbuhan ekonomi keseluruhannya adalah stabil di rantau Asia Tenggara, disokong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan, sokongan dasar dan penempatan semula rantaian bekalan. Pertumbuhan Indonesia kekal kukuh, dengan mendapat manfaat daripada perbelanjaan isi rumah yang kukuh dan pembangunan infrastruktur, manakala Malaysia, Singapura dan Vietnam memanfaatkan peningkatan permintaan untuk semikonduktor dan elektronik, yang didorong oleh pelaburan besar dalam kecerdasan buatan (AI).

Sorotan Pasaran Domestik

Selepas tahun 2023 yang kurang memberangsangkan, Bursa Malaysia berkembang kukuh dalam lapan bulan pertama tahun 2024 sebelum menurun dalam empat bulan terakhir dan berada di belakang Singapura sebagai pasaran saham berprestasi terbaik di ASEAN. Indeks Bursa Malaysia hampir mencecah paras tertinggi empat tahun sebanyak 1,684.7 mata pada 29 Ogos, seminggu selepas Malaysia melaporkan pertumbuhan KDNK suku kedua yang lebih baik daripada jangkauan.

Pelabur asing merupakan pembeli utama, membanjiri pasaran baru muncul berikutan pemotongan kadar faedah AS yang dijangka akan berlaku. Purata nilai dagangan harian mereka di Bursa meningkat 44% berbanding tahun sebelumnya, bersama dengan penarafan yang dinaik taraf oleh syarikat penyelidikan asing berikutan pendapatan korporat yang meningkat, kecairan yang lebih baik dan komitmen pelaburan asing. Walau bagaimanapun, pemilihan semula Donald Trump selaku Presiden Amerika Syarikat sedikit melembapkan bursa saham serantau disebabkan oleh pandangan dan sikapnya yang tidak boleh dijangkakan.

1. The Edge, Market Recap: Bursa Malaysia's biggest winners and losers in 2024, 14 Januari 2025

Landskap Operasi

Faktor Ekonomi Domestik Utama

▶ Pertumbuhan ekonomi yang kukuh

Di Malaysia, permintaan domestik yang kukuh, penggunaan persendirian yang tinggi, peningkatan aktiviti pelaburan dan pengembangan berterusan dalam sektor utama seperti perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan kesemuanya menghasilkan pertumbuhan KDNK yang membanggakan sebanyak 5.1% berbanding 3.7% pada 2023.

▶ Pertumbuhan Pelaburan

Pada tahun 2023, kerajaan telah melancarkan beberapa inisiatif strategik termasuk NIMP, NETR dan NSS. Bertujuan untuk mempercepat pertumbuhan negara yang mampan, dasar dan pelan tindakan ini telah meningkatkan pelaburan langsung tempatan dan asing.

▶ Penurunan Inflasi

Untuk tahun kedua berturut-turut, inflasi di Malaysia terus menurun didorong oleh kelembapan peningkatan harga untuk makanan, pengangkutan dan perkhidmatan terpilih, subsidi kerajaan dan penurunan gangguan rantai bekalan di seluruh dunia. Untuk 2024 secara keseluruhan, kedua-dua inflasi headline dan inflasi teras menurun kepada 1.8% (2023 inflasi headline: 3.0%/2023 inflasi teras: 2.5%).

▶ Pengukuhan Ringgit

Ringgit mengalami turun naik berbanding dolar AS sepanjang tahun, mencecah paras tertinggi RM4.12 pada bulan September daripada paras terendah RM4.80 pada Februari, kemudian stabil pada RM4.47 pada hujung tahun, peningkatan ketara daripada RM4.60 pada Disember 2023. Ringgit adalah mata wang berprestasi terbaik di Asia pada tahun 2024.

Unjuran Masa Depan

Pada 2025, ketegangan geopolitik bersama dengan perubahan dalam ketidakpastian ekonomi akan terus mencorakkan makroekonomi dan unjuran pasaran, yang menegaskan kepentingan kesalinghubungan global walaupun terdapat peningkatan risiko fragmentasi.

Pemilihan semula Trump berkemungkinan memperkukuh pendekatan proteksionis AS dengan nyahsinofikasi (iaitu, penyahgandingan dari China) dan memanjangkan ketegangan perdagangan. Walaupun anjakan geopolitik ini mungkin menimbulkan cabaran, namun ia juga membuka peluang strategik untuk Asia Tenggara berperanan sebagai hab pembuatan dan inovasi alternatif.

Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk memanfaatkan perubahan landskap global ini. Strategi penyatuan fiskal kerajaan kekal di landasan, yang terus memberikan kestabilan kepada ekonomi tempatan. Penggunaan domestik akan disokong melalui persekitaran kadar faedah yang menggalakkan dan peningkatan

pendapatan boleh guna yang didorong oleh langkah kerajaan seperti kenaikan gaji kakitangan awam dan kenaikan gaji minimum.

Percambahan pusat data, mempelbagaian rantai bekalan dan projek infrastruktur awam berskala besar bakal mengekalkan permintaan dalam negeri dan pelaburan asing yang kukuh, dengan Bank Negara Malaysia mengunjurkan pertumbuhan KDNK sebanyak 4.5% - 5.5%. Apabila negara memasuki gelombang semikonduktor kedua, kerajaan menjadikan sektor ini sebagai keutamaan negara dan menjanjikan sumber yang banyak serta melaksanakan strategi jangka panjang berstruktur untuk memacu transformasi ini. Pertumbuhan Malaysia kini selari dengan pertumbuhan dunia; dan dengan pelaburan yang diluluskan mencapai rekod tertinggi, faktor-faktor ini bersedia untuk memacu kitaran pelaburan ketiga.

Megatrend Global: Risiko dan Peluang

Kuasa jangka panjang yang membentuk dunia kita mempunyai kesan nyata terhadap operasi dan pulangan pelaburan PNB. Kami secara proaktif menangani risiko dan peluang yang diakibatkan oleh megatrend global ini sambil kami berusaha untuk meningkatkan tahap kewangan rakyat Malaysia merentas generasi.

Pecutan Digital & Transformasi Teknologi

Deskripsi

Teknologi semakin mengubah landskap ekonomi dan cara kerja kita. Perkara ini memberi kesan ke atas pasaran tempat kami melabur serta cara kami beroperasi. Pendigitalan dan teknologi menawarkan kecekapan baharu tetapi pada masa yang sama juga memberikan cabaran kepada operasi.

Impak yang Mungkin

– Negatif + Positif

- Boleh menjadi lapuk jika gagal beradaptasi
- Peningkatan peraturan sebagai tindak balas kepada gangguan
- Peningkatan risiko keselamatan siber dan privasi data
- Pasaran pertumbuhan baharu
- Peningkatan produktiviti dan kecekapan
- Pengalaman pelanggan yang dipertingkatkan

Tindakan Kami

- Mengumumkan Pelan Tindakan Teknologi untuk 2024–2028
- Memperkukuh perlindungan data, protokol keselamatan siber dan amalan AI yang bertanggungjawab
- Meningkatkan pengalaman pelanggan dengan teknologi, termasuk melalui aplikasi myASNB dan Ria yang ditambah baik
- Menggunakan pakai proses kerja dalaman yang tangkas dan inovatif

Unjuran Masa Depan

Evolusi digital akan terus membawa kemajuan dalam AI dan analisis data lanjutan, dan pelanggan akan semakin mengharapkan perkhidmatan kewangan yang lancar, dalam masa nyata dan disesuaikan dengan keperluan individu. Kami akan meningkatkan keupayaan kami dengan sewajarnya, dan melabur dalam pendigitalan sebagai pemboleh daya utama bagi mencapai matlamat pertumbuhan LEAP 6 kami.

Risiko

Mengabaikan inovasi dan kemajuan teknologi boleh menyebabkan penurunan daya saing dan kecekapan.

Peluang

Teknologi membolehkan pemahaman yang lebih mendalam tentang pelaburan kami, contohnya dengan menggunakan data besar dan pemodelan ramalan untuk menganalisis portfolio. Kami juga boleh menggunakan teknologi untuk menawarkan pengalaman penggunaan yang lancar untuk pelanggan kami dan menggalakkan mereka meningkatkan pelaburan.

Pautan

FC MC HC IC

Perkara Matan:

MI M2 M4 M8

Strategi:

- Pelaburan
- Jualan dan Pendedaran
- Pengetahuan
- Transformasi PNB Co
- Inovasi

Risiko Utama:

MR CR TR

Landskap Operasi

Penelitian Global dan Penekanan ke atas Komitmen ESG

Deskripsi

Pertimbangan ESG semakin penting untuk pertimbangan pihak berkepentingan kami. Oleh itu, untuk menjaga amanah dalam PNB dan melindungi Mandat kami, kami telah mengintegrasikan pertimbangan ESG sepenuhnya ke dalam keputusan pelaburan dan operasi kami.

Tindakan Kami

- Mengambil kira penilaian ESG yang komprehensif dalam keputusan pelaburan kami
- Menggiatkan usaha untuk menyahkarbonkan operasi selaras dengan matlamat NZE kami
- Bekerjasama dengan syarikat pelaburan kami untuk memacu prestasi ESG mereka
- Mengintegrasikan kriteria ESG ke dalam proses perolehan kami

Impak yang Mungkin

– Negatif + Positif

- Kos akibat daripada pelaburan dalam kepakaran dan pematuhan ESG
- Tekanan ke atas syarikat pelaburan untuk memenuhi pawai ESG, yang boleh memberikan kesan berantai (knock-on) ke atas portfolio kami
- + Pulangan pelaburan yang lebih tinggi melalui peluang ESG
- + Peluang untuk membina reputasi sebagai pelabur yang dipercayai dan bertanggungjawab

Unjuran Masa Depan

Komitmen ESG kami akan diperkukuh melalui pengenalan kad skor ESG khusus-sektor untuk menilai dan mengesan prestasi ESG syarikat pelaburan kami secara sistematik. Sementara itu, dalam ruang lingkup operasi kami, kami akan mengguna pakai sasaran berasaskan hasil yang jelas selain mengguna pakai amalan pelaporan kelestarian yang diperbaiki untuk memacu penambahbaikan yang berterusan.

Risiko

Memandangkan peraturan ESG akan membabitkan syarikat tempatan dan antarabangsa, ketidakpatuhan boleh mengakibatkan sekatan kawal selia atau penalti kewangan serta menjejaskan reputasi. Pulangan pelaburan kami juga mungkin akan terjejas sekiranya syarikat pelaburan PNB gagal mematuhi tanggungjawab ESG mereka.

Peluang

Portfolio disepadukan ESG lebih terlindung daripada risiko iklim dan tadbir urus, serta menyokong daya tahan dan pertumbuhan jangka panjang. Justeru, pengaruh kami membolehkan kami membentuk tingkah laku korporat syarikat pelaburan kami ke arah mengukuhkan amalan ESG mereka.

Pautan

Modal:



Perkara Matan:



Strategi:

- Pelaburan
- Transformasi PNB Co
- Kelestarian

Risiko Utama:



Pematuhan Dipertingkat dan Tuntutan Peraturan

Deskripsi

Kami beroperasi di bawah pengawasan peraturan yang ketat – bukan sahaja di Malaysia, tetapi juga di peringkat antarabangsa. Oleh itu, sangat penting bagi kami untuk memiliki piawaian tertinggi tadbir urus demi mengekalkan kepercayaan orang ramai dan pihak berkepentingan kami.

Impak yang Mungkin

– Negatif + Positif

- Memperkukuh reputasi kami sebagai pemimpin tadbir urus
- Meningkatkan keyakinan pelabur dan kepercayaan pihak berkepentingan
- + Kemungkinan berhadapan dengan tindakan undang-undang, mengakibatkan kerugian kewangan atau kehilangan peluang perniagaan
- + Impak negatif terhadap reputasi sebagai sebuah organisasi, menjejaskan hubungan dengan pihak berkepentingan

Tindakan Kami

- Memastikan Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan sepenuhnya terlibat dalam membangunkan budaya integriti di PNB
- Jaminan toleransi sifar terhadap rasuah
- Mengadakan latihan dalaman untuk memperkukuh integriti dan tadbir urus dalam kalangan kakitangan kami
- Menyokong integriti, tadbir urus dan hak pekerja dalam syarikat pelaburan kami melalui mesyuarat pemegang saham dan sesi perbincangan

Unjuran Masa Depan

Keperluan terhadap tadbir urus dan pematuhan akan meningkat selari dengan penumpuan global dalam piawaian pelaporan, peraturan kewangan dan keperluan privasi data. Kami komited untuk mengukuhkan kawalan dalaman kami, termasuk melalui Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah, Unit Tadbir Urus Integriti, serta latihan kakitangan, untuk memastikan kami terus memenuhi piawaian tertinggi dalam tadbir urus

Risiko

Tadbir urus dan peraturan yang semakin kompleks memerlukan sumber tambahan. Tadbir urus yang lemah boleh menyebabkan kami dikenakan penalti dan merosakkan reputasi kami dengan teruk.

Peluang

Sebagai pelabur institusi yang terkemuka, kami boleh memperjuangkan tadbir urus dan amalan etika, dan menggalakkan penciptaan nilai yang mampan.

Pautan

Modal:



Perkara Matan:



Strategi:

- Pelaburan
- Transformasi PNB Co
- Kelestarian
- Tadbir Urus

Risiko Utama:



Landskap Operasi

Peningkatan Tumpuan terhadap Pelaburan Lestari

Deskripsi

Memandangkan kesan perubahan iklim kini lebih ketara, maka adalah penting untuk kita mengambil tindakan bersepadu melalui keputusan pelaburan dan penglibatan kami dengan syarikat pelaburan.

Tindakan Kami

- Melabur RM5.5 bilion dalam aset hijau dan peralihan
- Meningkatkan ketelusan dalam pendedahan iklim
- Mengekalkan dasar pengecualian yang ketat dalam pelaburan loji jana kuasa arang batu termal greenfield dan aktiviti perlombongan
- Berbincang dengan syarikat pelaburan mengenai isu kelestarian utama, termasuk dasar kami tentang Tiada Penebangan Hutan, Tiada Gambut, Tiada Eksploitasi (NDPE)

Impak yang Mungkin

– Negatif + Positif

- Risiko menjadi lapuk dalam pelaburan beremisi tinggi
- Tidak mematuhi piawaian ESG yang berkembang
- + Pulangan terlaras risiko yang berdaya tahan dengan mengintegrasikan ESG ke dalam kriteria pelaburan

Unjuran Masa Depan

Dalam kita menghampiri titik perubahan kritikal dalam komitmen sifar bersih global, kami telah memperuntukkan RM10 bilion untuk pelaburan dalam aset hijau dan peralihan menjelang 2030. Selain itu, kami sedang mengintegrasikan elemen kelestarian ke dalam garis panduan pengundian kami untuk membolehkan hasil sebenar yang menguntungkan dan bermatlamat.

Risiko

Penglibatan dalam amalan pelaburan yang tidak lestari akan meningkatkan risiko reputasi kami, serta meningkatkan risiko aset terkandas akibat peralihan kepada ekonomi rendah karbon.

Peluang

Pelaburan dalam tenaga boleh diperbaharui, pengangkutan hijau dan pertanian lestari menawarkan peluang baharu sejajar dengan cita-cita sifar bersih Malaysia.

Pautan

Modal:



Perkara Matan:



Strategi:

- Pelaburan
- Transformasi PNB Co
- Kelestarian
- Jualan dan Pengedaran

Risiko Utama:



Cabaran Tenaga Kerja dan Alam Pekerjaan yang Berkembang

Deskripsi

Keupayaan untuk melaksanakan Mandat dan Matlamat bergantung pada keupayaan kami mengekalkan tenaga kerja yang berkemahiran dan bersedia untuk masa depan, serta tangkas bergerak balas terhadap perubahan teknologi utama seperti kecerdasan buatan (AI).

Impak yang Mungkin

– Negatif + Positif

- Peningkatan pelaburan dalam latihan yang diperlukan untuk kakitangan menguasai teknologi baharu
- Generasi baharu mungkin mempunyai keperluan yang berbeza daripada majikan mereka, yang menyebabkan ketidakpadanan antara jangkaan dengan realiti
- + Produktiviti dan inovasi yang lebih baik hasil daripada penglibatan dengan kakitangan
- + Memastikan sentiasa ada pemimpin yang berkebolehan untuk perancangan penggantian

Risiko

Penglibatan yang tidak mencukupi bersama kakitangan boleh menyebabkan kehilangan bakat, kehilangan semangat dan penurunan produktiviti. Tanpa peningkatan kemahiran secara berterusan, kakitangan mungkin akan bergelut dengan perubahan pesat dalam teknologi, peraturan dan keperluan ESG.

Tindakan Kami

- Memastikan peningkatan kemahiran pekerja dengan menyediakan ekosistem pembelajaran yang komprehensif
- Memperkukuh perancangan penggantian dengan pelbagai inisiatif latihan kepimpinan dan pelatih pengurusan
- Memperkasa pemimpin wanita melalui program Women of Will Leadership
- Menyumbang kepada pertumbuhan modal insan Malaysia melalui program latihan industri dan siswazah
- Memulakan Dasar Gaji Kehidupan Wajar kami secara dalaman dan di syarikat pelaburan kami untuk menambah baik kualiti hidup kakitangan dan meningkatkan ekonomi secara keseluruhan

Unjuran Masa Depan

Dengan meletakkan bakat dan pengetahuan sebagai teras strategi, PNB dapat memastikan keupayaannya untuk terus menghadapi cabaran yang sentiasa berubah serta melaksanakan perubahan dan penyesuaian yang diperlukan bagi mengekalkan tenaga kerja yang berkemahiran, berdedikasi dan bersemangat untuk tahun-tahun mendatang.

Peluang

Dengan memberi tumpuan kepada peningkatan kemahiran dan mewujudkan persekitaran kerja yang positif dan inklusif, kami boleh meningkatkan produktiviti dan ketangkasan dalam kalangan kakitangan kami di samping meningkatkan inovasi dalaman untuk memupuk generasi baharu pemimpin yang berkemahiran dan berkebolehan.

Pautan

Modal:



Perkara Matan:



Strategi:

- **Jualan dan Pengeedaran**
- **Pengetahuan**
- **Inovasi**

Risiko Utama:




Risiko Utama dan Mitigasi

PNB sentiasa mengamalkan pengurusan risiko yang berkesan kerana kami mempunyai Matlamat untuk mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Dalam landskap kewangan yang dinamik dan saling berkaitan hari ini, kami kekal tangkas dalam menyesuaikan diri dengan risiko yang baru muncul serta berwawasan dalam strategi kami untuk mengoptimumkan penciptaan nilai dan mencapai objektif pelaburan kami.

Kumpulan PNB mengguna pakai pendekatan komprehensif terhadap pengurusan risiko di seluruh organisasi. Setiap risiko utama dikawal oleh rangka kerja risiko yang dikendalikan melalui alat dan prosedur pengurusan risiko, yang membentuk sebahagian daripada langkah mitigasi untuk mengurus risiko.

Pendekatan kami untuk menilai, memantau dan mengurus setiap risiko utama yang dikenal pasti diterangkan di bawah. Senarai ini tidak terperinci, dan susunan risiko yang ditunjukkan tidak menggambarkan sama ada kemungkinan ia berlaku ataupun magnitud kesannya.



Penilaian Risiko ● Tinggi (H) ● Signifikan (S) ● Sederhana (M) ● Rendah (L)

- 1 Risiko berkaitan pelaburan yang menjejaskan PNB dan Dana Unit Amanah (UTF) di bawah pengurusannya dianggap kritikal keutamaannya, dari segi perspektif impak (“dalam ke luar”) dan juga kewangan (“luar ke dalam”), dikategorikan sebagai Prestasi Ekonomi seperti yang telah dihuraikan di bahagian Perkara Matan.

MR Risiko Pasaran

Penilaian Risiko: S

Definisi Risiko

Risiko yang terhasil daripada pergerakan yang merugikan dalam kuasa pasaran seperti harga saham, kadar faedah, kadar pertukaran dan harga komoditi.

Impak Risiko

Seperti yang diterangkan dalam **Prestasi Ekonomi** di bahagian Perkara Matan.

Deskripsi Risiko

Risiko pasaran ialah risiko mengalami kerugian akibat perubahan nilai portfolio dan dana di bawah pengurusan kami yang disebabkan oleh turun naik harga pasaran, menjadikan pengukuran risiko penting.

Kemelesetan pasaran boleh memberi kesan kepada kedudukan portfolio, pengagihan pendapatan dan kecairan kami, terutamanya semasa penebusan besar-besaran, yang boleh menimbulkan risiko modal dan kecairan.

Tindakan Mitigasi

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Pasaran, bersama-sama dengan SAA kami, Pengurusan Risiko Forex dan rangka-rangka kerja lain direka untuk menguruskan spektrum risiko yang luas secara berkesan termasuk risiko pasaran modal, risiko kadar faedah, risiko khusus sektor dan khusus sekuriti, risiko negara dan risiko mata wang.

Rangka Kerja ini menggunakan ukuran statistik dan bukan statistik serta metrik untuk menguruskan risiko pasaran dengan sempurna termasuk:

- Value-at-Risk (VaR)
- Petunjuk risiko utama (KRI)
- Senarai potensi kemerosotan nilai
- Ujian tekanan berasaskan senario
- Langkah berasaskan sensitiviti lain
- Had risiko lain seperti yang dinyatakan dalam dasar barisan pertahanan pertama, rangka kerja, rancangan atau buku panduan masing-masing

LR Risiko Kecairan

Penilaian Risiko: M

Definisi Risiko

Risiko ketidakupayaan untuk mendapatkan sumber pembiayaan yang mencukupi bagi memenuhi kewajipan kewangan.

Impak Risiko

Seperti yang diterangkan dalam **Prestasi Ekonomi** di bahagian Perkara Matan.

Deskripsi Risiko

Risiko kecairan sangat penting bagi operasi Kumpulan PNB, merangkumi pengurusan kedua-dua penebusan bersih UTF dan NAV pelaburan kami.

Keadaan pasaran yang tidak menggalakkan atau pergerakan buruk dalam sekuriti asas boleh menjejaskan NAV dana manakala penebusan ketara yang berpanjangan boleh meningkatkan dan mencetuskan risiko kecairan di seluruh Kumpulan

Tindakan Mitigasi

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kecairan menggunakan pelbagai langkah dan kawalan untuk menghadapi potensi kekurangan kecairan, termasuk:

- KRI
- Rancangan Pembiayaan
- Peruntukan strategik aset cair
- Had risiko lain seperti yang dinyatakan dalam dasar barisan pertahanan pertama, rangka kerja, rancangan atau buku panduan masing-masing
- Ujian tekanan berasaskan senario

Risiko Utama dan Mitigasi

Penilaian Risiko ● Tinggi (H) ● Signifikan (S) ● Sederhana (M) ● Rendah (L)

IR Risiko Penumpuan Pelaburan

Penilaian Risiko: M

Definisi Risiko

Risiko apabila PNB dan UTF di bawah pengurusan kami terdedah kepada kekurangan kepelbagaian, akibat terlalu banyak melabur dalam satu kelas aset, sektor atau saham sahaja di bawah pengurusan kami.

Impak Risiko

Seperti yang diterangkan dalam **Prestasi Ekonomi** di bahagian Perkara Matan.

Deskripsi Risiko

Walaupun kami secara aktif mengemudi syarikat strategik kami untuk mencapai usaha PNB dalam menggalakkan pemilikan saham korporat dalam kalangan masyarakat Bumiputera, kadangkala berlaku penumpuan berlebihan terhadap pelaburan ekuiti dan kelas aset lain yang tidak strategik.

Tindakan Mitigasi

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Penumpuan Pelaburan direka untuk meminimumkan sebarang kerugian yang mungkin dihadapi oleh PNB atau UTF sekiranya berlaku kecairan pelaburan disebabkan oleh:

- isu sistematik (penjualan besar-besaran pasaran) atau isu khusus syarikat seperti kegagalan membayar hutang, atau
- tindakan untuk menangani penebusan bersih secara besar-besaran.

Rangka Kerja ini menggunakan had dalaman yang disertakan dengan kecairan pasaran.

- Sebarang pendedahan tumpuan kepada pelaburan bukan strategik dipantau dari semasa ke semasa.
- Had risiko lain seperti yang dinyatakan dalam dasar barisan pertahanan pertama, rangka kerja, rancangan atau buku panduan masing-masing.

CR Risiko Kredit

Penilaian Risiko: M

Definisi Risiko

Risiko kemerosotan kredit, termasuk kegagalan membayar hutang dan kerugian yang timbul akibat kegagalan syarikat untuk melaksanakan tanggungjawab pembayaran atau penstrukturan semula dengan berkesan.

Impak Risiko

Seperti yang diterangkan dalam **Prestasi Ekonomi** di bahagian Perkara Matan.

Deskripsi Risiko

Dalam keadaan kadar faedah yang tidak menentu, pemantauan risiko kredit sangat penting apabila pendedahan pelaburan pendapatan tetap kami meningkat.

Tindakan Mitigasi

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kredit memastikan pengesanan awal dan pengurusan holistik terhadap kemungkinan kemerosotan kredit.

Rangka Kerja ini menggunakan beberapa langkah untuk meminimumkan kerugian yang mungkin dihadapi oleh PNB atau UTF kami sekiranya berlaku kemerosotan kredit, termasuk:

- Pencetus tindakan pengurusan (MAT) melalui pengawasan sebaran kredit dan pertukaran gagal bayar kredit (CDS) bagi penerbit korporat dan penerbit berdaulat sebagai penunjuk amaran awal.
- Had risiko lain seperti yang dinyatakan dalam dasar barisan pertahanan pertama, rangka kerja, rancangan atau buku panduan masing-masing.

Penilaian Risiko ● Tinggi (H) ● Signifikan (S) ● Sederhana (M) ● Rendah (L)

2 Risiko Teknologi & Keselamatan Siber

TR Risiko Teknologi

Penilaian Risiko: M

Definisi Risiko

Risiko yang timbul daripada kegagalan teknologi atau pencerobohan siber sistem IT, aplikasi, platform atau infrastruktur, yang boleh mengakibatkan kerugian kewangan, gangguan kepada perkhidmatan atau operasi, atau kerosakan reputasi.

Impak Risiko

Seperti yang diterangkan dalam **Privasi dan Keselamatan Data** serta **Teknologi & Inovasi** di bahagian Perkara Matan.

Deskripsi Risiko

Penggunaan teknologi yang semakin meningkat oleh PNB melalui pendigitalan, pengkomputeran awan dan AI menyumbang kepada peningkatan pendedahan risiko, terutamanya risiko sistem dan keselamatan siber.

Tindakan Mitigasi

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Teknologi (TRMF) bertujuan untuk mengurus hasil prestasi, meminimumkan isu risiko yang boleh memberi kesan kepada teknologi dan daya tahan siber kami.

Rangka Kerja ini sentiasa dipertingkatkan berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Risiko Teknologi (GTRM) oleh SC. Technology Risk Universe, yang membentuk sebahagian daripada TRMF, berfungsi sebagai asas untuk kami menjalankan penilaian risiko sehubungan dengan teknologi dan daya tahan siber dalam operasi, sistem dan projek.

PNB telah mengukuhkan lagi sistem dan langkah keselamatan siber, kawalan dan tadbir urus kami melalui:

- Program peningkatan kematangan keselamatan siber
- KRI
- Menubuhkan barisan pertahanan pertama dan kedua yang bebas yang meliputi teknologi dan daya tahan siber
- Penilaian risiko tematik dan berterusan ke atas penyedia perkhidmatan teknologi
- Pemantauan risiko teknikal dan pentadbiran lain seperti yang dinyatakan dalam dasar, rangka kerja, rancangan dan buku panduan dalaman
- Program ujian pendidikan, kesedaran dan keselamatan di semua peringkat termasuk Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan, kakitangan, ejen dan pihak ketiga
- Penambahbaikan dan simulasi untuk program pengurusan insiden hujung ke hujung kami
- Pakatan strategik dengan agensi kerajaan yang dikenal pasti dan pakar bebas untuk mengukuhkan pertahanan keselamatan siber.

Rangka Tindakan Strategik Kami

LEAP 6: PELAN STRATEGIK 3 TAHUN (2025-2027)

Mandat Kami

Untuk meningkatkan kekayaan ekonomi masyarakat Bumiputera dan seluruh rakyat Malaysia, demi kemakmuran negara.

Matlamat Kami

Mengukuhkan kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi.

NILAI B.R.A.V.E

Berani | **Bertanggungjawab** | **Tangkas** | **Berwawasan** | **Memperkasa**
 (Bold) (Responsible) (Agile) (Visionary) (Empowering)



Mengembangkan AUM daripada RM337B kepada RM400B



Sifar Pelanggaran, Sifar Toleransi, Wawasan Strategik

Kajian Prestasi Strategik

Strategi PNB adalah berdasarkan pelan tindakan LEAP 6 tiga tahun yang terdiri daripada enam teras yang akan membentuk transformasi kami menjadi sebuah syarikat pelaburan dinamik dan berorientasikan jualan yang mampu melaksanakan Matlamat kami, iaitu “Mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi”. Di bawah, kami memberikan penjelasan tentang enam teras ini, serta menerangkan bidang tumpuan utama bagi setiap satu dan keutamaan kami pada tahun 2025. Kami juga telah menambah Tadbir Urus sebagai salah satu teras strategi, walaupun ia bukan teras LEAP 6, kerana tadbir urus yang baik mendasari segala yang kami lakukan.

Jualan dan Pengedaran

Teras Jualan dan Pengedaran memberi tumpuan kepada transformasi berterusan dalam perniagaan pengagihan yang berhadapan dengan pelanggan PNB, untuk memastikan keupayaan untuk menggerakkan tabungan rakyat Malaysia secara mampan.

Bidang Tumpuan Utama

- **Model Liputan Dipertingkat** – Mengorientasikan semula model operasi kami untuk memfokus kepada pelanggan dan aliran bersih, dengan segmentasi yang jelas dan sasaran serta insentif yang diselaraskan semula.
- **Rangkaian Pengagihan Dipertingkat** – Transformasi komprehensif rangkaian pengagihan serta usaha jualan dan pemasaran merentas semua saluran, dengan pengalaman pelanggan yang disusun semula berpandukan data.
- **Membina Pemboleh Daya yang Tepat** – Memperkukuh analisis data serta alat sokongan untuk barisan hadapan, dengan penekanan terhadap pembangunan bakat dan pembinaan kemampuan.

Keutamaan 2025:

- Lengkapkan pelan tindakan yang jelas dan spesifik untuk menangani inisiatif transformasi di semua saluran – cawangan, digital dan banca – serta ciri-ciri produk utama, pengalaman dan analisis pelanggan; dan pembangunan bakat.
- Mulakan usaha jualan dan pemasaran yang jelas dengan menyasarkan keperluan segmen tertentu, didorong oleh pemahaman yang lebih baik tentang pelanggan kami.
- Mengembangkan jangkauan usaha literasi kewangan kami, termasuk Program Celik MADANI untuk pelajar universiti dan KPBPB untuk pelajar sekolah menengah.

Pelaburan

Teras Pelaburan memberi tumpuan kepada meningkatkan pulangan dana unit amanah bawah pengurusan PNB, bagi memastikan keupayaan untuk memenuhi tahap pulangan sasaran dalam lingkungan tahap toleransi risiko yang diterima untuk setiap satu.

Bidang Tumpuan Utama

- **SAA** – Menetapkan sasaran SAA tiga tahun yang betul untuk dana unit amanah bawah pengurusan kami berdasarkan risiko dan sasaran pulangan yang telah ditetapkan dalam Penyata Penetapan Objektif dana berkenaan, dan menentukan peletakan serta usaha mengimbangi semula yang diperlukan untuk mencapai SAA tersebut.
- **Prestasi Kelas Aset** – Mengimbangi semula dan mengoptimumkan setiap portfolio kelas aset untuk memberikan pulangan yang diperlukan pada dana, dalam lingkungan risiko parameter yang telah ditetapkan.

Keutamaan 2025:

- Tetapkan pelan tiga tahun yang jelas untuk setiap kelas aset untuk menentukan peletakan dan pengimbangan semula inisiatif yang diperlukan dan laluan ke arah peruntukan dan pulangan sasaran SAA.
- Melaksanakan penciptaan nilai utama dan inisiatif pengimbangan semula portfolio bagi semua kelas aset untuk meningkatkan prestasi kelas aset dan meningkatkan hasil.
- Terus meningkatkan dan mengukuhkan proses pelaburan hujung ke hujung di semua kelas aset untuk mengukuhkan lagi kualiti penelitian wajar dan pembuatan keputusan; meningkatkan lagi keteguhan penilaian risiko, kawalan dan pengadang; dan memantapkan kualiti pemantauan dan pengawasan pelaburan.

Kajian Prestasi Strategik

Transformasi PNB Co

Teras Transformasi PNB Co memberi tumpuan kepada pengukuhan dan pengimbangan semula portfolio proprietari kami serta mengoptimalkan kecekapan operasi perusahaan, bagi meningkatkan lagi kapasiti PNB Co untuk memainkan peranan utamanya dalam menyokong operasi dana unit amanah kami.

Bidang Tumpuan Utama

- Meningkatkan hasil pelaburan dana proprietari kami melalui pengimbangan semula portfolio dan pengitaran semula modal secara berterusan.
- Mengoptimalkan kecekapan operasi PNB di seluruh perusahaan.
- Meningkatkan rizab kami melalui pelaburan semula keuntungan secara berterusan bagi memastikan kelestarian berterusan.



Keutamaan 2025:

- Melaksanakan penempatan portfolio yang dirancang dan mengimbangan semula inisiatif.
- Melaksanakan inisiatif peremajaan tenaga kerja untuk meningkatkan lagi metrik bakat kritikal termasuk pengambilan kakitangan.
- Menggariskan inisiatif berkaitan teknologi dan perbelanjaan untuk tiga tahun akan datang dalam pelan tindakan Teknologi.

Pengetahuan

Teras Pengetahuan memberi tumpuan kepada memangkinkan evolusi berterusan PNB sebagai organisasi berasaskan pengetahuan, dengan pengetahuan sebagai sumber kritikal kelebihan untuk daya saing PNB sebagai syarikat pelaburan bertaraf dunia yang terkemuka.

Bidang Tumpuan Utama

- Pembangunan Bakat – Membina keupayaan di semua peringkat dan membangunkan “pemimpin bak jurulatih” bagi memupuk budaya pertumbuhan dan prestasi tinggi.
- Perancangan Penggantian - Memperkukuh barisan pengganti kepimpinan untuk peranan kritikal misi, untuk memastikan kesinambungan dan kejayaan organisasi jangka panjang.



Keutamaan 2025:

- Melengkapkan kurikulum berasaskan peranan untuk fungsi utama di seluruh organisasi sebagai sebahagian daripada latihan penilaian dan pemetaan kecekapan berbilang tahun yang komprehensif untuk membolehkan laluan pembangunan yang jelas dan bersasar untuk semua bakat.
- Mengajukan PNB Knowledge Forum dan melancarkan laporan penyelidikan utama, serta output pengetahuan utama yang lain.
- Memantapkan lagi barisan bakat dan kepimpinan melalui perancangan penggantian berterusan dan inisiatif pembangunan kepimpinan.

Inovasi

Teras Inovasi memberi tumpuan kepada penjanaan idea inovatif baharu untuk perusahaan berdasarkan metodologi Amazon’s Working Backwards, terutamanya dalam menyokong aktiviti jualan dan pengagihan kami, serta mencari cara untuk mengoptimalkan dan menambah baik proses dalaman.

Bidang Tumpuan Utama

- Memperkenalkan dan memupuk metodologi Amazon’s Working Backwards yang berfokuskan pelanggan dalam kalangan kakitangan PNB melalui program Masterclass yang intensif, termasuk bengkel hujung ke hujung, temu bual pengesahan pelanggan, pembentangan cadangan dan inkubasi.
- Menyokong pasukan jualan dan pengagihan, terutamanya barisan hadapan jualan, serta pasukan segmen dan produk untuk menangani masalah utama pelanggan dengan idea baharu dan metodologi Working Backwards.
- Meneroka cara baharu untuk mengoptimalkan kecekapan proses dalaman dan mengurangkan masalah utama dalaman.



Keutamaan 2025:

- Bekerjasama dengan pasukan barisan hadapan untuk menyokong inisiatif utama jualan dan produk, termasuk pengintegrasian idea dan usaha inovasi utama ke dalam strategi yang lebih umum.
- Meneruskan usaha pengaktifan di seluruh perusahaan, sama ada di ibu pejabat atau di seluruh rangkaian cawangan.
- Menerokai cara untuk “enzim” inovasi menyelesaikan masalah utama yang dihadapi oleh kakitangan kami dalam seluruh operasi harian.

Kelestarian

Teras Kelestarian memberi tumpuan kepada pencapaian berterusan 10 Komitmen ESG bawah Rangka Kerja Kelestarian kami, yang mula dilancarkan pada tahun 2022.

Bidang Tumpuan Utama

- **Persekitaran: NZE menjelang 2025 (Skop 1 & 2);** NZEP menjelang 2050; RM10 bilion pelaburan dalam aset hijau dan peralihan menjelang 2030.
- **Sosial:** Melaksanakan Dasar Gaji Kehidupan Wajar di PNB; mengguna pakai Dasar Hak Pekerja; 40% wanita dalam kepimpinan PNB menjelang 2025; Memperkasa komuniti melalui Pelaburan Sosial.
- **Tadbir Urus:** Pengawasan Triple Bottom Line; ketelusan pengundian; pelaporan sejajar TCFD.

Keutamaan 2025:

- Mencapai status NZE untuk pelepasan Skop 1 dan 2.
- Mencapai tahap 40% wanita dalam peranan kepimpinan.
- Menggalakkan penggunaan Dasar Gaji Kehidupan Wajar oleh lebih banyak syarikat strategik.

Tadbir urus

Walaupun bukan teras yang berdiri sendiri, namun aspirasi tadbir urus dinyatakan dalam LEAP 6 – “Pelanggaran Sifar. Toleransi Sifar. Wawasan Strategik.” – menegaskan lagi kepentingan kritikal sistem tadbir urus dan kawalan dalaman yang teguh sebagai asas kesejahteraan institusi untuk PNB.

Bidang Tumpuan Utama

- **Anti Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Balas Keganasan** – Berusaha untuk mencapai tahap kematangan yang strategik untuk kawalan AML.
- **Keselamatan Siber** – Mencapai tahap kemantapan siber yang lebih tinggi.
- **ESG** – Mengintegrasikan ESG ke dalam amalan tadbir urus di seluruh barisan pertahanan.
- **Wawasan Strategik** – Kekal di barisan hadapan peraturan yang berkembang, serta memanfaatkan teknologi dan AI untuk mendapatkan ilmu tambahan.
- **Penambahbaikan Berterusan** – Meningkatkan secara berterusan kualiti dan keteguhan unsur tadbir urus utama, seperti pengujian kawalan dalaman.

Keutamaan 2025:

- Meneruskan pelaksanaan program keselamatan siber kami yang komprehensif, iaitu Program Himaya.
- Tahun pertama pelaksanaan Pelan Strategik Pengurusan Risiko.
- Merangka dan memuktamadkan Pelan Strategik untuk fungsi Pematuhan dan Integriti.

Memperkasa Masa Depan Melalui Inovasi Digital



Inovasi Digital sebagai Pemangkin Strategik

Inovasi digital terus menjadi asas bagi agenda transformasi PNB, yang mendasari usaha kami untuk merancang semula cara kami menyampaikan nilai jangka panjang kepada semua pihak berkepentingan. Dalam usaha kami merangka fasa pertumbuhan yang seterusnya di bawah pelan strategik LEAP 6, teknologi memainkan peranan penting dalam membolehkan rangkuman kewangan yang lebih besar, memperibadikan pengalaman pelabur, dan mengukuhkan operasi kecekapan.

Fokus pada pendigitalan ini mencerminkan komitmen kami untuk menjadi institusi pelaburan sedia masa hadapan — institusi yang boleh mengemudi persekitaran ekonomi dan teknologi yang berkembang pesat sambil kekal pada Matlamat teras kami untuk mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Pada tahun 2024, kami mencapai kemajuan yang bermakna dalam teras digital kami, dipandu oleh cita-cita kami untuk mengembangkan AUM kepada RM400 bilion menjelang 2027 dan memacu pemeraksanaan kewangan negara yang inklusif.

Meluaskan Akses Melalui Ekosistem Digital yang Lancar

PNB meneruskan usaha untuk mempercepat akses digital dengan membina ekosistem pelaburan yang lebih inklusif, intuitif dan meluas. Nadinya ialah aplikasi myASNB, platform pelaburan digital semua-dalam-satu kami, dengan pangkalan penggunaanya berkembang kepada 3.7 juta pada 2024 – iaitu peningkatan 17% daripada tahun sebelumnya. Muat turun aplikasi juga melonjak 45%, mencecah 7.3 juta, mencerminkan peningkatan minat pengguna terhadap saluran pelaburan digital.

Pada hari ini, satu pertiga daripada jumlah jualan kasar ASNB - berjumlah RM14.4 bilion tahun setakat ini - dijalankan melalui platform digital. Pertumbuhan ini disokong oleh pengenalan kaedah pelaburan yang dipermudah dan ciri-ciri yang menggalakkan simpanan berulang, seperti fungsi Auto Labur. Dengan pelaburan minimum hanya RM10 sebulan, rakyat Malaysia kini boleh mengautomatiskan simpanan mereka dan membina tabiat jangka panjang yang berdisiplin dengan mudah.

Untuk meluaskan lagi capaian kami, individu Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas kini boleh membuka akaun ASNB secara langsung melalui aplikasi TnG eWallet. Integrasi antara PNB dan TnG eWallet ini menawarkan cara yang mudah untuk rakyat Malaysia menguruskan pelaburan mereka secara digital.

Skala Capaian Digital

Pengguna aplikasi myASNB meningkat sebanyak 17% Tahun-ke-Tahun kepada 3.7 juta, dengan muat turun aplikasi melonjak 45% kepada 7.3 juta pada 2024 – mencerminkan momentum yang kuat dalam penggunaan digital.

Memperibadikan Perjalanan Pelabur melalui Inovasi

Suatu pencapaian penting dalam evolusi digital kami ialah pelancaran ASNB Ria pada Mac 2024 – perkhidmatan penasihat robot pertama PNB yang terdapat dalam aplikasi myASNB. Ria direka untuk memudahkan dan memperibadikan pengalaman pelaburan, yang mencipta portfolio khusus berdasarkan matlamat dan pertimbangan risiko pelabur individu. Platform ini menggunakan algoritma pintar untuk mengimbangi semula portfolio secara automatik dan melaburkan semula dividen, untuk memastikan ia sejajar dengan matlamat kewangan yang berkembang.

Sejak dilancarkan, ASNB Ria telah menerima lebih daripada 220,000 orang pengguna dengan jumlah AUM sebanyak RM55 juta setakat 31 Disember 2025. Dengan titik masuk serendah RM100, platform itu menawarkan penyelesaian pelaburan yang canggih yang sebelumnya hanya boleh dicapai oleh individu yang kaya – sekali gus menepati matlamat kami untuk menawarkan alat pembina kekayaan yang boleh dicapai oleh semua orang.

Memperkuh Infrastruktur dan Ketahanan Siber

Dengan penggunaan digital yang semakin pantas, kami kekal fokus pada usaha membina asas digital yang berdaya tahan dan selamat. Ekosistem teknologi kami disokong oleh struktur organisasi yang teguh, diketuai oleh Ketua Pegawai Teknologi ("CTO") dan Ketua Pegawai Keselamatan Maklumat ("CISO") yang dilantik khas, bersama-sama dengan pasukan khusus dalam bidang seni bina perusahaan, operasi infrastruktur dan keselamatan siber.

Kejayaan Penasihat Robot

ASNB Ria, platform penasihat robot pertama PNB, berjaya menarik lebih daripada 220,000 pengguna dan memperoleh lebih daripada RM55 juta dalam AUM dalam tempoh 10 bulan selepas dilancarkan, menandakan aras pencapaian baharu dalam bidang pelaburan digital peribadi

Kesemua pasukan ini memainkan peranan penting dalam memastikan kebolehpercayaan platform, perlindungan data dan pematuhan peraturan – memikul kepercayaan 16.2 juta pemegang akaun kami. Rangka kerja tadbir urus kami memastikan pengurusan risiko yang proaktif dan selari dengan amalan terbaik keselamatan siber di peringkat global, terutamanya dalam usaha kami meningkatkan penawaran digital dan memperkenalkan saluran-saluran digital baharu.

Kepimpinan kami dalam transformasi digital telah diperakui di Anugerah Kecemerlangan Digital PIKOM 2024, apabila PNB telah diiktiraf atas inovasi dan kemajuan digitalnya. Pengiktirafan daripada pihak luar ini menguatkan komitmen kami untuk membina ketangkasan, keselamatan dan pemikiran diterajui teknologi dalam setiap aspek perniagaan kami.

Membentuk Masa Depan Pelaburan, Hari Ini

Kemajuan digital kami pada tahun 2024 mencerminkan suatu transformasi lebih luas yang sedang berlaku di PNB – transformasi yang menggabungkan Matlamat dengan inovasi untuk membina institusi kewangan yang lebih inklusif dan bersedia untuk masa hadapan. Usaha ini bukan sahaja memanfaatkan pemegang unit saham kami pada hari ini tetapi juga meletakkan asas untuk pertumbuhan hari mendatang.

Pendigitalan akan menjadi pemboleh utama dalam usaha kami mencapai salah satu matlamat LEAP 6 iaitu mencapai RM400 bilion AUM menjelang 2027. Pendigitalan membolehkan kami mencapai khalayak baharu, menawarkan lebih banyak pengalaman peribadi, dan memupuk budaya menyimpan dan melabur secara konsisten merentas generasi.

Seterusnya untuk masa depan, kami akan terus mengembangkan platform kami dengan ciri memperibadikan yang lebih baik, analisis yang lebih mendalam dan pengalaman pengguna yang lebih intuitif. Kami juga sedang meneroka peluang untuk menyelaraskan strategi digital kami dengan agenda ESG kami – memanfaatkan teknologi untuk memacu pelaburan mampan, penglibatan beretika, dan hasil yang bermakna kepada pihak berkepentingan kami.

Perjalanan digital kami adalah suatu kemajuan berterusan – bersandarkan Matlamat, dikuasakan oleh inovasi, dan direka untuk mengukuhkan kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi, sekarang dan pada masa akan datang.

Penutusan Ketua Pegawai Sumber Manusia

**Membina Keupayaan,
Memupuk Budaya
Kerja, Mendayakan
Pertumbuhan**



Norhanifah A. Jalil

Ketua Pegawai Sumber Manusia

Tahun 2024 merupakan tempoh transformasi yang terpenting buat PNB — bagi organisasi dan juga bagi Bahagian Modal Insan. Transformasi ini berlaku secara berterusan dan sangat mengujakan — daripada perpindahan kami ke Menara Merdeka 118 hinggalah ke pelantikan PGCE baharu, pengenalan nilai teras B.R.A.V.E, penambahbaikan strategi LEAP 6, dan penyusunan semula struktur korporat - perubahan yang berterusan dan bersifat katalitik.

Sepanjang transformasi yang intensif ini, strategi Modal Insan kami kekal berpaksi teguh pada pengalaman dan pembinaan keupayaan kakitangan. Komitmen kami adalah untuk menyerlahkan potensi setiap kakitangan bagi meningkatkan prestasi — secara individu, dalam pasukan, dan di seluruh organisasi. Kami bukannya menyusun semula pada tahun 2024, sebaliknya ia merupakan pecutan bagi mempercepat pencapaian strategi Modal Insan yang lebih luas. Kami terus melangkah dengan penuh tenaga dan tumpuan pada keutamaan strategik — terutamanya dalam aspek membina keupayaan, memupuk budaya kerja, dan mempertingkatkan pengalaman kakitangan.

Pembinaan Keupayaan: Meningkatkan Penanda Aras

Strategi bakat kami adalah tentang pembentukan keupayaan yang betul untuk mencapai hasil perniagaan dan memastikan kelangsungan penggantian kakitangan. Kami memperkenalkan Laluan Pembelajaran Berasaskan Peranan bagi menyediakan panduan yang jelas untuk kakitangan, bagi memastikan keperluan pembangunan mereka diutamakan, fokus dan bermatlamat. Pendekatan berstruktur ini membentuk asas penting untuk kami berkembang ke arah pembangunan penilaian kecekapan dan kemahiran bersasar bagi menangani jurang keupayaan.

Kami juga meneruskan usaha untuk mendemokrasikan akses kepada pembelajaran melalui platform digital kami, dengan meletakkan LearnHub sebagai pusat saluran program mandatori dan berkaitan pematuhan, untuk memastikan penggunaan pantas dan capaian seluruh organisasi di samping menjadikan pembelajaran kritikal mudah diakses apabila diperlukan. Koleksi kandungan kami berkembang melalui produksi dalaman dan juga melalui kerjasama

dengan pembekal luar seperti LinkedIn Learning. Pada masa yang sama, kami meneruskan usaha untuk mengukuhkan keupayaan dalaman dengan mereka bentuk laluan pembelajaran serta mengkurasi kandungan yang disasarkan.

Untuk meluaskan lagi peluang pembangunan, kami menguji program baharu menggunakan pendekatan yang tidak konvensional seperti Latihan Amali Dalaman dan Pertukaran Bakat dengan organisasi rakan kongsi. Program perintis ini mendedahkan kakitangan kepada pelbagai fungsi dan syarikat, dan peluang untuk mendapatkan pengalaman sebenar bekerja dalam persekitaran yang berbeza, di samping meluaskan rangkaian profesional mereka.

Pelan penggantian kekal sebagai agenda utama. Pada tahun 2024, kami telah memperbaharui pemetaan pengganti dan penilaian kesediaan untuk kedudukan kepimpinan tertinggi dan jawatan kritikal, dilengkapi dengan penggiliran kepimpinan kanan bagi semua peranan utama. Penggiliran ini memberikan pengalaman yang lebih luas dan mewujudkan pasukan kepimpinan yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai fungsi yang berbeza dalam organisasi.

Kami akan terus memperbaharui dan memurnikan laluan kepimpinan tersendiri kami — inisiatif pembangunan kepimpinan tersendiri yang dicipta untuk meningkatkan keupayaan kepimpinan di semua peringkat. Bagi menyokong lagi pertumbuhan kepimpinan, kami memperkenalkan Program Pensijilan Kejurulatihan dalaman, yang membolehkan pemimpin menjadi pemboleh daya prestasi dan penglibatan ibarat seorang jurulatih. Menyedari keperluan untuk memupuk budaya bimbingan, program ini juga memupuk kerjasama antara fungsi dan antara generasi, meningkatkan komunikasi dan membina persekitaran tempat kerja yang telus serta amat dipercayai.

Komitmen kami kepada peranan wanita dalam kepimpinan semakin menunjukkan hasil, dan kami semakin menghampiri sasaran 40% wanita dalam peranan kepimpinan. Program Women of Will Leadership, yang dilancarkan sebagai sebahagian daripada komitmen ini, bertujuan untuk mempertingkatkan pertumbuhan dan pembangunan profesional pemimpin wanita kami. Dua kohort telah berjaya diselesaikan dan program ini sedang membina saluran yang kukuh bagi pemimpin wanita masa depan serta mengukuhkan komitmen ESG PNB.

Budaya & Keterangkuman: Tujuan Penerapan

Kami menerapkan nilai B.R.A.V.E ke dalam Rangka Kerja Pengurusan Prestasi kami yang telah diperbaharui, dan menyepadukan nilai sebagai komponen utama bagi penilaian prestasi. Perkara ini terpakai untuk semua kakitangan, dengan penekanan khusus kepada pemimpin. Penjajaran budaya yang lebih mendalam ini akan memperkukuh tingkah laku yang penting untuk kejayaan mampan.

Pelancaran WIN dan Program Women of Will Leadership menggalakkan lagi budaya keterbukaan, keterangkuman dan saling

berhubung, yang menekankan komitmen kami terhadap kepelbagaian dan keterangkuman.

Pengalaman Kakitangan: Menggalakkan Pertumbuhan

Kami akan terus menambahbaik pengalaman kakitangan – dengan mengkurasi titik sentuh yang bersifat empatik, inklusif dan boleh memperkasa sepanjang kitaran hayat kakitangan. Laluan kerjaya yang tersusun, program mobiliti dalaman serta inisiatif pembangunan bersasaran mewujudkan peluang baharu untuk pertumbuhan dan kemajuan.

Tahun 2024 juga menyaksikan pelancaran Rangka Kerja Kesukarelawanan dan pengembangan Program Biasiswa kami meliputi Biasiswa Merdeka yang disasarkan untuk siswa tempatan dan Program BUDI-TVET bersama rakan kongsi luaran kami. Inisiatif ini membuktikan keyakinan kami dalam memainkan peranan untuk memajukan masyarakat dan memperkasa PNB sebagai institusi yang mempunyai tujuan dan komited dalam pembinaan negara.

Memandang ke Hadapan: 2025 dan Seterusnya

Pada tahun 2025, kami akan mengekalkan momentum kami dengan:

- Meningkatkan pembangunan keupayaan barisan hadapan, terutamanya dalam Jualan dan Penedaran
- Memperkukuh usaha membina budaya kerja di semua peringkat
- Memperluas saluran pembangunan pemimpin dan pelan penggantian untuk peranan penting di peringkat pengurusan kanan dan taktikal
- Memperkasa pengurus kakitangan melalui alat pengupayaan prestasi dan kepimpinan
- Meningkatkan proses analisis untuk keputusan bakat berpandukan data
- Melancarkan Gaji Kehidupan Wajar 2.0 dan memenuhi sasaran 40% wanita dalam kepimpinan

Kami akan terus meletakkan penanda aras kami berbanding peneraju industri untuk kekal sebagai majikan pilihan. Walaupun kadar susutan tenaga kerja kami kekal rendah, yang mencerminkan penglibatan erat kami dengan kakitangan, namun kami komited untuk terus memperbaiki diri bagi memenuhi keperluan tenaga kerja yang semakin berkembang.

Pada akhirnya, kami berhasrat untuk mewujudkan persekitaran kerja yang mana kakitangan diinspirasi oleh Matlamat, diperkasa untuk berkembang, dan bangga untuk menyumbang kepada sesuatu yang lebih besar. Perjalanan transformasi kita berterusan — dengan berani, bertanggungjawab, dan dengan azam yang kuat untuk membina PNB yang bersedia untuk masa hadapan, dengan setiap kakitangan berpeluang untuk berkembang maju dan memberi impak yang berkekalan.

Ulasan Ketua Pegawai Pelaburan Kumpulan

**Hanizan Hood**

Ketua Pegawai Pelaburan Kumpulan

Saya berbesar hati untuk membentangkan laporan prestasi pelaburan PNB bagi tahun 2024. Walaupun berdepan keadaan pasaran yang tidak menentu, kami memberikan hasil yang kukuh kepada pemegang unit kami.

Daripada perspektif portfolio, dana FP kami memberikan hasil yang kukuh, mengekalkan sebaran yang sihat berbanding penanda aras kadar simpanan tetap 12 bulan di Malaysia dan mencapai pulangan terbaik mereka dalam tempoh lima tahun. ASB khususnya, telah mengisytiharkan pengagihan pendapatan yang kukuh sebanyak 5.75 sen seunit, 9.5% lebih tinggi daripada 5.25 sen seunit pada 2023. Ini bermakna sejumlah RM10.1 bilion telah diagihkan kepada 11.1 juta pemegang unit. Kami juga sangat berpuas hati dengan dana VP kami, yang mencapai jumlah pulangan tertinggi dalam pasaran, mengatasi penanda aras masing-masing. 11 daripada 12 dana VP kami berada pada kedudukan dua kurtail teratas antara dana setara mengikut kategori masing-masing.

Pada masa yang sama, seperti dinyatakan, kami sangat teruja melihat bukan sahaja AUM kami berkembang, tetapi juga UIC kami – masing-masing kepada RM348.3 bilion dan 281.7 bilion unit – selepas kedua-duanya merosot sedikit pada 2023. Secara kumulatif, pada 2024, kami mengagihkan RM14.6 bilion pendapatan melalui dana kami kepada 13.1 juta pemegang unit unik merentas 16.2 juta akaun.

Secara keseluruhan, ekonomi global sekali lagi berjaya mengelakkan penyesuaian ekonomi yang terkawal apabila pasaran ekuiti melonjak dengan kukuh, didorong oleh pendapatan yang kukuh dan pertumbuhan yang dipacu oleh inovasi. Prestasi pendapatan tetap juga tidak begitu memberangsangkan, terjejas oleh normalisasi kadar dasar yang lebih perlahan daripada jangkaan serta ketidaktentuan geopolitik. Dari segi pasaran, ekonomi maju mengatasi ekonomi yang baru muncul.

Ekuiti global, mengikut ukuran MSCI ACWI, mencapai purata pulangan 17.5%; manakala S&P 500 mencatatkan keuntungan

lebih daripada 20% untuk tahun kedua berturut-turut. Dalam ASEAN, FBMKLCI menonjol sebagai bursa saham berprestasi terbaik, dengan jumlah pulangan sebanyak 12.9%. Sebaliknya, Indeks Agregat Global Bloomberg mencatatkan jumlah pulangan negatif sebanyak -1.7% dalam dolar AS untuk tahun tersebut, manakala BPAM All Bond Index tempatan mencatatkan +4.3%.

Sementara itu, kedua-dua sektor hartanah dan ekuiti persendirian mencatatkan prestasi bercampur-campur tetapi berdaya tahan pada tahun 2024. Kadar faedah dan kos pinjaman yang tinggi terus memberi tekanan ke atas urus niaga dan penilaian hartanah di peringkat global, apabila aktiviti ekuiti persendirian kekal berhati-hati dalam persekitaran urus niaga yang lebih berwaspada. Pengumpulan dana dilakukan secara terpilih, dengan modal lebih memihak kepada pengurus yang berpengalaman dan strategi yang telah terbukti, manakala jumlah pelupusan mencatatkan penurunan sederhana berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Kepelbagaian adalah elemen penting dalam strategi kami yang cuba untuk memperluaskan lagi gabungan aset dan geografi portfolio kami. SAA berdasarkan andaian pasaran modal jangka panjang menambat strategi keseluruhan kami dengan tumpuan ke arah mewujudkan peruntukan sasaran jangka panjang untuk setiap kelas aset. Sementara itu, TAA dan DAA membolehkan penambahbaikan peruntukan sasaran ini secara pendek-ke-sederhana dan pengimbangan semula portfolio kami dengan parameter yang ditentukan. Matlamatnya adalah untuk meraih keuntungan dan peluang hasil daripada penetapan harga pasaran yang tidak tepat dan ketidakstabilan pasaran tanpa melupakan sasaran SAA yang sebenar.

Pelarasan semula DAA semasa lebih cenderung ke arah peningkatan peruntukan dalam pendapatan tetap, khususnya pendapatan tetap global, selaras dengan trajektori SAA kami.

Bagi TAA kami, kami menyedari bahawa dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini, pasaran telah dipacu oleh prestasi luar biasa segelintir syarikat-syarikat teknologi mega-cap berorientasikan pertumbuhan tinggi yang berpusat di AS, namun, trend ini tidak mampan.

Pempelbagaian yang lebih meluas ke dalam syarikat-syarikat defensif dan berkualiti tinggi merentasi pasaran dan sektor, adalah kunci kepada pulangan yang mampan, terutamanya apabila ketidakstabilan pasaran meningkat dan momentum pendapatan mula menyederhana.

Penilaian pasaran yang tinggi menjadikan proses pelaburan yang kukuh dan berdisiplin semakin penting.

Melangkah ke hadapan, persekitaran luaran semakin mencabar dengan ketidaktentuan berlarutan yang menimbulkan risiko kepada ekonomi global dan pasaran kewangan. Kami menjangkakan turun naik pasaran akan kekal tinggi apabila pasaran menyesuaikan diri dengan ketegangan geopolitik, gangguan pada rantai bekalan dan dasar perdagangan yang sering berubah-ubah – kesemua ini menekankan lagi kepentingan mengekalkan portfolio yang pelbagai.



ASB mengisytiharkan pengagihan pendapatan yang kukuh sebanyak 5.75 sen seunit, 9.5% lebih tinggi berbanding tahun 2023.

Sementara kami mengambil pendekatan berhemah terhadap ekuiti awam disebabkan risiko jangka pendeknya, kami akan mengambil kesempatan daripada turun naik pasaran untuk mengumpul saham yang mempunyai asas kukuh pada penilaian yang menarik untuk membina pendedahan teras jangka panjang. Kami percaya dengan kekal tangkas dan berpegang kepada objektif kami, kami boleh mengharungi ketidaktentuan ini sambil merebut peluang untuk memacu pertumbuhan yang konsisten.

Sebagai sebuah ekonomi kecil yang terbuka, pasaran kewangan domestik dan Ringgit mungkin tidak kebal sepenuhnya terhadap gangguan luaran. Namun, ekuiti Malaysia akan kekal sebagai teras kepada portfolio pelbagai aset kami. Kami mengambil pendekatan berhati-hati tetapi optimistik terhadap asas makro jangka panjang negara, yang ditunjangi oleh kesinambungan dasar dan pembaharuan yang akan memacu ekonomi dan pasaran modal. Dengan itu, kami akan mencari peluang pelaburan sambil terus berusaha untuk meningkatkan jumlah pulangan pemegang saham dan penciptaan nilai dalam syarikat-syarikat domestik tempat kami memiliki pegangan saham yang besar.

Walaupun terdapat risiko penurunan, hasil bon kekal tinggi, yang meyakinkan kami untuk bertindak meningkatkan peruntukan dalam pendapatan tetap dan kredit global di seluruh pasaran awam dan persendirian. Kami juga melihat nilai yang menarik dalam aset alternatif, khususnya dalam kredit dan infrastruktur persendirian, yang boleh melengkapkan pegangan aset tradisional kami dengan meningkatkan pulangan dan mengurangkan korelasi. Strategi ini - bersama-sama dengan fokus kami terhadap mempelbagaian dan pendapatan - direka untuk mengukuhkan daya tahan portfolio. Meskipun berdepan dengan kemungkinan gangguan pasaran, termasuk inflasi yang berterusan dan pertumbuhan global yang lebih perlahan daripada jangkaan, kami yakin kami akan dapat mencapai Mandat dan Matlamat kami. Dengan berpandukan Pelan Strategik Leap 6 dan SAA, kami mempunyai laluan yang jelas dan konsisten untuk memacu pertumbuhan dan prestasi portfolio untuk jangka panjang. Kami sentiasa komited untuk memberikan nilai yang berkekalan kepada pemegang unit kami, mengembangkan pelaburan mereka secara bertanggungjawab dan berusaha ke arah kejayaan kewangan mereka.

Perumpukan Aset Strategik

PNB mengamalkan falsafah pelaburan berasaskan nilai yang mengimbangi strategi berbeza di semua kelas aset, daripada pegangan jangka panjang dalam syarikat berkualiti dengan hasil berulang yang stabil, kepada pelaburan yang dipacu momentum dengan keuntungan modal melalui aktiviti perdagangan. Pendekatan ini digabungkan dengan perspektif atas ke bawah berpandukan pandangan makro jangka panjang dan sasaran perumpukan aset yang optimum, dengan pendekatan didorong asas dari bawah ke atas dalam pemilihan aset untuk mencipta nilai.

Kepelbagaian aset dan geografi adalah penting dalam strategi kami, membolehkan kami membina portfolio yang seimbang dan berdaya tahan dengan profil risiko yang berhemat untuk memberikan pulangan yang mampan kepada pemegang unit kami.

Kesemua prinsip ini mendasari Rangka Kerja SAA kami, yang memandu peletakan sasaran peruntukan modal jangka panjang kami di pelbagai kelas aset. Sasaran SAA yang disesuaikan untuk setiap dana di bawah pengurusan PNB dibangunkan dengan mengambil kira kehendak risiko, sasaran pulangan dan kekangan pelaburan. Unjuran jangka pendek dan jangka panjang, termasuk jangkaan risiko dan tahap pulangan bagi kelas aset boleh dilabur, turut diambil kira dalam objektif ini.

Proses SAA yang kolaboratif dan bertanggungjawab ini diamal pakai di seluruh organisasi untuk menyelaraskan sumber dan kemahiran kami ke arah mencapai objektif dana demi manfaat pemegang unit. Melalui pendekatan berstruktur dan inklusif ini, PNB memperolehi pengetahuan yang lebih tepat dan terkini tentang faktor-faktor asas yang memberi kesan kepada jangkaan risiko dan pulangan pelaburan, yang membawa kepada keputusan peruntukan jangka panjang yang lebih optimum. Pendekatan ini termasuklah menggabungkan pandangan terbaik yang telah dikumpulkan oleh setiap unit perniagaan hasil penglibatan aktif mereka dengan pelbagai pemimpin industri.

Menyedari dana kami beroperasi dalam persekitaran global yang kompleks, kami telah menambah sasaran SAA jangka panjang kami dengan kecondongan taktikal jangka sederhana dan jangka pendek, masing-masingnya melalui DAA dan TAA. Perkara ini memberikan kami fleksibiliti untuk membuat anjakan sementara dan sengaja dalam julat perumpukan aset yang diluluskan. Tambahan pula, semua aspek strategi pelaburan kami diasaskan pada dasar pengurusan risiko yang teguh untuk memastikan daya tahan dan kecairan yang mencukupi pada setiap masa untuk memenuhi sebarang liabiliti semasa kami mengejar peluang pelaburan yang sesuai. Kami akan terus menilai dan mentaksir laluan penggunaan setiap dana sambil kami mengemudi secara berhemat perjalanan kepelbagaian portfolio kami, dan secara proaktif mengurus keadaan pasaran yang berkembang serta keperluan kecairan segera.

Pelaburan Strategik

Pasukan Pelaburan Strategik memantau Syarikat Strategik dan Teras kami bagi memastikan penciptaan nilai, memandangkan hal ini sangat penting untuk kami meningkatkan nilai pemegang saham dan melindungi pelaburan kami serta dana unit amanah yang kami uruskan. Kami berazam untuk mendapatkan pulangan yang optimum dan mampan untuk pemegang unit kami melalui analisis yang teliti dan pendekatan pengurusan yang proaktif.



Teras bagi misi kami ialah proses analisis, penilaian dan pelaksanaan strategik yang berterusan dan sistematik. Pasukan kami mengenal pasti, menilai dan mengesyorkan latihan korporat — termasuk penggabungan dan pengambilalihan, penstrukturan semula dan rasionalisasi — untuk menghasilkan nilai dan mengoptimumkan pulangan. Kami mengenal pasti sifat kitaran pelaburan, oleh itu kami secara strategik mengeluarkan nilai daripada pegangan matang dan secara aktif menggunakan modal melalui pelan pelaburan semula dividen, sukuk, sekuriti kekal dan instrumen inovatif lain. Pendekatan terukur ini memastikan realisasi pelaburan dilakukan pada masa yang sesuai, memaksimumkan pulangan sambil mengurangkan risiko seperti turun naik pasaran, ketidaktentuan ekonomi, perubahan peraturan, faktor geopolitik dan gangguan industri.

Selain pengurusan pelaburan, kami juga memainkan peranan penting dalam memupuk hubungan yang teguh dengan Lembaga Pengarah, pasukan pengurusan, pelabur bersama, penggubal dasar dan pemegang berkepentingan utama lain dalam syarikat pelaburan kami. Penglibatan rapat ini bukan sahaja untuk melindungi pelaburan PNB tetapi juga untuk memacu penciptaan nilai yang mampan di seluruh organisasi.

Secara kesimpulannya, melalui komitmen terhadap kecemerlangan dalam tadbir urus, pengawasan dan penggunaan modal strategik, pasukan Pelaburan Strategik bertindak sebagai teras kepada misi PNB untuk memberikan pulangan jangka panjang yang unggul kepada pemegang berkepentingan kami.

Pelaburan Strategik

Inisiatif 2024

Pada tahun 2024, kami terus menyokong usaha PNB untuk mengimbangkan semula portfolio dan melaksanakan kepelbagaian di semua kelas aset, sektor dan pasaran geografi yang berbeza.

Kami juga memberi sokongan kepada Syarikat Strategik dan Teras kami dalam melaksanakan pelbagai latihan termasuk pembangunan perniagaan, pelaburan baharu dan tambahan, pelupusan, penstrukturan semula modal, pemulihan serta penggabungan dan pengambilalihan.

Pendapatan dividen yang kami jana memainkan peranan penting dalam membolehkan dana unit amanah terus menawarkan pulangan yang kompetitif.

Melangkah ke hadapan, sasaran kami adalah untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam memacu Syarikat Strategik kami agar dapat memberikan nilai

pemegang saham yang lebih baik, bermula dengan menyampaikan penerangan yang jelas kepada Lembaga Pengarah syarikat mengenai harapan kami. Usaha ini adalah selaras dengan inisiatif GEAR-uP Kerajaan untuk meningkatkan prestasi Korporat Malaysia.

Kami juga akan mengekalkan tumpuan yang kukuh pada penempatan semula modal yang strategik untuk meningkatkan jumlah pulangan pemegang saham dan membuka potensi nilai untuk pihak berkepentingan. Sehubungan itu, kami sedang bekerjasama dengan pasukan Ekuiti Awam untuk menyediakan laluan yang jelas dan tersusun bagi mengimbangi semula portfolio ekuiti awam domestik. Pelan ini menggariskan langkah dan inisiatif utama untuk mengoptimumkan prestasi aset, mengukuhkan hasil kewangan, dan adalah sejajar dengan Teras 2 dalam strategi LEAP 6 PNB.

Syarikat Strategik

Malayan Banking Berhad (TKB 31 Disember 2024 Telah Diaudit)

Maybank ditubuhkan pada 1960 dan pada hari ini merupakan syarikat terbesar berdasarkan permodalan pasaran di Bursa Saham Malaysia (Bursa Malaysia), dan antara 500 syarikat teratas dalam senarai syarikat terkemuka dunia oleh Forbes Global 2000. Maybank turut tersenarai sebagai salah satu Syarikat Terbaik Dunia Time's 2024.

Kumpulan Maybank menawarkan rangkaian produk dan perkhidmatan kewangan yang komprehensif, termasuk perbankan pengguna dan perniagaan, perbankan korporat dan transaksi, perbankan pelaburan dan khidmat nasihat, pasaran global, pengurusan aset, penyelesaian kewangan Islam, insurans dan takaful serta perkhidmatan kewangan digital dan mudah alih yang lain.

Matlamat Maybank adalah untuk menjadi platform dipacu nilai yang dikuasakan oleh tenaga kerja bionik. Maybank berazam untuk menjadikan perkhidmatan kewangan mudah serta boleh diakses dan intuitif, selaras dengan misi kami untuk



Pendapatan	RM68,943 juta
Permodalan Pasaran	RM123,566 juta
PATAMI	RM10,089 juta
Pegangan Saham	43.7%

Menginsankan Perkhidmatan Kewangan. Berikutan itu, Maybank memberikan tumpuan kepada mewujudkan persekitaran digital dan fizikal yang lancar untuk akses kewangan, menjalin perkongsian yang dipercayai untuk kemampuan jangka panjang, dan menawarkan perkhidmatan yang mencerminkan asas etikanya yang kukuh. Aspek utama misi ini termasuklah penetapan harga yang adil, cerapan terdorong data untuk pengalaman pelanggan yang diperibadikan, dan sentiasa berada dekat dengan komuniti.

Nota: Pegangan Saham dan Permodalan Pasaran pada 31 Disember 2024

Sime Darby Berhad (TKB 30 Jun 2024 Telah Diaudit)



Sime Darby Berhad (Sime) merupakan rakan kongsi pilihan kepada beberapa jenama terkemuka dalam industri peralatan dan sektor automotif, yang memberikan nilai yang mampan kepada pemegang taruhnya melalui kecemerlangan operasi, standard berprestasi tinggi dan tadbir urus korporat yang baik. Ditubuhkan pada 1910, Sime pada hari ini mempunyai lebih daripada 30,000 orang tenaga kerja, yang beroperasi di 18 negara dan wilayah di seluruh rantau Asia Pasifik. Beribu pejabat di Malaysia, Sime merupakan salah sebuah syarikat multinasional terbesar negara yang disenaraikan di Bursa Malaysia.

Sime Industrial terlibat dalam penjualan peralatan berat baharu dan terpakai, sistem kuasa, sokongan produk, penyewaan peralatan, perkhidmatan penyewaan dan penyelesaian industri, dan perkongsian jangka panjang dengan jenama industri yang terkemuka. Sime Industrial diiktiraf sebagai salah satu pengedar Caterpillar terbesar di dunia serta pengedar kepada pelbagai jenama penyelesaian lain dalam industri. Menerusi operasinya di 14 negara dan wilayah di rantau Asia Pasifik, Sime Industrial memberikan perkhidmatan kepada pangkalan pelanggan yang merangkumi pelbagai sektor.

Sime Motors beroperasi di sepuluh pasaran dan terlibat secara aktif dalam semua aspek perniagaan automotif termasuk pengimportan dan pemasangan, pengedaran, peruncitan kereta baharu dan terpakai, penjagaan selepas jualan dan perkhidmatan penyewaan. Sime Motors telah membina rangkaian pengedaran yang besar dengan perkongsian jangka panjang dengan

Pendapatan	RM67,132 juta
Permodalan Pasaran	RM16,085 juta
PATAMI	RM3,306 juta
Pegangan Saham	44.5%

jenama trak automotif dan komersial terkemuka dunia, bermula dengan jenama mewah seperti BMW, Porsche, Rolls-Royce, Jaguar, Land Rover dan Volvo sehingga ke pakar kenderaan elektrik (EV) seperti BYD, Li Auto dan Polestar, serta jenama yang dikenali ramai seperti Hyundai dan Ford.

Sime UMW ialah pemain terkemuka dalam industri automotif, peralatan, pembuatan dan kejuruteraan serta aeroangkasa dengan legasi yang menjangkau lebih 100 tahun serta keberadaan yang kukuh dalam lima pasaran utama Asia Pasifik. Sime UMW merupakan pemain automotif terbesar di Malaysia, dengan lebih 50% bahagian pasaran, yang menerajui industri automotif, peralatan, pembuatan, kejuruteraan dan aeroangkasa. Melalui Sime UMW, Sime kini menjadi rakan kongsi strategik Toyota dan juga memegang kepentingan penting dalam Perodua, kereta nasional terlaris di Malaysia.

Nota: Pegangan Saham dan Permodalan Pasaran pada 31 Disember 2024

Pelaburan Strategik

SD Guthrie Berhad (TKB 31 Disember 2024 Belum Diaudit)

Dengan legasi yang menjangkau lebih dua abad, SD Guthrie Berhad telah berkembang menjadi peneraju global dalam pengeluaran minyak sawit mampan, dan terkenal dengan sumbangan signifikannya kepada pasaran global untuk Minyak Sawit Mampan Bertauliah (CSPO). Berpandukan inovasi dan komitmen yang tidak berbelah bahagi terhadap kelestarian, SD Guthrie beroperasi di keseluruhan rantaian nilai minyak sawit, daripada operasi perladangan hulu kepada pengilangan hiliran bagi derivatif bernilai tinggi seperti oleokimia, biodiesel dan nutraseutikal.

Operasi meluasnya berpaksikan jejak global di seluruh pasaran utama, disokong oleh tenaga kerja yang berdedikasi serta hab R&D dan inovasi bertaraf dunia. Pusat-pusat ini merintis penyelesaian termaju dalam amalan kemampunan robotik, teknologi pertanian dan teknologi dipacukan data. Dengan memanfaatkan teknologi canggih, SD Guthrie telah berjaya meningkatkan produktiviti, kecekapan operasi dan kualiti produk.

Teras bagi usaha kelestariannya ialah inisiatif Beyond Zero, yang bertujuan untuk mencapai impak positif bersih, melangkaui neutraliti karbon untuk memacu kemajuan alam sekitar dan sosial yang berpanjangan. Inisiatif ini mencerminkan kepimpinan SD Guthrie dalam menangani cabaran global yang kritikal, termasuk mitigasi perubahan iklim, pemuliharaan biodiversiti dan pengurusan tanah yang lestari.

Prestasi segmen SD Guthrie yang kukuh menunjukkan daya tahan dan kebolehsuaiannya dalam keadaan pasaran yang dinamik. Perniagaan huluannya terus berkembang maju hasil daripada pengurusan perladangan yang dioptimumkan dan hasil tandan buah segar (FFB) yang mampan,



Pendapatan	RM19,831 juta
Permodalan Pasaran	RM34,233 juta
PATAMI	RM2,164 juta
Pegangan Saham	54.9%

manakala segmen hilirannya mendapat manfaat daripada produk yang dipelbagaikan dan jangkauan pasaran global yang meluas.

Selain operasi minyak sawit yang menjadi terasnya, SD Guthrie secara strategik mengembangkan perniagaan baharu, seperti dalam sektor tenaga boleh diperbaharui dan taman perindustrian, untuk menampai pertumbuhannya pada masa hadapan. Pembangunan taman perindustrian hijau syarikat, yang menampilkan projek tenaga suria khusus, mempamerkan komitmennya untuk mencipta penyelesaian bersepadu dan mampan yang sejajar dengan keutamaan ESG global.

Sebagai syarikat minyak sawit pertama yang mempunyai sasaran pengurangan gas rumah hijau (GHG) bersih-sifar yang disahkan oleh inisiatif Sasaran Berasaskan Sains (SBTi), SD Guthrie menetapkan piawaian untuk kepimpinan kelestarian. Visi jangka panjang syarikat memberi tumpuan kepada penciptaan nilai, inovasi dan penglibatan pihak berkepentingan, mengukuhkan kedudukannya sebagai rakan kongsi yang dipercayai dalam pertumbuhan lestari di seluruh pasaran global.

Nota: Pegangan Saham dan Permodalan Pasaran pada 31 Disember 2024

S P Setia Berhad (TKB 31 Disember 2024 Telah Diaudit)

SP Setia ialah pemaju hartanah terkemuka di Malaysia dengan kehadiran yang mantap di tujuh negara di seluruh dunia.

Sejak penubuhannya pada tahun 1974, segmen perniagaan teras Kumpulan ini bagi portfolio pembangunan hartanahnya merangkumi pembangunan perbandaran, pembangunan bertemakan eko, pembangunan bersepadu bercampur, pembangunan khusus serta pengembangan kepada taman perindustrian di seluruh rantau. Portfolio hartanah pelaburannya merangkumi pelbagai jenis hartanah, termasuk pejabat, peruncitan, pendidikan, hotel dan pusat konvensyen.



Pendapatan	RM5,294 juta
Permodalan Pasaran	RM7,304 juta
PATAMI	RM576 juta
Pegangan Saham	50.2%

S P Setia telah memenangi tempat pertama dalam Anugerah Pemaju Hartanah The Edge sebanyak 14 kali dan Anugerah Emas Dunia Prix d'Excellence FIABCI sebanyak 17 kali.

Nota: Pegangan Saham dan Permodalan Pasaran pada 31 Disember 2024

Sime Darby Property Berhad (TKB 31 Disember 2024 Belum Diaudit)

Sime Darby Property ialah perintis pemaju hartanah di Malaysia dengan lebih 50 tahun kecemerlangan dalam mewujudkan komuniti yang lestari dan terancang. Sebagai konstituen Indeks FTSE Bursa Malaysia Mid 70, Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia dan Indeks FTSE4Good Syariah Bursa Malaysia, Kumpulan ini telah membina lebih daripada 100,000 rumah di 25 perbandaran dan kawasan pembangunan, merangkumi projek kediaman, komersial, perindustrian dan logistik.

Dengan portfolio yang pelbagai, Sime Darby Property sedang beralih menjadi syarikat hartanah menjelang 2025, dengan memfokuskan pada segmen Pelaburan & Pengurusan Aset dan Riadahnya. Kumpulan ini memiliki dan mengendalikan sepenuhnya KL East Mall dan Elmina Lakeside Mall yang baru dilancarkan, selain Kuala Lumpur Golf & Country Club yang terkenal di rantau ini. Di peringkat antarabangsa, Sime Darby Property adalah sebahagian daripada konsortium yang berjaya menghidupkan semula Stesen Janakuasa Battersea yang ikonik di Central London. Sime Darby Property juga telah memulakan langkah strategik ke dalam kelas aset baharu, termasuk pembangunan berterusan pusat data skala besar, dan hal ini membuktikan komitmennya untuk mempelbagaikan aliran pendapatan dan memanfaatkan permintaan yang semakin meningkat untuk infrastruktur digital dan AI.

Pada masa ini, Kumpulan ini menguruskan lebih daripada tujuh juta kaki persegi kawasan boleh disewa bersih dalam segmen komersil, runcit, hospitaliti serta pendidikan dan industri, yang mengukuhkan kedudukannya dalam sektor Pengurusan Pelaburan dan Aset. Untuk Program Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) RM4.5 bilion, Sime Darby Property mengekalkan penarafan AA+IS dengan jangkaan stabil daripada MARC untuk tahun keempat berturut-turut, mencerminkan kestabilan dan daya tahan kewangannya.

Pendapatan	RM4,251 juta
Permodalan Pasaran	RM11,493 juta
PATAMI	RM502 juta
Pegangan Saham	50.6%

Sime Darby Property komited untuk mencapai Matlamat Kelestarian 2030 dan pelepasan karbon Sifar Bersih menjelang 2050 dengan terus mempertahankan peranannya sebagai "Force for Good". Kumpulan ini telah menjanjikan pengurangan 40% dalam pelepasan Skop 1 dan Skop 2 menjelang 2030. Sebagai penyokong yang konsisten bagi Biodiversiti Bandar, Sime Darby Property merupakan konstituen dalam Indeks Model Kecil MSCI ACWI dengan Penarafan MSCI ESG bagi BBB dan dinilai oleh Projek Pendedahan Karbon (CDP).

Dedikasi Kumpulan ini terhadap kecemerlangan telah diiktiraf dengan pelbagai anugerah industri. Pada 2024, Sime Darby Property memperoleh 51 anugerah, termasuk dinamakan sebagai pemaju hartanah nombor satu Malaysia di Anugerah Pemaju Hartanah Terbaik The Edge Malaysia 2024. Pencapaian ketara lain termasuk kemenangan Emas dan Perak di FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2023, pengiktirafan All-Stars di Anugerah StarProperty 1, dan Anugerah 10 Pemaju Terunggul (Malaysia) di BCI Asia Awards 2024. Sime Darby Property juga disenaraikan dalam senarai sulung Fortune Southeast Asia 500 sebagai salah satu daripada hanya 89 syarikat Malaysia yang mencapai kejayaan ini.

Sime Darby Property akan terus membentuk landskap hartanah Malaysia melalui pembangunan inovatif dan komitmen terhadap pertumbuhan lestari.

Nota: Pegangan Saham dan Permodalan Pasaran pada 31 Disember 2024

Sapura Energy Berhad (TKB 31 Januari 2025 Belum Diaudit)

Sapura Energy ialah penyedia perkhidmatan dan penyelesaian minyak dan gas bersepadu global yang beroperasi di seluruh rantaian nilai hulu, termasuk yang boleh diperbaharui. Spektrum keupayaan Kumpulan ini meliputi penerokaan, pembangunan, pengeluaran, rejuvenasi serta penutupan dan peninggalan telaga minyak.

Dengan memiliki tenaga kerja berkemahiran tinggi serta mahir teknikal, aset strategik serba boleh dan keupayaan pengurusan projek yang kukuh, Kumpulan ini kini menawarkan penyelesaian dan kepakaran bersepadunya di lebih daripada 20 negara.

Pendapatan	RM4,703 juta
Permodalan Pasaran	RM551 juta
PATAMI	RM190 juta
Pegangan Saham	40.7%

Nota: Pegangan Saham dan Permodalan Pasaran pada 31 Disember 2024

Pelaburan Strategik



Velesto Energy Berhad (TKB 31 Disember 2024 Belum Diaudit)

Velesto Energy Berhad ialah penyedia perkhidmatan multinasional yang berpangkalan di Malaysia untuk sektor hulu industri minyak dan gas.

Kumpulan ini memiliki dan mengendalikan enam pelantar penggerudian jack-up yang mampu beroperasi di kedalaman air sehingga 400 kaki — sesuai untuk perairan cetek di Asia Tenggara. Velesto juga menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan dan pemulihan telaga minyak melalui unit penyelenggaraan dan pemulihan hidrauliknya.

Melalui Velesto Drilling Academy (VDA), Kumpulan ini secara aktif menyokong pembangunan tenaga profesional penggerudian yang mahir, dan seterusnya memainkan peranan penting dalam pertumbuhan modal insan Malaysia. Pelantar darat Velesto dalam INSTEP digunakan oleh

Pendapatan	RM1,360 juta
Permodalan Pasaran	RM1,273 juta
PATAMI	RM208 juta
Pegangan Saham	51.6%

pelajar Universiti Teknologi PETRONAS untuk latihan praktikal bagi melengkapkan pembelajaran akademik mereka.

Kumpulan ini disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia dan merupakan konstituen Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia, bukti prestasi kemampuan dan amalan ESG Kumpulan.

Nota: Pegangan Saham dan Permodalan Pasaran pada 31 Disember 2024



Duopharma Biotech Berhad (TKB 31 Disember 2024 Telah Diaudit)

Duopharma Biotech bermula dengan penubuhan Duopharma (M) Sdn Bhd pada tahun 1978. Duopharma Biotech telah diperbadankan pada tahun 2000 dan kini merupakan syarikat farmaseutikal terkemuka yang disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Berhad.

Duopharma Biotech mempunyai kecekapan teras dalam industri farmaseutikal termasuk pembuatan, penyelidikan dan pembangunan, serta pengkomersilan dan pemasaran lebih daripada 300 ubat generik seperti Crystorvas, Prelica dan Omeseq serta produk penjagaan kesihatan pengguna termasuk CHAMPS®, FLAVETTES®, PROVITON® dan Uphamol, yang diiktiraf dan diterima dengan baik oleh pengguna di Malaysia, di peringkat serantau dan di seluruh dunia. Syarikat ini juga telah mempelbagaikan perniagaan dengan menceburi sektor biosimilar melalui kerjasama teknologi dan pengkomersilan dengan rakan kongsi antarabangsa yang kukuh dan boleh

Pendapatan	RM814 juta
Permodalan Pasaran	RM1,202 juta
PATAMI	RM63 juta
Pegangan Saham	50.9%

dipercayai. ERYSAAR, Basalog One dan Zuhera merupakan beberapa jenama biosimilar yang telah dikomersilkan.

Beribu pejabat di Kuala Lumpur, Malaysia, Duopharma Biotech memiliki dan mengendalikan tiga kilang pembuatan di Klang, Bangi dan Glenmarie; kesemuanya di Selangor. Duopharma Biotech juga mempunyai anak syarikat di Filipina, Singapura dan Indonesia.

Nota: Pegangan Saham dan Permodalan Pasaran pada 31 Disember 2024



MNRB Holdings Berhad (TKB 31 Mac 2024 Telah Diaudit)

MNRB Holdings Berhad (MNRB) ialah syarikat pemegangan pelaburan, yang menawarkan produk dan perkhidmatan insurans semula, takaful dan takaful semula melalui anak-anak syarikat milik penuhnya. Antara anak syarikat milik penuhnya ialah Malaysian Reinsurance Berhad (Malaysian Re), Takaful Ikhlas Family Berhad (Takaful IKHLAS Family) dan Takaful Ikhlas General Berhad (Takaful IKHLAS General).

Takaful IKHLAS Family dan Takaful IKHLAS General secara kolektif memberi perkhidmatan kepada hampir dua juta peserta, mencerminkan komitmen syarikat untuk menyediakan penyelesaian takaful yang boleh diakses dan boleh dipercayai.

Pendapatan	RM3,098 juta
Permodalan Pasaran	RM1,762 juta
PATAMI	RM434 juta
Pegangan Saham	53.9%

Malaysian Re merupakan syarikat penanggung insurans semula negara yang terbesar di rantau Asia Tenggara, yang disokong oleh aset yang besar dan kedudukan yang kukuh dalam industri.

Nota: Pegangan Saham dan Permodalan Pasaran pada 31 Disember 2024

Syarikat Teras Terpilih¹

No.	Syarikat	Logo	Pegangan Saham Terkini ²
1.	Axiata Group Berhad		18.3%
2.	Tenaga Nasional Berhad		15.4%
3.	IJM Corporation Berhad		15.2%
4.	MBSB Berhad		12.8%
5.	Bank Islam Malaysia Berhad		11.9%
6.	Telekom Malaysia Berhad		11.0%
7.	Gamuda Berhad		10.8%

Note: ¹ Dipilih berdasarkan >10% pegangan saham agregat oleh Kumpulan PNB

² Pegangan saham pada 31 Disember 2024

Ekuiti Awam

Ekuiti Awam Domestik

Malaysia muncul sebagai salah satu pasaran berprestasi terbaik di Asia Tenggara pada 2024, dengan FBM KLCI meningkat 12.9%, yang merupakan prestasinya yang terbaik dalam tempoh lebih sedekad. Pelbagai dasar transformatif yang diumumkan oleh Kerajaan pada 2023, seperti NETR dan NIMP, serta penubuhan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JSSEZ), telah mendorong peningkatan pelaburan langsung dan asing yang lebih tinggi pada 2024, terutamanya dalam sektor pusat data dan tenaga boleh diperbaharui.

Pelabur asing mendorong aliran masuk yang signifikan ke dalam pasaran baru muncul sepanjang tahun, didorong jangkaan pemotongan kadar faedah AS, dengan purata nilai dagangan harian di Bursa Malaysia melonjak sebanyak 44% tahun-ke-tahun. Walau bagaimanapun, momentum itu terganggu pada suku akhir tahun apabila pemilihan semula Trump menjejaskan pasaran baru muncul. Di Malaysia, sentimen pelabur yang suram memuncak dengan aliran keluar asing berjumlah RM4.2 bilion menjelang akhir tahun. Sementara itu, syarikat tempatan menikmati keuntungan yang lebih tinggi, yang membalikkan penurunan pendapatan teras yang dialami dari 2014 hingga 2023. Pemulihan ini turut menyaksikan sektor seperti pembinaan dan utiliti melonjak hasil daripada peningkatan dalam pelaburan pusat data. Saham syarikat modal besar seperti Sime Darby Property Berhad, Gamuda Berhad dan S P Setia Berhad menikmati kenaikan harga saham yang kukuh sepanjang tahun. YTL Corporation Berhad dan YTL Power International Berhad merupakan saham terbaik dan menjadi konstituen FBM KLCI.

Seiring dengan prestasi ekuiti awam domestik yang kukuh, Ringgit juga mengalami pengukuhan yang ketara, meningkat lebih daripada 12% berbanding dolar dalam sembilan bulan pertama tahun ini, dengan suku ketiga mencatatkan prestasi terbaiknya dalam tempoh 50 tahun. Menjelang 31 Disember 2024, Ringgit telah mengukuh 2.7% kepada RM4.47 berbanding dolar AS dan muncul sebagai mata wang berprestasi terbaik di Asia.

Ekuiti Malaysia akan kekal sebagai asas portfolio kami. Kami melabur dalam syarikat peneraju pasaran merentasi pelbagai sektor dan modal pasaran. Selain itu, kami tetap komited dalam mendukung tadbir urus yang baik, meningkatkan jumlah pulangan pemegang saham dan memacu penciptaan nilai, terutamanya dalam syarikat tempat kami memiliki pegangan saham yang besar.

▶ **Lonjakan Pasaran Malaysia:** FBM KLCI meningkat 12.9% pada 2024, iaitu prestasi terbaiknya dalam tempoh lebih daripada satu dekad, didorong oleh dasar Kerajaan seperti NETR, NIMP dan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura.

▶ **Trend Pelaburan Asing:** Aliran masuk yang kukuh ke dalam Bursa Malaysia melonjakkan aktiviti dagangan sebanyak 44% tahun-ke-tahun, tetapi pemilihan semula Trump mencetuskan pengaliran keluar sebanyak RM4.2 bilion menjelang akhir tahun.

▶ **Lanjutan Keuntungan Korporat:** Syarikat tempatan menikmati pemulihan keuntungan, dengan syarikat pembinaan serta utiliti berkembang pesat dan saham syarikat seperti Sime Darby Property, Gamuda dan YTL menunjukkan prestasi yang kukuh.

▶ **Kekuatan Ringgit:** Mata wang melonjak 12% berbanding USD pada Q3 2024, menjadikannya suku tahun terbaik dalam tempoh 50 tahun, dan mengakhiri tahun dengan meningkat 2.7% kepada RM4.47/USD.

▶ **Strategi Pelaburan:** Ekuiti Malaysia kekal sebagai tumpuan teras, dengan penekanan pada pemimpin pasaran, tadbir urus yang baik, pulangan pemegang saham dan penciptaan nilai.

Ekuiti Awam Global

Di sebalik peningkatan dalam tahap turun naik pasaran, kebanyakan pasaran ekuiti global mencatatkan prestasi yang baik pada tahun 2024. Ekuiti awam meneruskan momentum positif, dengan MSCI All Country World Index (ACWI) mencatatkan jumlah pulangan sebanyak 17.5%. Indeks S&P 500 (SPX) mencatatkan jumlah pulangan sebanyak 25.0% apabila syarikat teknologi Magnificent Seven – Alphabet, Amazon, Apple, Meta, Microsoft, Nvidia dan Tesla – membawa pasaran ekuiti global ke tahap lebih tinggi. Pemotongan kadar faedah di kebanyakan ekonomi utama mengakibatkan peluasan jangkaan pendapatan, dengan itu meningkatkan lagi keyakinan pasaran.

Turun naik pasaran adalah akibat anjakan geopolitik yang signifikan, dengan lebih daripada separuh penduduk dunia mengundi dalam pilihan raya. Kemenangan Trump dilihat positif bagi ekuiti AS berikutan optimisme pasaran terhadap cadangan pemotongan cukai dan pelonggaran peraturan. Namun begitu, kebimbangan terus wujud terhadap dasar-dasar yang lebih kontroversial seperti tarif, imigresen dan perdagangan, yang menjejaskan keyakinan pasaran, lalu mendorong kepada peralihan berhati-hati pada bulan Disember.

Di Eropah, keadaan ekonomi dan politik tetap mencabar. Namun begitu, pasaran di rantau ini telah melepasi jangkaan dan kenaikan pasaran ekuiti bukan sahaja berlaku bagi saham teknologi AS tetapi juga bagi saham yang cenderung bersifat kitaran, lalu meningkatkan keuntungan saham EuroStoxx 50 kepada 11.8%.

Di Jepun, ekuiti mencecah rekod tertinggi, mengakhiri tahun dengan pulangan 20.5% untuk menjadi antara lima pasaran ekuiti utama berprestasi terbaik. Kejayaan ini didorong oleh keyakinan yang berterusan pada akhir deflasi,

ditambah dengan yen yang lemah, dan pembaharuan tadbir urus korporat yang sedang berlaku, yang masih terus menarik minat pelabur.

Pasaran baru muncul mengalami prestasi tidak menentu namun kukuh. Dengan didorong oleh kenaikan saham teknologi yang dicetuskan oleh AI, pasaran saham Taiwan melonjak 28.9% untuk mendahului carta di Asia. Di China, walaupun aktiviti ekonomi kekal lembap, satu siri langkah dasar yang diselaraskan telah memberi sedikit kelegaan, yang berjaya membalikkan kemelesetan pasaran selama tiga tahun dan menutup tahun ini dengan keuntungan 14.6%. Pasaran saham India menunjukkan daya tahan untuk memberikan pulangan 9.3%, yang disokong oleh pertumbuhan yang teguh serta dasar bank pusat.

Kami memanfaatkan pengukuhan pasaran untuk meraih peluang dalam pasaran ekuiti global. Pendekatan pengurusan kami yang aktif membolehkan kami menyesuaikan diri dengan pantas kepada perkembangan serantau dan memanfaatkan tema pasaran yang utama, bagi memastikan portfolio global kami kekal teguh dan berdaya tahan di seluruh kitaran perniagaan.

Unjuran pasaran strategik kami sebahagian besarnya berjaya, dengan ekuiti awam global muncul sebagai penyumbang penting bagi kedua-dua pulangan direalisasikan dan jumlah pulangan pada 2024. Walaupun menghadapi unjuran masa depan yang mencabar, kami kekal komited untuk kekal pada landasan terkini sambil mengimbangi risiko dan pulangan kami dengan teliti. Kami akan terus memperkukuh strategi pelaburan, mengukuhkan daya tahan portfolio, dan mengusahakan penciptaan nilai jangka panjang yang mampan untuk pihak berkepentingan kami.



▶ Keuntungan Pasaran Global:

Pasaran ekuiti menunjukkan prestasi baik pada tahun 2024, dengan MSCI ACWI naik 17.5% dan S&P 500 meningkat 25%, diterajui oleh saham teknologi utama dan pengurangan kadar yang meningkatkan keyakinan pelabur.

▶ Sorotan Serantau: Jepun mencatatkan

rekod tertinggi dengan keuntungan 20.5%, Taiwan mendahului Asia dengan lonjakan 28.9%, dan India menunjukkan daya tahan dengan pulangan 9.3%, manakala China melantun dengan keuntungan 14.6% selepas mendapat sokongan dasar.

▶ Pelaburan Strategik: Pengurusan aktif


membantu memanfaatkan arah aliran pasaran, memastikan daya tahan portfolio dan pulangan yang kukuh walaupun berhadapan ketidaktentuan geopolitik dan cabaran ekonomi.

Ekuiti Awam

Mandat Ekuiti Awam yang Disumberluarkan

Mandat penyumberan luar PNB mewakili kira-kira 15% daripada pendedahan ekuiti awam global kami, dengan portfolio yang direka untuk menawarkan kepelbagaian dan pulangan yang dipertingkatkan. Pada masa ini, 10 pengurus dana luaran mengawasi empat strategi ekuiti awam global yang berbeza, setiap satunya berusaha mencapai pulangan dan pendapatan mampan untuk dana unit amanah. Tambahan terbaharu ialah Global Income Opportunities yang bertujuan untuk meningkatkan pulangan dan mengekalkan pendapatan melalui pendekatan ekuiti berfokuskan dividen. Strategi ini menekankan evolusi yang berterusan dan pendekatan pengurusan portfolio aktif kami untuk memanfaatkan peluang pasaran, sejajar dengan objektif jangka panjang kami.

Pecahan Perumpukan



Pendapatan Tetap

Pendapatan Tetap Domestik

Dalam keadaan ketidaktentuan di seluruh dunia, pasaran bon Malaysia mempamerkan daya tahan yang luar biasa pada 2024. Pencapaian ini didorong terutamanya oleh dasar fiskal Kerajaan yang berhemat, pembaharuan struktur yang dijalankan, dan Kadar Dasar Semalaman (OPR) oleh BNM yang stabil pada 3.00%.

Usaha bersepadu Kerajaan untuk mengurangkan defisit fiskal dan menstabilkan ekonomi, terutamanya melalui pelaksanaan Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA), meningkatkan keyakinan pelabur dengan ketara. Pengurangan dalam terbitan bersih hutang Kerajaan telah menyumbang kepada kekangan bekalan bon domestik, sekali gus menyokong kenaikan harga bon di tengah permintaan kukuh daripada pelabur domestik dan asing. Bersandarkan sokongan ini, Indeks All Bond di Agensi Penetapan Harga Bon Malaysia (BPAM) mencatatkan jumlah pulangan positif sebanyak 4.2% untuk tahun tersebut, berbeza dengan indeks bon global tidak dilindungi yang menguncup sebanyak 4.3% berdasarkan Ringgit. Jumlah dagangan dan permintaan untuk bon Kerajaan dalam pasaran sekunder menyaksikan peningkatan ketara tahun-ke-tahun, iaitu meningkat 8.1% pada 2024.

Dinamik permintaan-bekalan untuk bon korporat bertaraf AA3 ke atas juga kekal teguh, dengan permintaan melebihi bekalan. Ketidakeimbangan ini mengakibatkan terlebih langganan yang ketara dalam pasaran utama, menandakan kehendak pelabur yang tinggi untuk terbitan korporat berkualiti tinggi. Pengetatan sebaran kredit menyumbang kepada prestasi cemerlang Indeks Corporates All Bond BPAM, yang mencapai jumlah pulangan positif sebanyak 4.8% pada 2024.

PNB dan dana unit amanah kami mengambil bahagian secara aktif dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS), Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) dan bon korporat dalam denominasi Ringgit di seluruh sektor utama. Jumlah urus niaga dalam pendapatan tetap domestik untuk PNB dan dana unit amanah meningkat 64% pada tahun 2024, selaras dengan usaha untuk mempelbagai kepada instrumen pendapatan tetap berkualiti tinggi bagi mendapatkan pulangan yang stabil dan mampan.

Pendapatan Tetap Global

Pada separuh pertama 2024, pasaran pendapatan tetap global meningkat dengan ketara apabila bank pusat dalam ekonomi utama membayangkan pemotongan kadar faedah yang agresif berikutan tanda-tanda pemulihan inflasi. Perubahan daripada pengetatan agresif pada 2022–2023 memberikan kelegaan yang sangat diperlukan oleh pasaran bon, khususnya dalam ekonomi maju. Keyakinan yang didorong oleh pertumbuhan global yang semakin stabil menghasilkan permintaan yang kukuh di seluruh pasaran bon berdaulat dan korporat.

Bagaimanapun, lonjakan pasaran pendapatan tetap global terhenti secara mengejut dan berbalik pada separuh kedua 2024 apabila kebimbangan tentang inflasi timbul semula, didorong oleh dasar pengembangan fiskal di bawah pentadbiran Trump yang baharu. Bank pusat global, terutamanya Rizab Persekutuan, mengurangkan unjuran penurunan kadar, menandakan pendekatan yang lebih berhati-hati. Perubahan unjuran dasar monetari ini mencetuskan pembalikan mendadak dalam hasil bon dan mengukuhkan dolar AS dengan Indeks Agregat Global Bloomberg mencapai jumlah pulangan negatif sebanyak -1.7% dalam dolar AS, manakala Indeks Dolar AS (DXY) meningkat sebanyak 7.1% pada 2024.

Sebaran bon korporat gred pelaburan dan bon korporat hasil tinggi diperketat kepada paras terendah sejak bermulanya pandemik, disokong oleh daya tahan ekonomi AS dan jangkaan dasar pengembangan pro-pertumbuhan di bawah pentadbiran Trump. Jangkaan pasaran tentang pemotongan cukai korporat untuk meningkatkan keuntungan dan kualiti kredit, bersama-sama dengan penyahkawalseliaan kewangan yang dijangkakan untuk meningkatkan aktiviti pinjaman dan kewangan, menyumbang kepada pengetatan sebaran kredit di semua sektor. Sokongan daripada keadaan makroekonomi ini menyumbang kepada jumlah pulangan yang positif bagi Indeks Korporat Agregat Global Bloomberg sebanyak 1.1% pada tahun 2024, walaupun berlaku penjualan besar-besaran dalam pasaran pendapatan tetap global.

Sebagai sebahagian daripada Pelan Pendapatan Tetap kami yang telah dimurnikan, kami akan memanfaatkan peluang untuk mendapatkan hasil kemasukan semua yang lebih tinggi melalui pengagihan semula taktikal ke dalam aset pendapatan tetap global. Tumpuan pelaburan kami telah diperluas untuk merangkumi bon korporat berkualiti tinggi dari AS dan pasaran baru muncul terpilih bagi memanfaatkan perbezaan hasil yang menarik daripada kelas aset sebegini. Tindakan ini telah meningkatkan pegangan aset pendapatan tetap global buat PNB dan dana unit-unit amanah kami pada 2024.



Pasaran Persendirian

Pasaran Persendirian

Pasaran Persendirian terdiri daripada tiga komponen utama – Pelaburan Langsung (Ekuiti Persendirian), Pelaburan Dana Global (Ekuiti Persendirian) dan Pelaburan Infrastruktur. Pada tahun 2024, kami meneruskan penggunaan modal ke dalam kelas aset ekuiti persendirian dan infrastruktur, sejajar dengan pendekatan SAA kami untuk meningkatkan kepelbagaian portfolio dan mengukuhkan pulangan. Kami kekal komited untuk memperhalusi fokus pelaburan kami serta menerima pakai proses terbaik yang dikenal pasti untuk kelas aset seperti ini.

Rangka Kerja Pelaburan Persendirian (PIF)

Visi

Untuk mengambil bahagian secara bermakna dalam kelas aset Ekuiti Persendirian (PE), dan seterusnya meningkatkan pulangan untuk Kumpulan PNB

Keutamaan

Pembelian

Pertumbuhan

Pelaburan
Bersama

Sekunder

Pemboleh Daya

Bakat

Pasukan PE yang disusun semula mengikut portfolio sasaran

Tadbir Urus

Untuk menguruskan segala selok-belok pelaburan PE

Proses

Amalan terbaik untuk membolehkan pelaksanaan berkesan

Risiko

Rangka kerja risiko yang spesifik dengan PE

Sejak diletakkan bawah PIF pada 2019, kami berjaya membuat pencapaian penting dengan komitmen pelaburan dalam lebih daripada 40 dana utama dan Akaun Terurus Berasingan (SMA) serta hampir 20 pelaburan langsung dan pelaburan bersama. Strategi peletakan modal yang dipertingkat ini telah membolehkan pempelbagaian efektif merentas geografi dan tempoh dalam pelbagai strategi ekuiti persendirian, termasuk belian, pertumbuhan, sekunder dan pelaburan bersama.

Pelaburan Langsung

Pasukan Pelaburan Langsung bertanggungjawab untuk mengenal pasti dan mengusahakan pelaburan yang menawarkan potensi pertumbuhan nilai yang kukuh, terutamanya melalui pelaburan bersama dengan pengurus dana ekuiti persendirian yang mantap, di peringkat domestik dan antarabangsa. Selain itu, pasukan ini juga bertanggungjawab untuk mengawasi dan memacu penciptaan nilai merentas pelbagai pelaburan terkawal dan minoriti dalam syarikat seperti:

Pelaburan Terkawal Terpilih

- Projek Lintasan Kota Sdn Bhd (PROLINTAS)

Pelaburan Minoriti Terpilih

- Goodyear Malaysia Berhad
- Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (PERODUA)
- BOH Plantations Sdn Bhd
- Carsem (M) Sdn Bhd
- Ansell N. P. Sdn Bhd
- Lam Soon (M) Berhad
- Aspac Lubricants (Malaysia) Sdn Bhd

Pada tahun 2024, kami terus mengoptimumkan dan mewujudkan nilai daripada portfolio kami dengan menjana wang pelaburan serta melaksanakan inisiatif mencipta nilai bersama semua syarikat pelaburan kami.

Pelaburan Dana Global

Kami juga memberi tumpuan pada penyumberluaran modal kepada pengurus dana ekuiti persendirian global yang terkemuka, yang dipilih melalui proses penilaian yang ketat dan teliti. Pelaburan dalam dana seperti ini memberikan kami akses pada portfolio asas yang pelbagai, pasaran global, kemahiran khusus dan pengurusan profesional. Pendekatan ini meningkatkan kualiti keputusan pelaburan dan membuka peluang pada bidang yang sebelum ini sukar diterokai.

Kriteria Pemilihan Dana Ekuiti Persendirian

Sesuai dengan Strategi PNB

- Jenis dana
- Geografi
- Sektor

Rekod Prestasi

- Rekod prestasi yang cemerlang dengan penekanan pada:
- Prestasi kuartil tertinggi dana yang terdahulu
 - Agihan dan pulangan yang sangat tinggi
 - Kadar kerugian yang secara relatifnya rendah

Keupayaan Pasukan

- Pasukan yang stabil berkeupayaan tinggi, termasuk:
- Penyumberluaran perjanjian
 - Penciptaan nilai
 - Realisasi dan rekod prestasi

Tadbir Urus dan Sejajar Kepentingan

- Penjajaran kepentingan yang dekat dari segi:
- Komitmen modal yang bermakna oleh pengurus
 - Tadbir urus yang mantap
 - Struktur yuran yang kompetitif

Pasaran Persendirian

Pelaburan Infrastruktur

Tahun 2024 merupakan ulang tahun pertama Rangka Kerja Pelaburan Infrastruktur (IIF) kami, yang menetapkan pelan tindakan strategik dan metodologi peruntukan modal Kumpulan PNB dalam kelas aset infrastruktur global.




Dengan objektif utama untuk menyediakan hasil pulangan terlaras risiko menerusi pengagihan hasil tunai yang awal, konsisten dan boleh diramal, penempatan modal di bawah IIF mulai Q4 2023, pada awalnya dalam Akaun Terurus Secara Berasingan (SMA) dengan strategi yang pelbagai. Ini adalah untuk memanfaatkan kepakaran dan rangkaian rakan kongsi yang mantap dan membolehkan pemindahan pengetahuan sementara kami terus membina keupayaan dalaman dalam pelaburan infrastruktur.

Hartanah

Dalam tahun 2024, sektor hartanah global mengalami perpecahan dalam prestasi. Sektor-sektor dengan asas yang kukuh, seperti hartanah industri dan pusat data, mencatatkan pertumbuhan yang stabil, disokong oleh permintaan kukuh yang melebihi bekalan. Sebaliknya, sektor pejabat dan runcit menghadapi tekanan daripada penggunaan meluas model kerja hibrid dan pilihan pengguna yang berubah. Cabaran utama yang memberi kesan ke atas sektor hartanah global termasuklah kadar faedah dan kos pinjaman yang meningkat, yang mengakibatkan penurunan aktiviti urus niaga dan penilaian yang lebih rendah. Walaupun menghadapi cabaran ini, pasaran hartanah Malaysia menunjukkan daya tahan yang ketara, bersama-sama dengan pengukuhan Ringgit pada pertengahan tahun disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan peningkatan pelaburan asing.

Dengan berpandukan Rangka Kerja Pelaburan Hartanah kami, kami kekal komited untuk meningkatkan portfolio kami yang pelbagai dengan aset berkualiti tinggi merentas pelbagai sektor dan geografi. Fokus utama kami pada tahun 2024 adalah untuk menjana pulangan daripada aset berpendapatan rendah bagi mengoptimumkan peruntukan sumber. Perumpukan Aset Strategik kami pada 2024 mencerminkan keyakinan kami terhadap nilai yang mampan dan daya tahan pasaran hartanah.



Hartanah

Antarabangsa



Domestik



Pencapaian Utama

Di peringkat antarabangsa, kami telah berjaya melaksanakan perolehan Stesen Janakuasa Battersea Fasa 3B, sebuah bangunan Pejabat Gred A di Battersea Estate, London. Perolehan strategik ini akan menjamin pendapatan berulang yang stabil untuk lima tahun akan datang, dan mengukuhkan komitmen kami terhadap pertumbuhan mampan dan penciptaan nilai jangka panjang. Selain itu, sebagai sebahagian daripada strategi kepelbagaian, kami telah memperoleh sebuah pusat data baharu di Jepun yang bernilai USD290 juta. Setelah siap dibina, pusat data ini akan mengukuhkan portfolio kami dan dijangka menjana aliran tunai yang stabil, didorong oleh kadar penghunian yang konsisten serta ketahanan terhadap kitaran ekonomi.

Bagi tujuan mengoptimumkan lagi portfolio kami dan meningkatkan kecekapan modal, kami telah menyelesaikan penjualan tanah komersial di Cyberjaya kepada YTLDC South Sdn Bhd. Pada masa yang sama, melalui cabang perbankan tanah, kami telah melaksanakan penjualan aset komersial berjumlah RM178 juta untuk menyokong fokus kami dalam meningkatkan pulangan pelaburan dan mengukuhkan nilai pegangan kami.

Mengemudi Cabaran Global dan Fokus Strategik

Pada tahun 2024, pelaburan antarabangsa kami terkesan oleh penurunan penilaian hartanah global dan persekitaran kadar faedah yang tinggi. Bagi berdepan cabaran ini, kami telah memanfaatkan cerapan utama untuk memastikan pelaburan kami berdaya tahan. Strategi kami memberi tumpuan kepada penyempurnaan komposisi portfolio kami, dengan penekanan khusus terhadap pengembangan dalam sektor industri dan pusat data di seluruh dunia. Kami juga kekal komited untuk menggiatkan usaha kepelbagaian kami bagi memastikan pertumbuhan mampan dan jangka panjang.

Selain itu, kami kekal fokus pada strategi kitar semula modal untuk mengoptimumkan portfolio hartanah kami. Perkara ini melibatkan pengewangan aset berprestasi rendah dan pelaburan semula dalam sektor berpotensi tinggi. Melalui usaha ini, kami dapat terus mengukuhkan asas portfolio dan menyediakannya untuk pertumbuhan mampan dan kejayaan jangka panjang.

PNB Merdeka Ventures Sdn Bhd

Melalui PNBMV, anak syarikat milik penuh kami, kami telah membangunkan presint Merdeka 118 menjadi sebuah destinasi maju di bandar raya, yang mengelilingi ikon seni bina terkini Malaysia dan bangunan kedua tertinggi di dunia, iaitu Merdeka 118. Menara ini terdiri daripada ruang pejabat Gred A premium, sebuah dek pemerhatian, Park Hyatt KL, dan dikelilingi oleh tiga menara kediaman. Sebuah pusat beli-belah tujuh tingkat, iaitu 118 Mall, bersambung dengan menara ini. Di dalam presint itu juga terdapat taman linear baharu seluas empat ekar dengan hijauan berlandskap, dikenali sebagai Boulevard Merdeka at 118, Masjid Al-Sultan Abdullah, Look at 118, Muzium Tekstil Merdeka dan Little M, sebuah Pusat Asuhan Kanak-Kanak PNB.

PNBMV juga merupakan pemilik dan penjaga tunggal Stadium Merdeka dan Stadium Negara, yang mana kedua-duanya telah disenaraikan sebagai tapak Warisan Negara.

Merdeka 118

Tahun 2024 merakamkan sebuah peristiwa bersejarah apabila menara Merdeka 118 telah dirasmikan pada 10 Januari oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. Semua kakitangan PNB kini telah berpindah ke menara tersebut, dan syarikat menempati 17 tingkat, memupuk persekitaran kerja yang lebih dinamik dan kolaboratif. Sementara itu, Maybank dijangka akan memindahkan ibu pejabat korporatnya dari Menara Maybank ke Menara Merdeka 118 pada separuh pertama tahun 2026, menggunakan keluasan ruang pejabat sekitar 650,000 meter persegi merangkumi 33 tingkat. Peralihan ini menandakan perubahan besar bagi kedua-dua organisasi ini mengukuhkan lagi status Merdeka 118 sebagai alamat mercu tanda terkemuka di Kuala Lumpur.

Dengan memanfaatkan platform komunitinya, PNBMV telah melancarkan Fasa 2 bagi Kitaran 2 Program Geran Komuniti Merdeka 118 yang bertujuan untuk memperkukuh daya tahan sosial, budaya dan ekonomi masyarakat sekeliling. Sementara itu, projek yang dilaksanakan dalam Fasa 1 Kitaran 2 sedang berjalan dengan baik, dengan beberapa projek telah pun membuahkan hasil yang positif.



Untuk maklumat lanjut mengenai Program Geran Komuniti Merdeka 118, sila baca Laporan Kelestarian kami.

Stadium Merdeka


Selepas kerja-kerja pemulihan selesai, Stadium Merdeka telah dibuka kepada orang ramai pada 17 Ogos 2024. Sejak dibuka semula, Stadium Merdeka telah menjadi pusat aktiviti yang rancak buat komuniti, dengan menganjurkan 209 acara kebudayaan, kesenian, warisan, pendidikan dan sukan. Stadium Merdeka juga telah menjadi tempat untuk pasaran komuniti yang berfungsi sebagai platform untuk usahawan dan artis tempatan mempamerkan produk sambil mewujudkan rasa keterhubungan dan sokongan dalam kalangan pengunjung. Peserta Program Geran Komuniti Merdeka 118 terlibat secara aktif dalam pasaran ini bagi membina keterlibatan dan hubungan dengan komuniti.

Sepanjang hujung minggu sambutan Kemerdekaan, bermula 30 Ogos hingga 1 September, lebih 35 vendor telah mengambil bahagian dalam pasaran komuniti. Selain penganjuran program aktiviti yang menyeronokkan, acara itu juga berjaya menarik kira-kira 5,000 pengunjung. Secara purata, setiap vendor F&B memperoleh jualan RM2,500 sehari, manakala vendor lain – yang menawarkan fesyen, kraf dan banyak lagi – memperoleh jualan antara RM700-RM800 setiap hari. Antara mereka ialah enam Penerima Geran Komuniti Merdeka 118, yang menjana jualan berjumlah RM5,526.

Unit Amanah ASNB

Unit Amanah ASNB memainkan peranan penting dalam memudahkan pelaburan dan meningkatkan celik kewangan untuk menyokong Matlamat PNB dan menyumbang kepada aspirasi negara untuk pertumbuhan yang mampan dan inklusif. Ini dicapai melalui pelbagai inisiatif strategik dan komitmen terhadap kecemerlangan dalam pelaburan serta dengan melibatkan diri dengan pelanggan.

Dengan tema “Connect Emotionally, Serve Perfectly”, ASNB memfokuskan kepada pelanggan sebagai matlamat utama, menyediakan produk yang tepat dan pengalaman pelanggan terbaik dalam usaha mencapai Mandatnya. Operasi ASNB berpusat pada tiga segmen dengan enam bidang tumpuan untuk membina semula asas pelanggan dan bahagian pasarannya:



Produk dan Perkhidmatan

Pada 11 Mac 2024, ASNB melancarkan Ria, satu ciri pelaburan automatik dalam aplikasi mudah alih myASNB. Ria dilesenkan di bawah rangka kerja Pengurusan Pelaburan Digital (DIM) SC dan menggunakan algoritma untuk menilai profil risiko dan matlamat kewangan pelabur, seterusnya mengesyorkan portfolio pelaburan yang sesuai. Portfolio ini terdiri daripada dana unit amanah ASNB, termasuk ASN Equity Global, ASN Equity Malaysia dan ASN Sukuk. Ria secara berkala mengimbangi semula portfolio pelabur agar sejajar dengan toleransi risiko dan objektif pelaburan mereka. Dengan pelaburan awal serendah RM100, Ria boleh diakses oleh pelbagai jenis pelabur. Pelaburan melalui Ria adalah patuh syariah, sebagaimana telah disahkan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dan semua Jawatankuasa Fatwa Negeri.



Saluran

ASNB memanfaatkan saluran digital untuk menawarkan pengalaman pelanggan yang lebih baik melalui transaksi yang mudah, ringkas dan intuitif, serta maklumat yang boleh diakses dan alat tambah nilai. Suatu inisiatif yang sedang berjalan adalah transformasi cawangan transaksi dan operasi kepada cawangan Jualan, Khidmat Nasihat dan Perkhidmatan yang dipacu secara digital. Pada 2024, tiga cawangan ASNB – di Putrajaya, Lahad Datu dan Tawau – telah menyelesaikan transformasi ini.

ASNB menawarkan platform digital yang komprehensif melalui portal myASNB dan aplikasi mudah alih. Platform ini membolehkan pengguna untuk:

- Membuka akaun baharu melalui Kenali Pelanggan Anda (e-KYC) elektronik
- Memantau dan mengurus portfolio pelaburan
- Melakukan transaksi seperti pelaburan tambahan dan pengeluaran
- Mengakses laporan dan penyata kewangan

Bilangan pengguna berdaftar myASNB telah meningkat sebanyak 19% daripada 3.2 juta pada 2023 kepada 3.8 juta pada 2024.

Penglibatan dengan Pelanggan

Pada tahun 2024, ASNB memperkenalkan beberapa inisiatif yang bertujuan untuk meningkatkan keterangkuman kewangan dan menggalakkan tabiat menabung yang konsisten dalam kalangan rakyat Malaysia.


1. Penjenamaan semula

Pada 22 Ogos 2024, ASNB melancarkan logo baharu sebagai sebahagian daripada inisiatif penjenamaan semula. Logo ini melambangkan aspirasi ASNB untuk kekal progresif dan menjadi salah satu jenama yang bertenaga serta dekat di hati golongan muda. Selaras dengan persona jenama baharu ASNB—Dinamik, Empati, Bijak, dan Bersemangat—penyambung “S” dalam logo ini melambangkan jambatan yang menghubungkan pemegang unit kami kepada matlamat kebebasan kewangan mereka. Ia mewakili laluan yang membimbing rakyat Malaysia ke hadapan dan ke atas menuju masa depan yang lebih berdaya kewangan.



2. Celik MADANI

Dengan kerjasama Kerajaan, ASNB memperkenalkan inisiatif Celik MADANI untuk meningkatkan celik kewangan dalam kalangan pelajar universiti. Program ini menyasarkan satu juta pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan institusi vokasional di Malaysia, bagi menyediakan mereka dengan alat dan pengetahuan untuk membuat keputusan kewangan secara bermaklumat dan memupuk budaya menabung. Inisiatif ini telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 22 Ogos 2024 dengan dana permulaan sebanyak RM50 juta yang disumbangkan secara sama rata oleh Kerajaan dan PNB. Setiap pelajar baharu yang mendaftar di IPTA atau institusi vokasional terpilih akan menerima pelaburan awal RM50 yang akan dikreditkan ke dalam akaun ASB atau ASM mereka. Pelaburan ini akan dikunci selama lima tahun dan tidak boleh dikeluarkan sepanjang tempoh tersebut.



Dalam kami berusaha untuk menyahkarbonkan portfolio pelaburan, kami juga mengenal pasti peluang untuk mengurang, mengganti dan mengelakkan aktiviti perniagaan dengan emisi tinggi bagi memastikan kami benar-benar sifar bersih menjelang 2025.

**DATO' RICK RAMLI**

Timbalan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan

Pernyataan Kelestarian oleh

Timbalan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan

Saya amat berbesar hati untuk membentangkan Pernyataan Kelestarian PNB dan menyumbang kepada wacana yang semakin berkembang dalam landskap Korporat Malaysia mengenai aspek Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG). Terdapat dua aspek tentang kelestarian di PNB – pertama, aspek yang memberi tumpuan luaran terhadap syarikat pelaburan kami; dan kedua, aspek yang memberi tumpuan kepada amalan operasi dalaman kami sebagai organisasi. Dengan saiz pelaburan PNB yang besar, komponen luaran usaha kelestarian kami adalah jauh lebih besar dari segi skop dan impak, dahulunya berada di bawah bidang

kuasa saya sebagai Ketua Pegawai Pelaburan, Pelaburan Persendirian & Strategik - dengan itu, kelestarian diletakkan di bawah pengawasan saya di PNB.

Apabila isu kelestarian seperti perubahan iklim menjadi lebih penting di peringkat global dan setempat, ia menjadi sebahagian daripada agenda Kerajaan. PNB pula menyambut sepenuhnya peluang untuk menyumbang dalam perkara ini – kerana kami percaya dengan mewujudkan nilai positif sosial dan alam sekitar, dan yang lebih penting barangkali, kerana ia merupakan pelaburan yang munasabah.

Era di mana Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) merupakan sesuatu yang baik untuk dilakukan telah lama berlalu. Hari ini, jika syarikat tidak menumpukan perhatian kepada kesan sosial dan alam sekitar, syarikat berisiko kehilangan nilai jangka panjang. Sebagai pelabur, kami mempunyai kepentingan, untuk memastikan syarikat pelaburan kami mematuhi prinsip ESG. Inilah tujuan utama PNB memperkenalkan 10 Komitmen ESG kami pada tahun 2022 yang termasuk sasaran yang hendak kami capai sebagai sebuah organisasi dan juga melalui syarikat pelaburan kami.

Dalam menentukan sasaran, kami memutuskan untuk memberikan kesungguhan dan kekal fokus dalam mempamerkan komitmen sebenar dan keluar dari zon selesa untuk memacu perubahan positif. Selain itu, kami menetapkan sasaran untuk

menjadi NZE menjelang 2025 dan mencapai NZP menjelang 2050. Sebenarnya, mencapai sasaran perusahaan masih belum dapat dipastikan pada awalnya. Bagaimanapun, berbekalkan keyakinan bahawa adalah lebih baik mencuba - dan mungkin terlepas sasaran tinggi - daripada meletakkan sasaran yang rendah yang tidak langsung menguji kemampuan kami, kami tetap meneruskan inisiatif ini. Pada masa yang sama, ketika penyahkarbonan portfolio pelaburan, kami juga mengenal pasti peluang untuk menghindar, mengurung dan menggantikan aktiviti perniagaan yang menjana pelepasan tinggi untuk mencapai sasaran sifar bersih menjelang 2025.

Memang lebih sukar untuk mengurus prestasi syarikat pelaburan kami, bagaimanapun kami melihat hasil yang amat positif. Kami menekankan komitmen kepada sifar bersih dalam portfolio dan memasukkan unsur kelestarian dalam Garis Panduan Pengundian. Garis Panduan ini memerlukan syarikat kami memberi komitmen kepada sasaran sifar bersih menjelang 2025; dan mempunyai strategi yang berwibawa untuk mencapai cita-cita sifar bersihnya menjelang 2026. Jika tidak, kami tidak akan mengundi pengerusi atau pengerusi lembaga jawatankuasa kelestarian.

Bagaimanapun, memandangkan ini bukan medan permainan sama rata bagi syarikat-syarikat pelaburan kami, kami mengambil pendekatan yang bersesuaian dalam mematuhi garis panduan ini. Kami telah mengenal pasti lapan syarikat yang menyumbang 90% daripada pelepasan portfolio kami kerana sifat operasinya. Memang sukar bagi syarikat-syarikat ini untuk mengurus dan mengurangkan jejak karbon apabila berhadapan dengan tukar ganti ekonomi dan kelestarian. Kami menyedari situasi ini dan menggalakkan dialog terbuka dengan mereka untuk membincangkan apa yang perlu dibuat, dan waktu yang sesuai untuk melaksanakannya. Pada asasnya, kami memerlukan jaminan bahawa syarikat-syarikat pelaburan kami membuat atau akan membuat percubaan bersungguh-sungguh dalam usaha untuk penyahkarbonan.

Selain perubahan iklim, kami melihat bidang kritikal lain dalam kelestarian yang relevan dalam konteks Malaysia. Dalam konteks alam sekitar, ini termasuklah biodiversiti, daya tahan iklim fizikal dan juga pemeliharaan alam semula jadi dan biodiversiti. Malaysia merupakan salah satu negara yang dengan megadiversiti tertinggi di dunia dan melindungi aset semula jadi ini penting bagi kami. PNB memperkenalkan Dasar Alam Semula Jadi dan Biodiversiti sendiri yang dipandu oleh Pasukan Petugas bagi Pendedahan Kewangan Berkaitan Alam Semula Jadi ("TNFD"), inisiatif global berasaskan sains dan disokong oleh Kerajaan. Sekali lagi, kami mahu melihat syarikat portfolio kami – terutamanya syarikat-syarikat berimpak biodiversiti yang penting seperti syarikat-syarikat hartanah dan pertanian – untuk ikut serta.

Di bawah teras sosial, kami melancarkan Gaji Kehidupan Wajar secara dalaman pada tahun 2023 dan telah pun melihat sebilangan syarikat-syarikat pelaburan kami melakukan perkara yang sama. Pengurangan karbon pula lebih mencabar bagi sesetengah syarikat untuk melaksanakannya, terutamanya syarikat-syarikat yang mempunyai buruh manual yang ketara. Namun demikian, syarikat-syarikat ini membuat persediaan yang diperlukan untuk menambah upah mereka yang dilihat amat menggalakkan. Kepelbagaian jantina pula satu lagi bidang yang kami beri tumpuan, dan telah mencapai kejayaan yang ketara secara dalaman. Kami telah menetapkan sasaran 40% wanita dalam kepimpinan menjelang 2025, dan telah mencecah 38% pada 31 Disember 2024.

Dari segi tadbir urus, kami mencuba untuk menetapkan lebih kriteria kuantitatif dan kualitatif untuk memastikan kepelbagaian luas dan perwakilan pengarah bebas yang ketara. Ini memberi keuntungan bukan sahaja kepada syarikat terbabit tetapi juga secara amnya lebih kepada pasaran modal kerana tadbir urus korporat akan memberi keyakinan yang lebih tinggi dalam kalangan pelabur setempat dan asing.

Melalui program kelestarian kami seperti Gaji Kehidupan Wajar kami juga menyumbang kepada Ekonomi MADANI Kerajaan, terutamanya program GEAR-uP. Gaji Kehidupan Wajar mempunyai kecenderungan langsung terhadap usaha Menaikkan Lantai yang bertujuan untuk memperbaiki kualiti kehidupan rakyat. Dari segi mengangkat potensi maksimum, atau meningkatkan ekonomi secara keseluruhan, kami menyumbang kepada pembangunan taman industri, pertanian pintar dan aset tenaga hijau untuk menggalakkan peralihan tenaga negara.

Kami telah mencapai kemajuan yang ditetapkan di bawah 10 Komitmen ESG kami, seperti yang terperinci dalam laporan kelestarian kami, yang sangat menggalakkan bagi pasukan kami. Namun demikian, ini bermakna kami mesti mula memikirkan tentang langkah kami seterusnya – tentang bagaimana hendak memperbaiki lagi prestasi kelestarian kami sendiri dan bagaimana kami dapat menyokong syarikat-syarikat pelaburan kami agar mereka dapat melakukan perkara yang sama. Sesetengah sasaran yang kami tetapkan - terutamanya sifar bersih bagi portfolio kami – memerlukan kerjasama dan kolaborasi pelbagai pihak. Keinginan kami yang mendalam untuk masa depan adalah untuk mendapatkan lebih ramai pihak menyertai kami bukan sahaja syarikat dan pemegang kepentingan kami, malah agensi kerajaan, badan korporat lain, persatuan dan masyarakat pada umumnya. Banyak yang telah dicapai, namun lebih banyak lagi yang perlu dibuat. Saya percaya bahawa kami boleh mencapai aspirasi Kerajaan dan aspirasi kami sendiri dengan sokongan semua pihak.

Bab 1

Kelestarian di PNB

– Komitmen dan Visi Kami

Kelestarian dalam Pelaburan dan Operasi Kami

Sebagai salah satu peneraju syarikat pengurusan dana, kami di PNB mengakui peranan penting kami dalam memacu kelestarian dan menggalakkan amalan pelaburan yang bertanggungjawab. Kami mengiktiraf impak pertimbangan kelestarian yang bertumbuh dalam pewujudan nilai jangka panjang, tanggungjawab fidusiari, dan harapan pemegang kepentingan.

Berpandukan Rangka Kerja Kelestarian kami dan sejajar dengan piawai dan garis panduan antarabangsa seperti TCFD, PRI, UN Global Compact Principles, dan UNSDG, kami komited untuk menanam kelestarian merentas semua aspek perniagaan dan aktiviti pelaburan kami.

Usaha penyahkarbonan PNB dipacu oleh dwikomitmen sifar bersih kami – NZE menjelang 2025 dan NZP menjelang 2050. Pendekatan fasa kami terhadap sifar bersih membolehkan kami mengambil langkah berani dan boleh percaya untuk mengurangkan jejak pelepasan GHG yang beroperasi daripada aktiviti perniagaan dalam kawalan kami seawal yang mungkin. Ini membolehkan kami memimpin melalui teladan, membina kebolehan dalaman untuk terlibat secara bermakna dengan pemegang kepentingan kami di samping memecut penggunaan amalan kelestarian merentas ekosistem setempat.

Pada masa yang sama, komitmen kami untuk menyahkarbonan portfolio pelaburan kami juga sejajar dengan aspirasi sifar bersih Malaysia dan matlamat iklim global untuk mencapai sifar bersih menjelang 2050. Apabila kami beralih menuju kelakuan pelaburan sedar karbon, kami berusaha untuk memastikan portfolio kami berdaya tahan dalam menghadapi risiko peralihan iklim dalam ekonomi global karbon rendah.

Pelaburan Lestari

Di PNB, menyepadukan faktor ESG ke dalam keputusan pelaburan kami adalah utama bagi strategi jangka panjang kami. Berpandukan Dasar Kelestarian, kami memastikan kriteria ESG digabungkan secara bersistem dengan penilaian pelaburan, pengawasan portfolio, dan aktiviti pengawasan, membolehkan kami mengenal pasti risiko kemunculan, membuka peluang pertumbuhan baharu, dan mengemudi lanskap perniagaan yang sentiasa berkembang. Objektif kami jelas; mengurus risiko kelestarian dan peluang secara berkesan untuk menyokong kewajipan fidusiari kami – menghasilkan pulangan risiko-terlaras jangka panjang bagi pemegang unit amanah kami.

Pada tahun 2024, kami terus mengumpul strategi kerteliban, advokasi, dan komitmen RM10 bilion kami terhadap aset hijau dan peralihan, memacu hasil kelestarian dunia sebenar merentas sektor termasuk pengangkutan bersih, tenaga diperbaharui, dan pertanian lestari.

Pendekatan Serampang Dua Mata Kami

Operasi Lestari

Komitmen persekitaran dan sosial kami menjangkau jauh ke dalam operasi kami sendiri. Matlamat komitmen NZE kami ialah untuk mencapai pelepasan sifar bersih bagi Skop 1 dan 2 merentas operasi kami menjelang 2025 melalui strategi R₂O kami. Peristiwa penting pada tahun 2024 termasuklah pengurangan besar dalam jejak tenaga kami dengan berpindah ke Merdeka 118 – bangunan hijau tiga kali ganda diperakui – juga pemasangan 59 buah pengecas EV dan panel solar yang baharu di hartanah PNB terpilih. Kami juga meneroka peluang untuk memasang panel solar di pejabat operasi kami, dan membuat peralihan kumpulan kenderaan kepada kenderaan alternatif hibrid dan elektrik. Kami kekal fokus untuk terus memperbaiki, memastikan kelestarian tertanam secara mendalam dalam budaya organisasi dan amalan operasi.

Strategi Kelestarian PNB dan 10 Komitmen ESG

Gambaran Keseluruhan Rangka Kerja Kelestarian PNB

Rangka kerja Kelestarian PNB merangkumi pendekatan lengkap kami dalam menangani pertimbangan ESG, dikukuhkan oleh 10 Komitmen ESG kami, yang menangani aspek penting kelestarian merentas rukun ESG, dikukuhkan dalam sasaran yang jelas dan berasaskan hasil. Kelestarian terus menjadi rukun asas Rancangan Strategik LEAP 6, mengukuhkan dedikasi kami dalam menghasilkan nilai jangka panjang lestari untuk pemegang kepentingan kami.

10 Komitmen ESG

1	▶ Perusahaan Sifar Bersih menjelang 2025	12 RESPONSIBLE CONSUMPTION AND PRODUCTION	13 CLIMATE ACTION
2	▶ Portfolio Sifar Bersih menjelang 2050	12 RESPONSIBLE CONSUMPTION AND PRODUCTION	13 CLIMATE ACTION
3	▶ RM10 bilion dalam Aset-Aset Baharu dan Peralihan menjelang 2030	7 AFFORDABLE AND CLEAN ENERGY	9 INDUSTRY INNOVATION AND INFRASTRUCTURE
		11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES	13 CLIMATE ACTION
4	▶ Gaji Kehidupan Wajar di PNB	8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH	10 REDUCED INEQUALITIES
5	▶ Dasar Hak Buruh	5 GENDER EQUALITY	8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH
		10 REDUCED INEQUALITIES	
6	▶ 40% Wanita dalam Kepimpinan Kanan PNB menjelang 2025	5 GENDER EQUALITY	10 REDUCED INEQUALITIES
7	▶ Mengimbangi Keuntungan dan Pelaburan Sosial	1 NO POVERTY	2 ZERO HUNGER
		4 QUALITY EDUCATION	8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH
		10 REDUCED INEQUALITIES	
8	▶ Model Pengawasan Triple Bottom Line		16 PEACE, JUSTICE AND STRONG INSTITUTIONS
9	▶ Ketelusan dalam pengundian		16 PEACE, JUSTICE AND STRONG INSTITUTIONS
10	▶ Pendedahan yang Seajar dengan TCFD	12 RESPONSIBLE CONSUMPTION AND PRODUCTION	13 CLIMATE ACTION
		17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS	

Bab 1: Kelestarian di PNB – Komitmen dan Visi Kami

Pelaburan Lestari

▶ **Perusahaan Sifar Bersih menjelang 2025**

Meningkatkan pendekatan penilaian kredibiliti bersih-sifar, menaikkan skala penglibatan iklim untuk memacu penetapan cita-cita yang lebih besar dan inisiatif selaras iklim dalam kalangan syarikat pelaburan utama.

▶ **RM10 Bilion dalam Aset Hijau dan Peralihan Baharu menjelang 2030**

Melabur RM5.5 bilion dalam aset hijau dan peralihan, dengan pendedahan merentas sektor yang diberi tumpuan termasuk Pengangkutan Bersih, Bangunan Hijau, Tenaga Bersih, Pertanian, Perhutanan dan Kegunaan Tanah Lain.

▶ **Ketelusan dalam Pengundian**

Mengekalkan ketelusan melalui pengundian aktif merentas 192 syarikat domestik dan antarabangsa (138 syarikat tersenarai pasaran domestik dan 54 syarikat tersenarai antarabangsa), menunjukkan kebertanggungjawaban kuat terhadap pemegang kepentingan.

▶ **Model Pengawasan Triple Bottom Line**

Meningkatkan pengawasan dengan menilai Lembaga dan keberkesanan kepemimpinan 13 syarikat-syarikat pelaburan yang dipilih.

▶ **Dasar Hak Buruh**

Penglibatan berterusan dalam syarikat portfolio utama dan lapan syarikat-syarikat pelaburan yang disokong untuk menerbitkan dasar hak buruh/asasi manusia baharu.

Operasi Lestari

▶ **Perusahaan Sifar Bersih menjelang 2025**

Mencapai 98% pengurangan dalam pelepasan Skop 1 dan 2 dalam FY2024 berbanding garis dasar FY2022 kami dan mencapai 100% pembaharuan penggunaan tenaga dalam FY24.

▶ **40% Wanita dalam Kepimpinan Kanan PNB menjelang 2025**

Mencapai 38% perwakilan wanita dalam kedudukan kepimpinan pada tahun 2024, disokong oleh program dan inisiatif kepimpinan.

▶ **Mengimbangi Keuntungan dan Pelaburan Sosial**

Menghasilkan 41 program pelaburan sosial, menyumbang RM55.59 juta dan memberi impak positif kepada 8,859 benefisiari, 1,710 pelajar, dan 5,536 Asnaf anggota komuniti.

▶ **Gaji Kehidupan Wajar di PNB**

PNB melaksanakan Rangka Kerja Gaji Kehidupan Wajar seawal tahun 2023 bagi pekerjaannya sendiri.

▶ **Dasar Hak Buruh**

Menanam prinsip hak buruh dalam proses perolehan dan tender kami sendiri.

▶ **Pendedahan yang Seajar dengan TCFD**

Pendedahan kelestarian terselaras kami dengan garis panduan TCFD, dan secara aktif membangun laporan kami untuk selaras dengan Pendedahan Kelestarian IFRS.

Sumbangan UNSDG

Inisiatif kelestarian PNB secara meluas selaras dengan UNSDG, mencerminkan komitmen jangka panjang kami dalam mewujudkan impak positif untuk planet dan masyarakat. Pada tahun 2024, penyelarasan ini membolehkan kami menyumbang secara bermakna terhadap 11 SDG utama.

Kerjasama demi Matlamat

Secara aktif terlibat dalam inisiatif kerjasama seperti GEAR-uP, dan penandatanganan inisiatif global seperti PRI, Perkongsian untuk Kewangan Perakaunan Karbon ("PCAF"), Inisiatif Penumpuan Data ESG ("EDCI"), dan UNGC, pengumpulan perkongsian untuk menguatkan impak kelestarian kami.

Kehidupan di Darat

Inisiatif penanaman pokok menyokong penggunaan tanah lestari dan matlamat biodiversiti yang lebih luas melalui program alam sekitar yang sedang berlangsung.

Tindakan Iklim

Melalui pengurangan pelepasan, pelaburan hijau dan penglibatan aktif dengan syarikat pelaburan tentang matlamat iklim.

Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab

Menggalakkan penggunaan sumber bertanggungjawab melalui kempen kitar semula dalaman, melancarkan garis panduan pengurusan sisa, dan memupuk elemen kelestarian dalam amalan perolehan.

Ketidaksamaan Yang Kurang

Menaikkan status ekonomi wanita B40 melalui program seperti Kiosk KASIH Wanita Bangkit, mengurangkan ketidakseimbangan pendapatan dan menggalakkan peluang yang sama rata.

Kelaparan Sifar

Menyokong inisiatif sosial seperti bantuan makanan dan kemanusiaan komuniti, memastikan makanan bernutrisi sampai kepada kelompok yang tidak bernasib baik termasuk keluarga berpendapatan rendah, kanak-kanak sekolah, dan mangsa bencana.

Kesehatan Baik dan Kesejahteraan

Membekalkan peralatan perubatan Telinga, Hidung dan Tekak ("ENT") kepada hospital di sembilan negeri dan memperbaiki akses terdapat penjagaan kesihatan, pandangan jelas, dan pendidikan berkualiti bagi 500 pelajar melalui sumbangan cermin mata.

Pendidikan Bermutu

Menyokong Latihan Pendidikan Teknikal dan Vokasional ("TVET") dan pendidikan tinggi melalui Program Biasiswa PNB, mempergiatkan pendidikan yang boleh diakses dan inklusif, dan memupuk bakat bagi pembangunan nasional.

Kesaksamaan Jantina


Inisiatif ekuiti jantina lanjutan, mencapai 38% wanita dalam peranan kepemimpinan.

Tenaga Berpatutan dan Bersih

Pengambilan tenaga boleh diperbaharui yang dikembangkan, memacu penggunaan tenaga bersih secara dalaman dan melalui pelaburan hijau.

Pekerjaan Sesuai dan Pembangunan Ekonomi

Meningkatkan piawai hak buruh dan sara hidup merentas operasi dan pelaburan.



Melangkah ke hadapan, PNB kekal komited dengan kemajuan sedia ada dalam perjalanan kelestarian kami, mengukuhkan lagi integrasi ESG untuk memastikan pertumbuhan daya tahan dan pewujudan nilai lestari bagi pihak berkepentingan kami.

Bab 2

Integrasi ESG ke dalam Pelaburan dan Operasi

– daripada Komitmen kepada Impak

Pendekatan PNB kepada Pelaburan Lestari

Selaras dengan Rangka Kerja Kelestarian Global dan Kebangsaan

Kami mengakui bahawa untuk menangani cabaran perubahan iklim dan landskap makroekonomi yang sentiasa berubah, tindakan kolaboratif yang melangkaui PNB amat diperlukan. Justeru, kami amat komited untuk terus menyelaraskan usaha kami dengan agenda kemampanan global dan nasional bagi memacu tindakan bersama serta memperkukuh impak yang dapat dicapai.

Aspirasi iklim PNB adalah selaras dan amat menyokong komitmen Malaysia untuk mencapai status Sifar Bersih (Net Zero) menjelang tahun 2050, termasuk sasaran interim yang telah ditetapkan. Bagi menyokong agenda nasional ini, kerajaan Malaysia juga telah memperkenalkan Strategi Pelaburan Hijau (Green Investment Strategy) atau GIS, dan mengenal pasti bidang tumpuan utama bagi mempercepatkan peralihan tenaga serta memperluas pelaburan hijau. Strategi pelaburan dalaman kami telah dirangka untuk sejajar dengan keutamaan-keutamaan ini, sekaligus memperkukuhkan peranan kami dalam memacu pertumbuhan ekonomi mampan negara. Sebagai sebuah Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (“GLIC”) yang menyokong inisiatif GEAR-uP di bawah Kementerian Kewangan (MOF), PNB telah berikrar untuk memanfaatkan kepakaran kami bagi mempertingkatkan kedudukan ekonomi negara serta memperbaiki kualiti hidup rakyat. Sehubungan itu, kami sedang giat menyokong usaha pemodenan industri dan syarikat Malaysia ke arah aktiviti yang mempunyai nilai tambah lebih tinggi dan kemampanan dalam aspek pengurusan; memastikan peluang yang lebih adil dan saksama melalui perwakilan jantina di peringkat lembaga pengarah; memperjuangkan pelaksanaan gaji kehidupan wajar yang lebih mampan dalam kalangan syarikat pelaburan kami; dan mempertingkatkan keselamatan kewangan serta celik kewangan dalam kalangan belia Malaysia.

Dari semasa ke semasa, kami menyasarkan untuk menyelaraskan usaha bersama GLIC yang lain bagi menyelaraskan definisi gaji kehidupan wajar mampan serta membentuk panduan yang boleh dipercayai mengenai jangkaan gaji kehidupan wajar di Malaysia. Satu lagi tumpuan utama di bawah inisiatif GEAR-uP adalah untuk memodenkan industri dan syarikat korporat di Malaysia. Ini merangkumi pelaburan dalam taman perindustrian baharu, menyokong automasi dan pertanian pintar dalam sektor kelapa sawit, serta pelaburan dalam aset hijau dan peralihan tenaga.

Kami juga mematuhi piawaian dan rangka kerja kelestarian global, termasuklah:

- **PRI** – sebagai penandatanganan kepada PRI, PNB komited untuk menyelaraskan usaha integrasi ESG kami dengan prinsip-prinsip berikut:

Prinsip 1:

Kami akan memasukkan isu ESG ke dalam analisis pelaburan dan proses membuat keputusan.

- Penilaian pra-pelaburan ESG dan ketekunan wajar
- Memantau prestasi ESG portfolio kami

Prinsip 2:

Kami akan menjadi pemilik aktif dan menggabungkan pertimbangan ESG ke dalam dasar dan amalan pemilikan kami.

- Dasar Kelestarian
- Dasar Hak Buruh
- Dasar Alam Semula Jadi dan Biodiversiti
- Penyepaduan jangkaan kemampanan dalam Garis Panduan Pengundian

Prinsip 3:

Kami akan meminta pendedahan yang wajar tentang isu ESG oleh entiti yang kami laburkan.

- Penglibatan aktif dengan syarikat pelaburan bagi mendorong peningkatan pendedahan dan penerapan amalan terbaik berkaitan Iklim, Buruh, serta Alam Semula Jadi dan Biodiversiti.

Prinsip 4:

Kami akan mempromosikan penerimaan dan pelaksanaan Prinsip ini dalam industri pelaburan.

- PNB secara aktif menyokong inisiatif yang diterajui oleh kerajaan dan industri, termasuk sesi rundingan berkenaan Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan Kebangsaan (NSRF), keperluan pelaporan yang dipertingkatkan oleh Bursa Malaysia, serta inisiatif GEAR-uP di bawah Kementerian Kewangan (MOF). Penglibatan ini membolehkan PNB menyumbang secara langsung dalam membentuk dasar dan rangka kerja yang memacu pelaburan bertanggungjawab di Malaysia.

Prinsip 5:

Kami akan bekerjasama untuk mempertingkatkan keberkesanan dalam melaksanakan Prinsip ini.

- Selain daripada penglibatan secara langsung dengan syarikat, PNB turut menyertai sesi libat urus kolaboratif yang berfokus kepada ESG yang diterajui oleh Majlis Pelabur Institusi Malaysia (IICM).

Prinsip 6:

Kami juga akan melaporkan aktiviti dan kemajuan kami dalam melaksanakan Prinsip ini.

- Pada tahun 2024, PNB telah mula mendedahkan usaha integrasi ESG melalui Rangka Kerja Pelaporan PRI dan akan meneruskan pemantauan tahunan bagi memperkukuh amalan pelaburan yang bertanggungjawab serta mengenal pasti bidang-bidang yang memerlukan penambahbaikan.

Pendekatan pelepasan yang dibiayai kami dipandu oleh garis panduan PCAF yang telah menyediakan metodologi standard untuk perakaunan karbon di dalam sektor kewangan.


Prinsip-prinsip
Perkongsian
untuk Kewangan
Perakaunan
Karbon (PCAF)

Cadangan TCFD

Memperkukuh analisis risiko iklim dalam proses pelaburan dan memastikan ketelusan terhadap risiko kewangan berkaitan iklim.

Bab 2: Integrasi ESG ke dalam Pelaburan dan Operasi – daripada Komitmen kepada Impak

PNB kekal teguh dalam komitmennya untuk mengintegrasikan pertimbangan ESG merentasi semua aspek proses dan rantaian pelaburan kami. Ini membolehkan kami untuk terus mengurus risiko dan peluang yang semakin meningkat, sekali gus memperkukuhkan daya tahan portfolio PNB. Kami juga percaya bahawa pulangan mampan jangka panjang akan dapat dipacu oleh kestabilan, keberkesanan dan kekuatan sistem ekonomi, sosial dan alam sekitar. Justeru, kami mengiktiraf kepentingan tadbir urus pelaburan yang bertanggungjawab untuk mendorong kemajuan dalam portfolio kami serta memastikan penajaran dengan pertimbangan kemampuan jangka panjang di samping dapat menjana nilai kewangan. Pendekatan dua hala kami terhadap kemampuan di dalam pelaburan ini merangkumi:



Integrasi Faktor ESG dalam Proses Membuat Keputusan terhadap Pelaburan

PNB telah mengintegrasikan faktor Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) ke dalam proses pelaburannya merentasi portfolio ekuiti awam, ekuiti persendirian, pendapatan tetap dan hartanah – bermula dari peringkat ketekunan wajar sebelum pelaburan hinggalah ke atas pemantauan pasca pelaburan. Integrasi pertimbangan ESG ini dipacu oleh rangka kerja penilaian berasaskan risiko, bagi memastikan keputusan pelaburan yang diambil dapat memperkukuh daya tahan portfolio dalam jangka panjang serta mengurangkan pendedahan terhadap risiko iklim dan sosial.

▶ Penilaian ESG terhadap Ketekunan Wajar Pra-Pelaburan

Semua pelaburan baharu yang berpotensi akan melalui penilaian ESG yang menyeluruh bagi menganalisis tahap pendedahan dan strategi mitigasi mereka terhadap risiko ESG yang melibatkan material, serta kedudukan relatif mereka untuk merebut peluang baharu yang sedang muncul. Rangka Kerja Penilaian ESG kami merangkumi komponen utama berikut:

Petunjuk ESG

Penilaian berasaskan risiko yang menilai penjarangan kepada sasaran sifar bersih, pendedahan kepada risiko iklim fizikal dan peralihan, risiko biodiversiti, risiko buruh, serta isu ESG khusus melibatkan industri.

Penapisan Negatif ESG

Mengelakkan pelaburan dalam industri tertentu dan aktiviti perniagaan yang kontroversi disebabkan oleh pelanggaran etika serta kesan risiko yang tinggi.

Saringan Karbon

Menilai potensi impak pelepasan gas rumah hijau (GHG) berbanding garis dasar semasa dan sasaran intensiti karbon pada tahun 2030.

Imbasan Kontroversi

Menilai tahap keparahan dan impak sebarang kontroversi ESG terkini yang dilaporkan dalam domain awam.

Hasil dan pandangan daripada penilaian ESG telah dikumpulkan dalam bentuk “ESG Tearsheet,” iaitu elemen penting dalam analisis pelaburan kami. Setiap lembaran ini disemak dan diluluskan oleh jawatankuasa pelaburan bagi memastikan sejajar dengan piawaian dan objektif pelaburan kami. Pada tahun 2024, kami telah memperkukuh proses ini melalui pelaksanaan analisis mendalam mengikut sektor — dimulai dengan sektor Tenaga — bagi menilai kebarangkalian dan impak faktor ESG utama serta memperkukuh pemahaman khusus industri untuk para penganalisis dan pengurus dana kami. Integrasi ESG turut diperkukuhkan melalui siri jelajah dalaman yang memberi tumpuan kepada alatan dan metodologi penilaian, sekali gus meningkatkan keupayaan penganalisis pelaburan serta mengukuhkan pemahaman ESG dalam proses membuat keputusan.

▶ Pemantauan Prestasi ESG dalam Portfolio

Pemantauan ESG secara proaktif adalah kritikal dalam mengurus risiko, mengenal pasti peluang, dan melaksanakan strategi pelaburan utama secara berkesan. Bagi memperkukuhkan pendekatan kami, PNB kini memperkenalkan Kad Skor ESG khusus mengikut sektor untuk menilai dan menjejaki prestasi syarikat secara sistematik. Kad skor ini akan memberi tumpuan kepada faktor ESG yang paling bersifat material dan memberi kesan kepada prestasi kewangan, bagi memastikan penilaian yang lebih relevan dan tertumpu merentasi pelbagai bentuk industri.

Dengan mengguna pakai lensa khusus sektor, kami mengiktiraf bahawa risiko dan peluang ESG mempunyai perbezaan yang ketara mengikut industri. Pendekatan ini membolehkan kami membezakan syarikat peneraju daripada mereka yang ketinggalan, memperhalusi analisis asas kami, serta mengintegrasikan pertimbangan ESG dengan lebih berkesan dalam proses membuat keputusan terhadap pelaburan. Akhirnya, kami percaya bahawa syarikat yang mempunyai pengurusan risiko ESG yang kukuh serta kedudukan strategik yang mantap merupakan syarikat yang lebih bersedia untuk mencipta nilai mampan dalam tempoh jangka panjang.

Di luar aspek materialiti kewangan, kami juga mengiktiraf bahawa risiko iklim fizikal — seperti kejadian cuaca ekstrem — kekal sebagai kebimbangan yang mendesak, khususnya terhadap kesan “lock-in” daripada pelepasan gas rumah hijau (GHG) sedia ada. Oleh itu, kami akan terus menilai pendedahan portfolio kami terhadap risiko ini bagi memastikan kerentanan diambil kira dan daya tahan portfolio kami terus diperkukuh.

▶ Pelaksanaan Penetapan Harga Karbon Dalaman

Kerajaan Malaysia dijangka akan memperkenalkan skim cukai karbon menjelang tahun 2026, seperti yang telah diumumkan melalui Belanjawan 2025. Langkah ini bertujuan untuk memastikan akses pasaran global berlaku secara lebih kompetitif, terutamanya dalam menghadapi perkembangan baru seperti pelaksanaan Mekanisme Pelarasan Sempadan Karbon (Carbon Border Adjustment Mechanism, CBAM) oleh Kesatuan Eropah. Pada bahagian dalaman PNB, kami sedang membangunkan rangka kerja Penetapan Harga Karbon Dalaman (Internal Carbon Pricing, ICP) sebagai satu alat bagi pasukan pelaburan kami mensimulasikan impak risiko berkaitan karbon yang mungkin memberi impak pelepasan bagi sektor berintensiti tinggi. Melalui penetapan “harga bayangan” (shadow price) ke atas pelepasan karbon, kami dapat menilai potensi terhadap kesan peraturan berkaitan karbon, risiko peralihan iklim, serta mengenal pasti identiti syarikat dan aset yang berdaya tahan dalam ekonomi rendah karbon. Usaha ini sudah pasti akan menyokong keputusan pelaburan jangka panjang yang lebih berinformasi dan memiliki ketahanan terhadap masa depan.

Bab 2: Integrasi ESG ke dalam Pelaburan dan Operasi – daripada Komitmen kepada Impak

Pelaburan Portfolio Sifar Bersih 2050 PNB

Komitmen dan Sasaran Pelaburan Portfolio Sifar Bersih 2050 PNB

Komitmen dan Sasaran Pelaburan Portfolio Sifar Bersih 2050 PNB



Usaha penyahkarbonan portfolio PNB telah dipandu oleh sasaran iklim interim kami bagi tahun 2030. Dengan mengurangkan intensiti pelepasan karbon merentasi pelaburan kami, PNB berhasrat untuk mengubah hala tuju portfolio ke arah aset yang lebih rendah pelepasannya secara lebih konsisten sambil terus meningkatkan jumlah AUM. Pendekatan ini membolehkan kami terus membina portfolio pelaburan yang lebih berdaya tahan terhadap perubahan iklim, yang mampu menangkis risiko peralihan utama apabila kami beralih ke arah ekonomi rendah karbon. Pada masa yang sama, usaha ini akan menyokong pemeliharaan nilai jangka panjang dan daya saing pelaburan kami.

Tambahan pula, keupayaan kami untuk mencapai NZP menjelang tahun 2050 berkait rapat dengan kemajuan syarikat pelaburan kami. Dengan sasaran agar 70% daripada jumlah pelepasan portfolio kami diliputi oleh komitmen sifar bersih yang lebih diyakini, PNB memberi tumpuan kepada sumber pelepasan yang paling bersifat material daripada aktiviti pelaburan kami. Pendekatan ini membolehkan kami memberikan fokus terhadap aktiviti pemantauan dan penglibatan kami terhadap syarikat pelaburan yang mempunyai kadar pelepasan yang tinggi,

sekaligus meningkatkan kesiapsiagaan dan daya tahan peralihan kami. Dari semasa ke semasa, kami berhasrat untuk memastikan bahawa pelepasan portfolio kami meningkat melalui syarikat-syarikat yang mempunyai pelan penyahkarbonan yang kukuh dan boleh dipercayai, selari dengan komitmen kami ke arah matlamat sifar bersih menjelang 2050.


Kami juga komited untuk mendedahkan pelepasan portfolio kami secara telus bagi memaparkan kemajuan yang boleh dipercayai ke arah mencapai matlamat NZP. Namun begitu, keupayaan kami untuk mengukur pelepasan portfolio dengan tepat amat bergantung kepada ketersediaan dan kualiti data berkaitan iklim yang disediakan oleh syarikat-syarikat pelaburan kami.

Kami berhasrat untuk menerbitkan satu laporan khas mengenai pelepasan portfolio kami sebaik sahaja kami mencapai liputan data GHG yang mencukupi daripada syarikat pelaburan kami. Pendekatan ini akan membolehkan kami memberikan gambaran yang lebih tepat dan boleh dipercayai mengenai kemajuan usaha penyahkarbonan serta pelepasan portfolio kami, di samping dapat mengekalkan kebolehbandingan dengan laporan pelepasan portfolio terdahulu.

► Pemerkasaan Proses Pemantauan dengan Tujuan untuk Mendorong Penyahkarbonan Portfolio




Sektor Perladangan, Tenaga serta Minyak dan Gas telah menyumbang sebanyak 79% daripada jumlah pelepasan portfolio kami, sekaligus memerlukan pendekatan strategi penyahkarbonan dengan sektor berfokus. Strategi penyahkarbonan portfolio PNB boleh dijelaskan melalui perkara-perkara berikut:

Peta Hala Tuju Penyahkarbonan untuk Pelaburan



► Tuas Penyahkarbonan

Strategi pemantauan kami untuk penyahkarbonan portfolio memberi keutamaan kepada sektor tenaga, minyak dan gas, serta perladangan — yang merupakan sumber utama pelepasan dalam portfolio kami — serta syarikat strategik kami yang beroperasi merentas pelbagai industri.

Sektor	Fokus dan Tuas Penyahkarbonan
 Tenaga	<ul style="list-style-type: none"> • Berinteraksi secara langsung dan kolaboratif dengan syarikat dan pengawal selia bagi memacu agenda peralihan tenaga. • Mempercepatkan penggunaan tenaga solar dan mengintegrasikan penyelesaian bagi proses penyimpanan tenaga. • Meneroka pilihan untuk menghentikan penggunaan arang batu secara berperingkat, di mana perkara ini boleh dilaksanakan, di samping menangani impak terhadap keselamatan dan kemampuan tenaga. • Menilai kebolehlaksanaan pengubahsuaian semula loji bahan api fosil dengan teknologi penangkapan dan penyimpanan semula karbon bagi menangani pelepasan yang sukar untuk dikurangkan. • Menyusun semula peruntukan modal ke arah projek tenaga boleh diperbaharui yang strategik.
 Minyak & Gas	<ul style="list-style-type: none"> • Menggalakkan kepelbagaian dalam pengelektrikan hijau di kawasan yang berdaya maju. • Menyokong penggunaan pengangkutan dengan pelepasan bahan api yang rendah. • Menilai kebolehlaksanaan untuk meningkatkan peluang penangkapan dan penyimpanan semula karbon bagi menangani pelepasan yang sukar dikurangkan, terutamanya apabila tiada alternatif penyelesaian rendah karbon, di samping mengambil kira impak alam sekitar yang bersifat material. • Menggalakkan pelaksanaan Pengesanan dan Pembaikan Kebocoran (LDAR) serta penghapusan rutin pembakaran gas sifar (Zero Routine Flaring).
 Pertanian	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan ketelusan dalam pelaporan pelepasan Skop 3 dan perubahan guna tanah (LUC) di samping mempercepat usaha mitigasi. • Memantau kemajuan syarikat minyak sawit dalam memenuhi komitmen mereka bagi mengurangkan kadar pelepasan. • Menggalakkan amalan pertanian regeneratif di kawasan yang sesuai dan berdaya maju.

Bab 2: Integrasi ESG ke dalam Pelaburan dan Operasi – daripada Komitmen kepada Impak

▶ Libat Urus dengan Syarikat Pelaburan dengan Kadar Pelepasan Tinggi

Pada tahun 2024, kami terus memantau secara lebih dekat strategi dan prestasi penyahkarbonan sembilan Syarikat Strategik dan 10 penyumbang pelepasan tertinggi dalam portfolio kami, bagi memastikan pencapaian mereka sejajar dengan aspirasi iklim kami. Sebagai sebahagian daripada usaha pemantauan, PNB telah terlibat bagi menguruskan syarikat pelaburan secara aktif bagi berkongsi dapatan penilaian, menggalakkan usaha penyahkarbonan yang lebih kukuh, serta mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai cabaran yang dihadapi oleh sektor-sektor khas.

Memperluas Penglibatan Pengurusan Bertemakan Iklim dengan Syarikat Pelaburan Utama mengenai Isu-isu Berkaitan Iklim

Mengadakan perbincangan bersama pengurusan dan pasukan kerja mengenai aspirasi Sifar Bersih dan penetapan hala tuju, ketelusan pendedahan, kesan serta kebergantungan terhadap alam semula jadi dan biodiversiti.

PNB juga kini sedang membangunkan pendekatan yang lebih menyeluruh dan sistematik untuk memantau kemajuan iklim syarikat dan memastikan mereka bertanggungjawab terhadap komitmen yang telah dibuat.

Penilaian Kredibiliti Sifar Bersih

Dipandu oleh metodologi daripada “Climate Action 100+” dan “Net Zero Investment Framework” untuk menilai kredibiliti aspirasi Sifar Bersih dan pelan peralihan syarikat dalam portfolio PNB.

Iklim dalam Pengundian Proksi

PNB telah mewajibkan Syarikat Pelaburan untuk memiliki dan benar-benar memahami Aspirasi Sifar Bersih sejak tahun 2025, serta merangka Strategi Sifar Bersih menjelang tahun 2026.

PNB juga mewajibkan syarikat untuk melaporkan prestasi kelestarian mereka selaras dengan NSRF.

Di samping itu, PNB juga turut menggalakkan syarikat untuk mengambil kira pertimbangan kelestarian dalam penilaian komposisi Lembaga Pengarah mereka.

Automasi Pengiraan Kadar Pelepasan

Alatan automasi yang dibangunkan akan dapat mengintegrasikan proses kemas kini metodologi Perkongsian untuk Kewangan Perakaunan Karbon (PCAF) secara langsung ke dalam logik pengiraan.

Ini membolehkan PNB memperolehi data bagi kadar pelepasan terkini daripada Syarikat Pelaburan, sekaligus memperkasakan pasukan kelas aset untuk memantau dan menjejak sumbangan kadar pelepasan yang telah dirancang.

Dengan adanya alatan ini, lebih banyak masa dapat diperuntukkan untuk menjalankan proses analisis yang menyokong strategi nyahkarbon portfolio secara lebih berkesan.

Saringan Karbon dalam Penilaian Wajar Pra-Pelaburan

Menilai pendedahan kepada kadar pelepasan karbon bagi semua cadangan pelaburan berbanding garis asas semasa dan sasaran intensiti karbon 2030.

Kajian Kes

Menilai Kredibiliti Sifar Bersih dalam Portfolio Kami

PNB kekal komited untuk mengukur dan menilai secara bebas kredibiliti komitmen Sifar Bersih syarikat pelaburan kami, dengan sasaran untuk memastikan 70% daripada pelepasan portfolio diliputi oleh sasaran Sifar Bersih yang lebih diyakini menjelang tahun 2030. Rangka kerja penilaian dalaman kami telah menyediakan asas yang jelas bagi pendekatan yang konsisten dan tersusun dalam sesi libat urus bersama syarikat pelaburan, sejajar dengan amalan terbaik yang sedang berkembang serta jangkaan pelabur secara lebih meluas.

Pendekatan penilaian kami sentiasa ditambah baik selaras dengan sifat dinamik peralihan tenaga serta piawaian pasaran yang sentiasa berubah dalam usaha penyahkarbonan. Dalam menuju tahun 2030, takrifan terhadap apa yang dianggap sebagai sasaran Sifar Bersih yang lebih "kredibel" pasti akan terus berkembang, begitu juga dengan ambang penilaian kami. Penilaian terkini terhadap Syarikat Strategik dan 10 penyumbang kadar pelepasan tertinggi dalam portfolio kami — berdasarkan pendedahan tahun 2024 — menunjukkan purata skor kredibiliti Sifar Bersih sebanyak 62%. Untuk dianggap kredibel, syarikat perlu mencapai sekurang-kurangnya 80% skor kredibiliti. Sehubungan itu, kami akan terus menyesuaikan metodologi penilaian kami agar selari dengan amalan terbaik pasaran, serta bagi memastikan integriti penjajaran Sifar Bersih dalam portfolio pelaburan kami sentiasa terpelihara dan berwibawa.

Kami telah menyaksikan kemajuan yang menggalakkan dalam kalangan syarikat pelaburan kami, termasuk komitmen rasmi terhadap sasaran Sifar Bersih, peningkatan dalam pendedahan data pelepasan GHG, pengurangan yang jelas dalam intensiti kadar pelepasan, dan pembangunan strategi iklim yang lebih komprehensif.

Walaupun banyak syarikat telah menetapkan matlamat iklim yang bercita-cita tinggi dan membentuk struktur tadbir urus yang kukuh, masih terdapat jurang yang ketara dalam aspek seperti penetapan sasaran pengurangan kadar pelepasan yang lebih terperinci, peruntukan modal dan perancangan untuk peralihan adil. Prestasi yang sederhana telah diperhatikan dalam keputusan sebenar berkaitan kadar pelepasan dan strategi penyahkarbonan. Penemuan ini telah menjadi asas kepada pendekatan penyertaan kami, yang direka untuk menyokong penambahbaikan berterusan dalam syarikat pelaburan kami.

Purata skor komponen daripada Penilaian Kredibiliti Sifar Bersih bagi Syarikat Strategik dan 10 penyumbang kadar pelepasan tertinggi kami adalah seperti berikut:

Purata Skor Komponen (%)



Bab 2: Integrasi ESG ke dalam Pelaburan dan Operasi – daripada Komitmen kepada Impak

Meningkatkan Kadar Pelaburan ke dalam Aset Hijau dan Peralihan

Aliran Pasaran dalam Pelaburan Hijau dan Peralihan


Persidangan COP29 telah menekankan keutamaan dalam pembiayaan iklim dan langkah mitigasi, khususnya melalui penerimaan Matlamat Kuantitatif Kolektif Baharu (New Collective Quantified Goal – NCQG) yang menetapkan sasaran sebanyak USD300 bilion setahun menjelang 2035 untuk negara membangun. Bagi aspek peralihan tenaga, keperluan kepada intervensi dasar yang menyokong telah digariskan sebagai langkah penting untuk mempercepatkan pemeraksanaan komersial teknologi bersih dan membuka peluang bagi pelaburan baharu. Dalam pasaran karbon pula, pelaksanaan Mekanisme Pengkreditan Perjanjian Paris (Paris Agreement Crediting Mechanism – PACM) membolehkan negara memperdagangkan pengurangan kadar pelepasan karbon, di samping memberi ruang kepada syarikat korporat untuk menjalankan urus niaga secara langsung melalui sistem daftar pusat. Menurut BloombergNEF, permintaan elektrik global juga dijangka akan meningkat lebih daripada 70% bermula tahun 2023, dengan tenaga boleh diperbaharui dijangka menyumbang sebanyak 51% bekalan elektrik menjelang 2030 dan sekurang-kurangnya 70% menjelang 2050, didorong oleh tenaga suria dan angin. Teknologi Penangkapan dan Penyimpanan Karbon (Carbon Capture and Storage – CCS) juga semakin mendapat perhatian sebagai alat utama untuk mengurangkan kadar pelepasan yang sukar dikurangkan, dan dijangka menyumbang kepada 35% pengurangan kadar pelepasan tenaga di antara tahun 2024 hingga 2050. Sementara itu, bagi mencapai Senario Sifar Bersih (Net Zero Scenario – NZS), jumlah kenderaan elektrik (EV) global perlu meningkat kepada 1.5 bilion unit, dengan penghentian sepenuhnya pengeluaran kenderaan enjin pembakaran dalaman yang baru selepas tahun 2034.

Pelaburan dalam Aset Hijau dan Peralihan

Sehingga tahun 2023, PNB telah melaburkan sebanyak RM4.1 bilion (bersamaan 41% daripada sasaran) ke dalam aset hijau dan peralihan. Sebagai tindak balas kepada trend pasaran tahun 2024, PNB telah menambah pelaburan sebanyak RM1.4 bilion, sekaligus memperluas pelaburan ke dalam sektor-sektor berikut:



Kemas kini Perkembangan Tahun 2024:



Sorotan

Kepimpinan ESG dalam Kalangan Syarikat Pelaburan

Sebagai sebahagian daripada komitmen kami terhadap pelaburan mampan dan pertumbuhan ekonomi negara, PNB telah bekerjasama dengan SD Guthrie Berhad untuk membangunkan Taman Industri Hijau Bersepadu Kerian (KIGIP) di Perak. KIGIP terletak di kawasan seluas 1,000 ekar di Estet Tali Ayer milik SD Guthrie, dan direka bentuk sebagai sebuah hab industri hijau utama yang berfokus bagi menarik pelaburan dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E), khususnya dalam pembuatan semikonduktor.

Salah satu tonggak utama strategi kelestarian KIGIP ialah pembangunan ladang solar seluas 660 ekar dengan kapasiti antara 157 hingga 178 megawatt (MW), yang akan menjadi sumber tenaga hijau utama bagi industri yang beroperasi di dalam taman tersebut. Selain itu, taman industri ini akan mengintegrasikan langkah-langkah kecekapan tenaga yang terkini, teknologi grid pintar, serta sistem pengurusan air mampan bagi memastikan penggunaan sumber dilakukan secara bertanggungjawab dan lestari.

Pembangunan KIGIP mencerminkan komitmen PNB terhadap penciptaan nilai jangka panjang yang mampan melalui pelaburan yang bertanggungjawab. Dengan mengintegrasikan tenaga hijau, infrastruktur inovatif, dan tadbir urus alam sekitar, KIGIP dijangka menarik syarikat global yang sedang mencari penyelesaian dalam pembuatan yang lestari, di samping menjana peluang pekerjaan yang signifikan serta memacu kemajuan landskap perindustrian dan teknologi negara. Kerjasama strategik ini turut mengukuhkan peranan SD Guthrie dalam sektor tenaga boleh diperbaharui dan menyokong aspirasi iklim negara. Sebagai model untuk taman perindustrian hijau masa hadapan, KIGIP memperlihatkan bagaimana kelestarian mampu menjadi pemacu pertumbuhan ekonomi dan ketahanan negara.




Bab 2: Integrasi ESG ke dalam Pelaburan dan Operasi – daripada Komitmen kepada Impak

Pemantauan Bertanggungjawab dan Penglibatan Pemegang Saham

Pemilikan Aktif dan Pengundian Proksi tentang Isu ESG

Pada tahun 2024, PNB telah mengambil bahagian secara aktif dalam 138 mesyuarat am bagi pegangan domestiknya, dengan mengundi ke atas 1,095 resolusi merangkumi Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) dan Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM). Daripada jumlah ini 86% resolusi telah disokong, 11% ditolak, dan 3% undian berkecuali. Buat pertama kali juga, PNB turut melaksanakan hak pengundian dalam 54 mesyuarat antarabangsa, melibatkan 540 resolusi. Keputusan pengundian menunjukkan 90% resolusi disokong, 9.8% ditolak, dan 0.2% undian berkecuali. Penyertaan aktif ini mencerminkan komitmen PNB terhadap tadbir urus korporat yang baik, akauntabiliti, serta peranan sebagai pemegang saham yang bertanggungjawab dan berwibawa dalam menyokong agenda kelestarian dan prestasi jangka panjang syarikat pelaburan.



PNB turut memperkukuh Garis Panduan Pengundian bagi pelaburan domestik dan antarabangsa, dengan penekanan khusus terhadap penglibatan Lembaga Pengarah dalam hal ehwal kelestarian dan perubahan iklim, serta penetapan dan pemantauan sasaran Sifar Bersih oleh syarikat pelaburan. Kedua-dua Garis Panduan Pengundian yang telah disemak ini akan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2025.



Menandatangani pernyataan ICGN kepada Financial Conduct Authority (FCA) United Kingdom pada 7 Februari 2024 menandakan penyertaan pertama PNB dalam usaha advokasi tadbir urus di peringkat antarabangsa. Sebagai ahli baru ICGN, PNB telah meraih pengiktirafan antarabangsa dan telah menerima pujian menerusi Anugerah Pendedahan Amanah Global ICGN pada September 2024.

Sehubungan itu, Garis Panduan Pengundian Antarabangsa PNB yang baru dibangunkan adalah berteraskan amalan terbaik global, termasuk Prinsip ICGN. Garis panduan ini merangkumi aspek kritikal seperti komposisi lembaga pengarah, imbuhan eksekutif, hak pemegang saham dan struktur tadbir urus korporat, demi melindungi kepentingan pihak berkepentingan sambil memupuk penciptaan nilai mampan.

Bab 2: Integrasi ESG ke dalam Pelaburan dan Operasi – daripada Komitmen kepada Impak

Perkara Utama yang Diliputi di bawah Garis Panduan Pengundian Antarabangsa PNB

1

Prinsip di Tempat Kerja

- Berdasarkan Prinsip Global ICGN dan rujukan daripada Glass Lewis
- Memastikan pelaburan luar negara PNB diurus secara bertanggungjawab dengan memberi tumpuan kepada tadbir urus korporat, kemampanan, dan perlindungan nilai pemegang saham
- Selaras dengan Garis Panduan Pengundian Setempat PNB dan amalan global

2

Prinsip Panduan bagi Usul Biasa yang Dikemukakan pada Mesyuarat Agung

Komposisi Lembaga Pengarah

Dasar berkaitan komposisi Lembaga merangkumi aspek kepelbagaian, tahap kebebasan, dan kepakaran ahli Lembaga

Pampasan Eksekutif

Garis panduan berkenaan ganjaran eksekutif menyokong pendekatan yang adil dan berasaskan prestasi

Hak Pemegang Saham

Dasar yang digariskan bertujuan untuk melindungi hak-hak pemegang saham, termasuk kepentingan pemegang saham minoriti

Urusan Audit

Panduan pengundian merangkumi aspek pelantikan, imbuhan, dan tahap kebebasan juruaudit luar

Struktur Tadbir Urus Korporat

Garis panduan pengundian bagi isu-isu yang berkaitan dengan amalan dan dasar tadbir urus korporat

Keberkesanan Lembaga Pengarah

Tadbir Urus Institusi memainkan peranan penting dalam pelaburan domestik PNB. Dengan lebih separuh daripada jumlah AUM dilaburkan dalam Syarikat Strategik dan Syarikat Kawalan, fungsi ini memastikan kepentingan PNB dilindungi melalui cadangan calon Lembaga Pengarah dan kepimpinan yang teliti. Matlamat utama perkara ini adalah untuk melengkapkan pelaburan strategik kami dengan pemimpin yang berkemampuan, berkesan dan kompeten bagi menjana pulangan yang mampan, menyokong pembangunan tenaga kerja, serta menggalakkan amalan bertanggungjawab yang memberi manfaat kepada masyarakat dan alam sekitar. Pada tahun 2024, kami memberi tumpuan kepada enam bidang utama berikut:

Penilaian Keberkesanan Kepimpinan

Kami menjalankan penilaian secara berkala terhadap kepimpinan syarikat pelaburan kami — termasuk Pengerusi, Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), dan Jawatan Misi Kritikal (MCP) — sepanjang tahun bagi memastikan penilaian yang dilakukan sejajar dengan objektif strategik PNB. Penilaian ini dibuat berdasarkan maklum balas kolektif hasil daripada libat urus secara langsung serta input daripada pihak pengurusan kanan. Tempoh perkhidmatan Lembaga Pengarah dan CEO turut dipantau bagi menyokong penilaian kami dalam membuat keputusan berkaitan pelantikan semula atau pembaharuan jawatan.

Pemberdayaan dan Penglibatan Pengarah

Kami komited untuk melengkapkan keperluan Pengarah Lantikan kami dengan alatan dan pengetahuan yang diperlukan bagi memimpin secara berkesan dan bermaklumat. Bagi menyokong inisiatif ini, kami menyediakan peluang untuk mereka berinteraksi dengan pemimpin utama dalam syarikat Korporat Malaysia serta mengutamakan penglibatan yang lebih erat dan responsif bagi memastikan keperluan mereka ditangani dengan segera.

Amalan Terbaik dan Analisis Syarikat

Kami telah meletakkan penanda aras terhadap amalan terbaik global dalam komposisi lembaga pengarah dan ciri-ciri kepimpinan untuk mengenal pasti pandangan yang boleh diguna pakai terhadap syarikat pelaburan kami. Selari dengan itu, kami telah memprofilkan syarikat-syarikat ini mengikut peringkat kitar hayat mereka dan memetakan cabaran unik yang pernah dihadapi. Pendekatan ini memberi gambaran menyeluruh yang membolehkan kami mengenal pasti set kemahiran kepimpinan yang tepat bagi merancang penggantian yang berkesan serta pelaksanaan strategi yang mampan.

Strategi Bakat Lestari

Kami mengekalkan pangkalan data bakat untuk menyokong perancangan penggantian dalam Syarikat Pelaburan kami, membolehkan cadangan calon yang berkelayakan selaras dengan keperluan kepimpinan yang sentiasa berkembang. Usaha ini memastikan kesinambungan kepimpinan di samping dapat memperkenalkan perspektif baharu untuk menggalakkan kepelbagaian dan inovasi. Pangkalan data ini juga memudahkan pertukaran silang bakat bertaraf tinggi, sekali gus memperkukuh kekuatan kepimpinan merentasi portfolio pelaburan kami.

Semakan Imbuan

Kami juga menjalankan semakan imbuan yang komprehensif secara berkala ke atas Lembaga Pengarah dan CEO syarikat pelaburan kami bagi memastikan sejajar dengan objektif pelaburan PNB. Semakan ini juga bertujuan untuk mengekalkan struktur imbuan yang kompetitif bagi menarik dan mengekalkan bakat berprestasi tinggi dalam organisasi.

Perwakilan Lembaga Pengarah PNB

Perwakilan Lembaga Pengarah PNB memainkan peranan penting dalam melindungi kepentingan PNB serta memastikan penjajaran strategik syarikat-syarikat pelaburan kami. Pemilihan calon perwakilan Lembaga Pengarah dipandu oleh kepakaran, pengalaman, pengaruh dan kesesuaian calon tersebut bagi memastikan dinamik yang betul dapat dipupuk dalam kumpulan Lembaga Pengarah syarikat-syarikat pelaburan kami.

Bab 2: Integrasi ESG ke dalam Pelaburan dan Operasi – daripada Komitmen kepada Impak

Libat Urus Perkara Berkaitan ESG yang Dilaksanakan pada Tahun 2024

PNB secara aktif menjalankan libat urus dengan syarikat pelaburan bagi menggalakkan amalan lestari serta menangani risiko dan peluang ESG yang bersifat material. Pendekatan pengawasan kami menekankan dialog yang bermakna bersama pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah syarikat untuk memperkukuhkan tadbir urus ESG, meningkatkan tahap ketelusan, serta menyelaraskan amalan dengan piawaian global.

Jumlah bilangan penglibatan dengan Syarikat Pelaburan mengenai topik ESG

46

Bilangan syarikat yang terlibat

26

Kaedah libat urus

- Terlibat secara langsung dengan barisan Lembaga Pengarah
- Mengadakan mesyuarat dengan pihak pengurusan dan unit operasi
- Mengeluarkan surat kepada pemegang saham untuk membincangkan tentang perkara yang perlu diutamakan
- Terlibat di dalam perbincangan kumpulan bersama Ahli Jawatankuasa Subbahagian Kelestarian
- Pengedaran laporan penilaian ESG yang disesuaikan

Topik berkaitan libat urus

- Penilaian strategi peralihan iklim
- Komunikasi berkaitan penemuan daripada Penilaian Kredibiliti Sifar Bersih
- Penjajaran dengan Dasar Hak Buruh PNB dan Pengenalpastian Jurang Pelaksanaan
- Komitmen dan amalan gaji mampan
- Penyebaran komponen utama Dasar Alam Semula Jadi dan Biodiversiti PNB
- Penilaian inisiatif alam semula jadi dan biodiversiti

Hasil Utama

- Pengisytiharan awam berkaitan sasaran Sifar Bersih oleh syarikat pelaburan
- Penerbitan formal berkaitan Dasar Hak Buruh dan Hak Asasi Manusia
- Pendedahan berkaitan Gas Rumah Hijau (GHG) yang ditambah baik dan penggunaan strategi iklim yang lebih komprehensif

Melangkah ke hadapan, kami akan memberi tumpuan kepada keutamaan ESG termasuk kehilangan alam semula jadi dan biodiversiti, risiko iklim fizikal, serta pemerkasaan gaji kehidupan wajar — bagi menyokong integrasi ESG yang lebih kukuh dan amalan perniagaan yang bertanggungjawab di seluruh portfolio kami.

Gaji Kehidupan Wajar

Sebagai sokongan kepada inisiatif GEAR-uP oleh Kementerian Kewangan Malaysia, PNB telah memperkukuh komitmennya dalam mempromosikan amalan gaji kehidupan wajar di seluruh ekosistem pelaburannya. Gaji kehidupan wajar telah muncul sebagai perkara utama dalam tadbir urus pelaburan pada tahun 2024, dengan sesi libat urus aktif sedang dijalankan bagi menggalakkan syarikat-syarikat utama dalam portfolio kami untuk mengamalkan pendekatan ini. Menerusi Program GEAR-uP, PNB turut bekerjasama dengan GLIC yang lain untuk menyelaras jangkaan dan bergerak ke arah takrifan piawai bagi gaji kehidupan wajar yang berwibawa. Selain itu, garis panduan pengundian kami yang telah ditambah baik menggalakkan semua syarikat untuk mengamalkan gaji kehidupan wajar secara progresif, selaras dengan aspirasi kami untuk memupuk budaya pemberian pampasan yang adil dan saksama di Malaysia.

Hak Buruh

PNB secara aktif telah mempertingkatkan amalan buruh dalam kalangan syarikat pelaburannya melalui pelaksanaan Dasar Hak Buruh, yang diperkenalkan pada tahun 2022. Dasar ini menekankan enam Perkara-perkara Matan Utama, iaitu buruh paksa dan kanak-kanak, upah dan faedah saksama, kesamarataan dan keterangkuman, kebebasan berpersatuan, keselamatan dan kesihatan, dan peningkatan kemahiran dan pendidikan. PNB juga telah menetapkan supaya syarikat pelaburan mematuhi piawaian buruh kebangsaan dan antarabangsa, sejajar dengan empat jangkaan teras kami, iaitu:

Empat Jangkaan Teras PNB Terhadap Hak Buruh di dalam Syarikat Pelaburan:

Strategi untuk memberi tumpuan dan menangani isu berkaitan Hak Buruh

Penilaian terhadap isu utama berkaitan bahan bersifat matan bersama dengan pelan tindakan

Satu mekanisme aduan rasmi dengan perlindungan terhadap pemberi maklumat

Dasar hak buruh yang jelas

Pencapaian penting termasuk:

- Pelaksanaan Kaji Selidik Hak Buruh 2023 melibatkan 23 syarikat pelaburan, di samping penglibatan dengan 53 calon pengarah PNB bagi menetapkan garis dasar prestasi.
- Pengenalpastian syarikat yang menunjukkan prestasi yang baik dan lemah dalam amalan buruh melalui analisis jurang yang terperinci serta penglibatan berterusan untuk menggalakkan penyelarasan dengan piawaian hak asasi manusia dan buruh di peringkat nasional dan antarabangsa.
- Penglibatan berterusan sepanjang tahun 2023–2024 telah menghasilkan kemajuan yang ketara, dengan lebih daripada sepuluh syarikat telah menerbitkan dasar hak buruh atau hak asasi manusia.
- Penyelidikan asas yang komprehensif dilaksanakan pada tahun 2023–2024 bagi menyelaraskan dasar PNB dengan Pelan Tindakan Kebangsaan Malaysia mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia.
- Pengembangan prosedur usaha wajar hak asasi manusia, ke arah penyesuaian Dasar Hak Buruh kepada rangka kerja hak asasi manusia yang lebih luas, holistik dan berpaksikan nilai keinsanan.
- Penglibatan dalam inisiatif advokasi strategik, seperti program GEAR-uP oleh Kementerian Kewangan (MOF), yang mengukuhkan prinsip gaji kehidupan wajar dalam kalangan syarikat pelaburan.

Bab 2: Integrasi ESG ke dalam Pelaburan dan Operasi – daripada Komitmen kepada Impak

Pada tahun 2024, kami telah menilai Syarikat Pelaburan kami dalam dua fasa:

Fasa 1 Peserta Kaji Selidik Hak Buruh 2023

Menetapkan Semula Asas Pemarkahan bagi Papan Pemuka Hak Buruh dengan:

- ▶ Menyemak semula maklum balas syarikat daripada Kaji Selidik Hak Buruh 2023 berdasarkan pendedahan terkini
- ▶ Menilai Dasar Hak Buruh dan Hak Asasi Manusia serta inisiatif sosial syarikat berbanding enam Perkara-perkara Matan Utama yang telah ditetapkan

Berinteraksi dengan syarikat pelaburan untuk membincangkan kemajuan mereka dengan:

- ▶ Menangani jurang yang dikenal pasti dan melalui soalan utama
- ▶ Mengaktifkan kerja-kerja pengurusan melalui Pengarah Lantikan

Fasa 2 Kumpulan syarikat teras dan anak syarikat yang masih tinggal

Melaksanakan penilaian awal dengan menilai sejauh mana dasar dan inisiatif sosial syarikat sejajar dengan Jangkaan Dasar Hak Buruh PNB.

Berinteraksi dengan syarikat subsidiari untuk menilai kemajuan mereka dengan:

- ▶ Menangani jurang yang telah dikenal pasti dan perkara utama yang menjadi kebimbangan
- ▶ Memberi panduan dalam merangka Dasar Hak Buruh masing-masing

Sejak tahun 2023, kami telah menyaksikan kemajuan ketara dalam amalan Hak Buruh dan hak asasi manusia dalam kalangan syarikat pelaburan kami, dengan lebih daripada sepuluh syarikat telah menerbitkan atau memberi komitmen untuk menerbitkan dasar yang berdiri sendiri susulan daripada sesi libat urus kami. Banyak syarikat yang sebelum ini dikenal pasti sebagai syarikat yang ketinggalan kini telah membangunkan strategi yang jelas atau mula melaksanakan amalan kerja yang terbaik. Pada tahun 2024 sahaja, lapan syarikat pelaburan — terdiri daripada empat Syarikat Strategik, dua anak syarikat milikan penuh, satu Syarikat Teras, dan satu Pelaburan Minoriti — telah menerbitkan Dasar Hak Buruh atau Hak Asasi Manusia yang sejajar dengan jangkaan PNB.

Pertimbangan Alam Semula Jadi dan Biodiversiti

Pendekatan kami terhadap alam semula jadi dan biodiversiti dibangunkan berasaskan piawaian, garis panduan dan rangka kerja yang merangkumi — tetapi tidak terhad kepada — Rangka Kerja Biodiversiti Global (GBF), Rangkaian Sasaran Berasaskan Sains (SBTN), Rangka Kerja Pendedahan Berkaitan Alam Semula Jadi (TNFD), Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO), Pendekatan Stok Karbon Tinggi (HCSA), Rangkaian Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCVN), serta Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (2022–2030).

Prinsip menyeluruh pendekatan kami adalah seperti berikut:

1

Memperkuh penilaian risiko berkaitan alam semula jadi dan biodiversiti dalam analisis pelaburan secara keseluruhan melalui pendekatan yang praktikal dan berkesan.

2

Mempertingkatkan pendedahan kami sendiri berkenaan risiko dan peluang yang berkaitan dengan alam semula jadi dan biodiversiti, di samping menggalakkan ketelusan yang lebih tinggi dalam kalangan syarikat pelaburan kami.



3

Menggunakan hak mengundi secara aktif untuk memastikan setiap syarikat mengintegrasikan amalan bertanggungjawab bagi meminimumkan impak terhadap alam semula jadi dan biodiversiti, terutamanya apabila ianya bersifat matan.

4

Menjalinkan kerjasama dengan pembuat dasar, badan kawal selia, dan pihak berkepentingan lain mengenai isu alam semula jadi dan biodiversiti apabila diperlukan.

5

Menggerakkan strategi penglibatan khusus dengan syarikat-syarikat berkeutamaan tinggi yang terdedah kepada kehilangan terhadap alam semula jadi dan biodiversiti, serta menggalakkan mereka untuk mengurus dan menilai risiko serta impak berkaitan alam semula jadi dan biodiversiti.

6

Mengambil bahagian dalam usaha penglibatan secara bersama serta penyediaan kenyataan pelaburan yang berkaitan dengan isu alam semula jadi dan biodiversiti.

Berasaskan lima pendorong perubahan alam semula jadi yang diterangkan oleh Platform Dasar Sains Antara Kerajaan mengenai Perkhidmatan Biodiversiti dan Ekosistem (IPBES) serta TNFD, termasuk hak-hak Penduduk Pribumi dan komuniti tempatan, pendekatan kami berteraskan enam Isu-isu Matan Utama:

Kesan perubahan iklim terhadap alam semula jadi dan biodiversiti



Pemuliharaan dalam ekosistem darat, air tawar dan lautan



Penggunaan dan penambahan sumber yang mampan



Pengurangan pencemaran dan perlindungan biodiversiti



Pengurusan dan kawalan spesies asing invasif



Menegakkan kesaksamaan sosial dalam pemuliharaan biodiversiti



Pada tahun 2024, PNB telah mencapai kemajuan yang signifikan dalam memajukan agenda alam semula jadi dan biodiversiti. Kami telah menjalankan penilaian matan awal untuk mengenal pasti aset dan syarikat berkeutamaan tinggi yang terdedah kepada risiko berkaitan alam semula jadi, serta menetapkan garis dasar prestasi bagi syarikat strategik dan teras kami dengan membandingkan kedudukan kami berbanding pengurus aset antarabangsa terkemuka. Untuk memperdalam pemahaman, kami turut berinteraksi dengan syarikat pelaburan, GLIC, NGO, penyedia data, dan rakan sejawat global.

Kami juga telah membangunkan proses Pemeriksaan Lokasi bagi pelaburan berkeutamaan tinggi, yang dipandu bersama Vilela Port Dickson, menggunakan pendekatan LEAP daripada rangka kerja TNFD untuk menilai pergantungan, impak, risiko, dan peluang berkaitan alam semula jadi. Sebagai pelengkap kepada usaha ini, kami juga telah memuktamadkan Dasar Alam Semula Jadi dan Biodiversiti PNB — yang dibentuk berdasarkan kajian dan penglibatan dengan pihak berkepentingan dalaman serta syarikat pelaburan yang mempunyai pendedahan tinggi terhadap alam semula jadi. Dasar ini menerangkan pendekatan, skop, jangkaan teras, dan amalan terbaik kami, serta terpakai kepada semua syarikat pelaburan PNB yang memberi keutamaan kepada tema berkaitan alam semula jadi, termasuk PNB dan kumpulan syarikat-syarikatnya. Dasar ini, yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah PNB, telah diterbitkan di laman web rasmi PNB pada suku pertama 2025. Untuk menyokong pelaksanaan usaha ini, kami turut memperkenalkan penilaian NDPE tahunan bagi memantau komitmen syarikat pelaburan.

Dasar Pengecualian dan Pelupusan bagi Sektor Berisiko Tinggi

Prinsip kemampanan merupakan prinsip yang selari sepenuhnya dengan prinsip Syariah, dan kedua-dua prinsip ini membimbing kami dalam membuat keputusan pelaburan secara beretika. Gabungan prinsip-prinsip ini telah menghasilkan satu senarai pengecualian yang jelas bagi sektor-sektor yang tidak sejajar dengan prinsip kemampanan serta amalan pengurusan risiko kami. Senarai ini telah disemak dan dikemas kini setiap tahun bagi memastikan ia kekal relevan dan teguh. Seperti yang telah digariskan dalam Dasar Kemampanan kami, PNB mengekalkan dasar pengecualian yang ketat terhadap sektor-sektor yang melibatkan alkohol, perjudian, pelaburan baharu arang batu, tembakau, ganja dan dadah rekreasi, senjata, dan hiburan dewasa.

Komitmen Tiada penglibatan langsung dalam kawasan arang batu yang belum dibangunkan kami terpakai merentas pelaburan dalam pendapatan tetap, ekuiti awam dan ekuiti swasta — mencerminkan skop pengaruh langsung kami. Komitmen ini melarang sebarang pelaburan secara langsung dalam pembinaan baharu loji janakuasa arang batu terma dan aktiviti perlombongan arang batu, tanpa mengira sebarang bentuk strategi peralihan atau usaha kemampanan yang dikaitkan. Langkah ini merupakan mekanisme utama bagi mencegah peluasan penjana tenaga berasaskan arang batu terma, mengurangkan risiko aset terbiar selari dengan arah aliran sektor kewangan yang beralih jauh daripada arang batu, dan menyokong penyahkarbonan menyeluruh ekonomi dengan mengalih pelaburan ke arah pilihan alternatif yang mempunyai pelepasan karbon lebih rendah. Berdasarkan proses penelitian wajar ke atas pelaburan arang batu yang dijalankan pada tahun 2024, didapati tiada syarikat dalam portfolio kami telah melanggar komitmen “Tiada penglibatan langsung dalam kawasan arang batu yang belum dibangunkan” ini secara langsung.

Bab 2: Integrasi ESG ke dalam Pelaburan dan Operasi – daripada Komitmen kepada Impak

PNB telah menzahirkan komitmennya terhadap prinsip NDPE (Tiada Penebangan Hutan, Tiada Gambut dan Tiada Eksploitasi) sejak tahun 2022, dan komitmen ini telah diperincikan dalam Dasar Alam Semula Jadi dan Biodiversiti yang diterbitkan baru-baru ini. Dasar ini menetapkan jangkaan kami terhadap syarikat-syarikat — terutamanya dalam sektor hutan berisiko dan sektor yang menggunakan tanah secara intensif — untuk menggunakan pakai piawaian NDPE atau standard yang setara. Pada tahun 2024, kami telah membangunkan dan melaksanakan satu bentuk penilaian NDPE bagi menilai tahap penajaran syarikat pelaburan kami terhadap prinsip ini. Penilaian tersebut mendapati bahawa kesemua syarikat pelaburan utama kami dalam sektor Minyak Sawit, Kayu Balak, Perhutanan, dan Kertas telah menggunakan pakai komitmen NDPE atau janji yang berkaitan seperti “Tiada Penebangan Hutan” dan “Tiada Pembangunan Tanah Gambut”. Kami beriltizam untuk terus memantau sebarang kontroversi dan menjalankan libat urus dengan syarikat-syarikat berkaitan bagi menggalakkan ketelusan dan akauntabiliti yang lebih tinggi dalam usaha bagi mengelakkan penebangan hutan, pembangunan tanah gambut, serta potensi eksploitasi hak asasi manusia terhadap komuniti yang terlibat. Secara positifnya, kami mengamati semakin banyak syarikat yang mula memberikan komitmen terhadap penggunaan minyak sawit mampan dan amalan pengurusan tanah yang bertanggungjawab — satu petanda penajaran yang semakin kukuh dengan piawaian ESG global.

Tindakan Iklim dan Pengurusan Alam Sekitar

Komitmen NZE PNB (menjelang 2025)

PNB kekal teguh dalam komitmennya untuk mencapai sasaran Pelepasan Sifar Bersih (Net Zero Emissions, NZE) menjelang tahun 2025. Kemajuan yang ketara telah dicapai, di mana Kumpulan telah berjaya merealisasikan pengurangan sebanyak 98% dalam pelepasan Skop 1 dan Skop 2 dari tahun asas 2022 hingga 2024. Pengurangan yang signifikan ini mencerminkan pendekatan menyeluruh PNB dalam mengintegrasikan strategi yang peka terhadap perubahan iklim ke dalam operasi hariannya, sekaligus memperkukuh usaha ke arah kelestarian jangka panjang.

Strategi terstruktur R₂O PNB terus menjadi teras utama dalam memacu pengurangan pelepasan gas rumah kaca. Pendekatan ini merangkumi peningkatan kecekapan tenaga secara sistematik, integrasi tenaga boleh diperbaharui secara strategik, serta sistem pemantauan dan pelaporan pelepasan GHG yang menyeluruh.

Strategi kami berkaitan Kurangkan, Gantikan dan Ofset (“R₂O”)



Kurangkan

Mengutamakan inisiatif pengurangan kadar pelepasan

Pemetaan pelepasan dan garis dasar

Menentukan inisiatif pengurangan karbon berimpak tinggi

Menggabungkan nilai ESG dalam operasi harian

Melibatkan dan mendidik secara radikal melalui komunikasi ESG strategik



Gantikan

Peningkatan kecekapan yang membawa kepada pengurangan pelepasan GHG

Inisiatif penggantian peralatan berimpak tinggi

Aktiviti pengurangan pelepasan yang disasarkan

Penilaian ke atas ketersediaan teknologi di pasaran

Pengurusan perubahan dan penglibatan



Ofset

Pembelian Pampasan Karbon bagi pelepasan GHG yang sukar dikurangkan

Penjajaran dengan piawaian yang boleh dipercayai dalam proses pengimbangan

Mengutamakan inisiatif pembinaan negara

Projek yang boleh disahkan dan diyakini

Jejak Karbon Korporat dan Langkah Kecekapan Tenaga

Pada tahun 2024, PNB telah membangunkan Garis Panduan Kecekapan dan Pemuliharaan Tenaga Dalaman bagi membantu warga kerja di seluruh Kumpulan PNB mengurangkan penggunaan tenaga serta mematuhi Akta Kecekapan dan Pemuliharaan Tenaga (EECA) 2024. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha PNB dalam menyokong pengurangan pelepasan karbon pada peringkat perusahaan. Garis panduan ini mengkategorikan warga kerja kepada dua kumpulan utama, iaitu kakitangan bukan pengawal tenaga dan kakitangan pengawal tenaga. Setiap kumpulan diberikan tindakan penjimatan tenaga yang disesuaikan mengikut peranan masing-masing. Langkah-langkah pemuliharaan tenaga tahap kos pelaksanaan, seperti berikut:

1

Langkah Tanpa Kos melibatkan usaha minimum tanpa sebarang gangguan terhadap operasi harian. Contoh langkah ini termasuk mematikan lampu, komputer dan peralatan elektrik apabila tidak digunakan. Langkah-langkah ini terpakai kepada semua warga kerja tanpa mengira peranan.

2

Langkah Kos Rendah ditujukan terutamanya kepada kakitangan yang mengawal penggunaan tenaga. Langkah ini merangkumi peningkatan kecil terhadap sistem sedia ada, seperti menukar lampu pendarfluor **kepada lampu LED**.

3

Langkah Kos Tinggi melibatkan pelaburan yang besar serta terdapat kemungkinan berlaku gangguan kepada operasi. Contohnya termasuk melantik perunding untuk menilai penggunaan tenaga secara menyeluruh atau memasang peralatan cekap tenaga yang berteknologi tinggi.

Menetapkan tahun 2022 sebagai garis dasar telah menyediakan asas yang kukuh bagi mencapai sasaran sifar bersih bagi pelepasan operasi kami menjelang tahun 2025. Ini melibatkan pengenalan menyeluruh terhadap sumber utama pelepasan GHG serta inisiatif penyahkarbonan yang disasarkan. Sehubungan itu, pada tahun 2024, kami telah melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut:

Pelaksanaan langkah-langkah pengubahsuaian cekap tenaga yang maju di seluruh kemudahan korporat, dengan ketara telah meningkatkan prestasi tenaga operasi berbanding tahun 2023.

Menaik taraf kepada sistem motor yang cekap serta menggantikan lampu pendarfluor kepada LED di bangunan lama telah mengurangkan penggunaan elektrik yang ketara dari tahun ke tahun.

Eksplorasi dan penerimaan awal pengimbangan karbon serta sijil tenaga yang boleh diperbaharu telah dijalankan sebagai langkah tambahan untuk mengurangkan pelepasan operasi karbon dengan lebih berkesan.

Kesedaran terhadap perubahan iklim juga secara sistematik telah diserapkan ke dalam program latihan pekerja, buletin dalaman, dan acara khas, terutamanya pada Hari Kelestarian, bagi memupuk budaya korporat yang peka terhadap alam sekitar.

